

هدية  
HÄDIYAH



# RISALAH PERTAMA

حراسة التوحيد

Melayu

ملايو



Karya

Samahat al-Shaykh Imam

Abdul ‘Azīz bin Abdullah Ibn Bāz

ح) جمعية خدمة المحتوى الإسلامي باللغات ، ١٤٤٦ هـ

بن باز ، عبدالعزيز  
حراسة التوحيد - ملايو . / عبدالعزيز بن باز ؛ جمعية خدمة  
المحتوى الإسلامي باللغات - ط١ . - الرياض ، ١٤٤٦ هـ  
٢٣٢ ص ؛ .سم

رقم الإيداع: ١٤٤٦/١٤٩٥٢  
ردمك: ٩٧٨-٦٠٣-٨٥٢٤-٠٩-١

# سلسلة حراسة التوحيد

## RISALAH PERTAMA

# Risalah Pertama

## Akidah Yang Sahih dan Pembatalnya

Karya Samahat al-Shaykh Imam Abdul ‘Azīz bin Abdullah Ibn Bāz

Segala puji hanya bagi Allah semata; selawat dan salam ke atas Rasul yang tiada nabi selepasnya, juga ke atas kerabat dan para sahabat baginda.

Memandangkan akidah yang sahih adalah asas utama agama Islam dan teras keimanan, saya melihat betapa pentingnya membahaskan perkara ini serta menulis dan mengarang bagi menjelaskannya dengan lebih terang.

Sudah menjadi ketetapan berdasarkan dalil-dalil syarak daripada al-Quran dan al-Sunnah bahawa segala amalan dan ucapan hanya sah dan diterima jika berpaksikan akidah yang benar. Namun, jika akidah itu tidak sahih, maka segala amalan dan ucapan yang lahir daripadanya menjadi batal, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَمَنْ يَكْفُرْ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

*"Dan sesiapa yang kufur terhadap keimanan, maka sungguh, terhapuslah amalannya, dan dia di akhirat termasuk dalam golongan yang rugi."*

(Surah al-Mā'idah: 5)

Allah SWT berfirman:

﴿وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

*"Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada orang-orang sebelummu: Jika engkau mempersekutukan (Allah), nescaya akan terbatal segala amalanmu, dan engkau pasti termasuk orang-orang yang rugi."*

(Surah al-Zumar: 65)

Banyak lagi ayat yang sama makna dengan ini. Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya SAW telah membuktikan bahawa akidah yang sahih berkisar dalam enam perkara, iaitu:

Beriman kepada Allah,

Beriman kepada malaikat-Nya,

Beriman kepada kitab-kitab-Nya,

Beriman kepada rasul-rasul-Nya,

Beriman kepada hari akhirat,

Beriman kepada takdir, sama ada yang baik mahupun yang buruk. Enam perkara inilah asas utama akidah yang benar, yang diturunkan dalam Kitab Allah

yang mulia dan dengan yang demikian Allah mengutus Rasul-Nya, Muhammad SAW.

Dalil-dalil yang banyak telah disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah yang sahih bagi menetapkan enam asas utama ini. Antaranya, sebagai contoh:

**Pertama: Dalil daripada al-Quran, antaranya firman Allah SWT:**

﴿لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ﴾

*"Kebajikan itu bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah sesiapa yang beriman kepada Allah, hari akhirat, malaikat-malaikat, kitab, dan para nabi."*

(Surah al-Baqarah: 177)

Demikian juga firman Allah SWT:

﴿آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ﴾

*"Rasul itu telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, dan rasul-rasul-Nya, (mereka berkata), 'Kami tidak membezakan seorang pun antara rasul-rasul-Nya'."*

(Surah al-Baqarah: 285).

Dan firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَكْفُرْ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Berimanlah kamu kepada Allah, Rasul-Nya, kitab yang telah diturunkan kepada Rasul-Nya, dan kitab yang telah diturunkan sebelum itu. Dan sesiapa yang kufur kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari akhirat, maka sesungguhnya dia telah tersesat dengan kesesatan yang jauh."*

(Surah al-Nisā': 136)

Dan firman Allah SWT:

﴿أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ﴾

*"Tidakkah kamu tahu bahawa Allah mengetahui apa yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya itu semua tertulis dalam sebuah kitab (Luh Mahfuz). Sesungguhnya perkara itu bagi Allah amat mudah."*

(Surah al-Hajj: 70)

Kedua: Dalil daripada al-Sunnah, antaranya hadis sahih yang masyhur, diriwayatkan oleh Muslim dalam Sahih-nya, daripada Amir al-Mu'minin 'Umar bin al-Khaṭṭāb (RA), bahawa Jibril (AS) bertanya kepada Nabi SAW tentang iman, lalu baginda menjawab:

“Iman itu ialah kamu beriman kepada Allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat, dan beriman kepada takdir baik dan buruknya.”<sup>1</sup>

Hadis ini juga diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim—dengan sedikit perbezaan lafaz—daripada Abū Hurairah (RA).

Daripada enam asas utama ini, terbitlah segala perkara yang wajib diyakini dan diimani oleh seorang Muslim, sama ada berkaitan hak Allah SWT, perkara akhirat, serta segala hal ghaib lainnya yang telah dikhabarkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW.

---

<sup>1</sup> Riwayat Muslim (8).

**Penjelasan tentang enam asas utama  
adalah seperti berikut:**

**Asas Pertama: Beriman kepada Allah  
SWT**

**Ia merangkumi beberapa perkara,  
antaranya:**

**Beriman bahawa Dia adalah satu-  
satunya Tuhan yang benar, yang  
berhak disembah tanpa sebarang  
sekutu.**

**Ini kerana Dialah yang menciptakan  
hamba-hamba-Nya, melimpahkan  
kebaikan kepada mereka, mengurus  
rezeki mereka, mengetahui segala  
yang tersembunyi dan yang nyata,  
serta berkuasa memberi balasan**

## kepada yang taat dan menghukum yang ingkar.

Allah SWT menciptakan manusia dan jin semata-mata untuk beribadah kepada-Nya serta memerintahkan mereka melaksanakannya, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾ ﴿مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعَمُوا﴾ ﴿إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَّاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ﴾

*"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku."*

*Aku tidak menginginkan rezeki daripada mereka dan Aku tidak ingin mereka memberi Aku makan.*

*Sesungguhnya Allah, Dialah Pemberi rezeki yang mempunyai kekuatan lagi sangat kukuh."*

(Surah al-Dhāriyāt: 56-58)

Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾ ﴿الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

*"Wahai manusia! Sembahlah Tuhan kamu, yang telah menciptakan kamu, dan orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa."*

*Yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagimu dan langit sebagai bangunan. Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan itu buah-buahan sebagai rezeki untukmu. Oleh itu, janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah sedangkan kamu mengetahui.*

(Surah al-Baqarah: 21-22).

Allah mengutus para rasul dan menurunkan kitab-kitab untuk menjelaskan hakikat tauhid ibadah ini dan menyeru kepadanya, serta memperingatkan berkenaan perkara yang menyalahinya, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus seorang rasul dalam setiap umat (dengan berkata): 'Sembahlah Allah dan jauhilah taghut (syaitan dan segala yang disembah selain Allah)'."*

(Surah al-Nahl: 36)

Allah SWT berfirman:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ﴾

*"Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum kamu (Muhammad), melainkan Kami wahyukan kepadanya bahwa tiada tuhan selain Aku; maka sembahlah Aku."*

(Surah al-Anbiyā': 25)

Allah SWT juga berfirman:

﴿الر كِتَابٌ أَحْكَمْتُ آيَاتُهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۝ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ﴾

*"Alif, Lam, Ra'. Ini adalah kitab yang ayat-ayatnya disusun dengan rapi dan dijelaskan secara terperinci dari sisi (Allah) yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui."*

*Janganlah kamu menyembah selain Allah. Sesungguhnya aku adalah pemberi peringatan dan pembawa berita gembira daripada-Nya untukmu."*

(Surah Hūd: 1-2)

Hakikat ibadah adalah mengesakan Allah SWT dalam segala bentuk peribadatan yang diperintahkan kepada hamba-Nya, seperti berdoa, takut, berharap, solat, puasa, penyembelihan, nazar dan lain-lain jenis ibadah, dengan penuh ketundukan kepada-Nya, mengharap ganjaran-Nya, serta takut akan azab-Nya, disertai kecintaan yang sempurna dan kerendahan diri terhadap keagungan-Nya.

Sesiapa yang merenungi al-Quran akan mendapati bahawa sebahagian besar daripadanya diturunkan bagi menegaskan prinsip agung ini, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ بِالْحَقِّ فَاَعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ۚ أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ﴾

*"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu Kitab (al-Quran) dengan kebenaran, maka sembahlah Allah dengan mengikhlaskan agama kepada-Nya.*

*Ingatlah, hanya milik Allah segala ibadah yang murni. Sementara orang-orang yang mengambil pelindung selain-Nya berkata: 'Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah sedekat-dekatnya.' Sesungguhnya Allah akan menetapkan keputusan antara mereka tentang apa yang mereka perselisihkan. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada pendusta dan sangat ingkar."*

(Surah al-Zumar: 2-3).

Demikian juga firman Allah SWT:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ﴾

*"Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia."*

(Surah al-Isrā': 23)

dan firman Allah,

﴿فَادْعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ﴾

*"Maka berdoalah kepada Allah dengan mengikhlasakan ketaatan kepada-Nya, meskipun orang-orang kafir membenci."*

(Surah Ghāfir: 14)

Demikian juga, sesiapa yang merenungi al-Sunnah akan mendapati bahawa ia turut memberikan perhatian besar terhadap asas yang agung ini. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhārī dan Sahih Muslim daripada Mu'ādh (RA), bahawa Nabi SAW bersabda:

*"Hak Allah ke atas hamba-Nya ialah mereka menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan apa pun."<sup>2</sup>*

Termasuk dalam keimanan kepada Allah juga ialah beriman dengan segala yang diwajibkan ke atas hamba-

---

<sup>2</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī (2856) dan Muslim (30).

Nya dan difardukan ke atas mereka, seperti rukun Islam yang lima, iaitu:

1. Penyaksian bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah, dan bahawa Muhammad adalah Rasul Allah,

2. Mendirikan solat,

3. Menunaikan zakat,

4. Berpuasa pada bulan Ramadan,

5. Menunaikan haji ke Baitullah bagi yang mampu.

Selain itu, turut termasuk dalam keimanan kepada Allah ialah beriman dengan segala kewajipan lain yang telah ditetapkan oleh syariat yang suci.

Daripada rukun-rukun ini, yang paling utama dan agung ialah penyaksian bahawa tiada yang berhak disembah selain Allah, dan bahawa Muhammad adalah Rasul Allah. Penyaksian ini menuntut keikhlasan dalam beribadah hanya kepada Allah dan menafikan penyembahan terhadap selain-Nya. Inilah makna "Lā ilāha illā Allāh" yang dijelaskan oleh para ulama—rahimahumullah—iaitu: "Tiada yang berhak disembah dengan benar melainkan Allah".

Berdasarkan hakikat ini, segala sesuatu yang disembah selain Allah—sama ada manusia, malaikat, jin, atau lainnya—adalah disembah dengan batil,

sedangkan satu-satunya yang berhak disembah dengan benar hanyalah Allah, tiada sekutu bagi-Nya. Sebagaimana firman-Nya:

﴿ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ هُوَ الْبَاطِلُ﴾

*“Yang demikian itu kerana sesungguhnya Allah, Dialah (Tuhan) yang hak, dan sesungguhnya apa sahaja yang mereka seru selain daripada Allah, itulah yang batil.”*

(Surah al-Ḥajj: 62)

Telah dijelaskan sebelumnya bahawa Allah SWT menciptakan manusia dan jin untuk menegakkan asas yang agung ini, memerintahkan mereka dengannya, mengutus para rasul, dan menurunkan kitab-kitab-Nya demi tujuan tersebut. Maka, setiap hamba hendaklah merenunginya dengan mendalam serta banyak menelitinya, agar jelas baginya kejahilan besar yang menimpa kebanyakan kaum Muslimin dalam perkara ini—sehingga mereka menyembah selain Allah dan mempersembahkan hak eksklusif-Nya kepada selain-Nya.

Hanya kepada Allah kita memohon pertolongan.

Termasuk dalam keimanan kepada Allah juga ialah beriman bahawa Dialah Pencipta alam, Pengatur segala urusan mereka, dan yang mentadbir mereka dengan

ilmu dan kekuasaan-Nya sebagaimana yang Dia kehendaki.

Termasuk sebahagian daripada keimanan kepada Allah SWT ialah beriman bahawa Dia adalah Pencipta alam, Pengatur segala urusan mereka, dan yang Menguasai mereka dengan ilmu dan kekuasaan-Nya sebagaimana yang Dia kehendaki. Allah adalah Pemilik dunia dan akhirat serta Tuhan bagi semua makhluk. Tidak ada pencipta selain-Nya, dan tidak ada Tuhan selain-Nya.

Allah SWT juga mengutus para rasul dan menurunkan kitab-kitab-Nya untuk memperbaiki keadaan hamba-hamba-Nya serta membimbing mereka kepada apa yang membawa keselamatan dan kesejahteraan, baik di dunia mahupun di akhirat.

Dialah satu-satunya Tuhan yang tiada sekutu bagi-Nya dalam semua perkara ini. Allah SWT berfirman:

﴿اللَّهُ خَالِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ﴾

*"Allah Pencipta segala sesuatu, dan Dia Maha Mengawasi segala sesuatu."*

(Surah al-Zumar: 62)

Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ مُسَخَّرَاتٌ بِأَمْرِهِ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ﴾

*"Sungguh! Tuhan kalian adalah Allah yang menciptakan seluruh langit dan bumi dalam tempoh enam masa; kemudian Dia bersemayam di atas Singgahsana; Dia menirai malam dengan siang, saling berkejaran pantas; matahari, bulan dan bintang semuanya di bawah perintah-Nya. Ketahuilah! Hak-Nya sahaja penciptaan dan perintah; maha berkat Allah, Tuhan sekalian alam."*

(Surah al-A'raf: 54)

Selain itu, termasuk dalam keimanan kepada Allah ialah beriman dengan nama-nama-Nya yang indah serta sifat-sifat-Nya yang luhur sebagaimana yang disebut dalam Kitab-Nya yang mulia dan yang sahih daripada Rasul-Nya yang amanah, tanpa tahrif (penyelewengan makna), ta'til (penolakan sifat), takyif (menanyakan bagaimana sifat itu), dan tamsil (menyerupakan-Nya dengan makhluk).

Maka, hendaklah kita menerima nama dan sifat-Nya sebagaimana yang datang tanpa menanyakan "bagaimana", serta beriman dengan segala makna yang dikandunginya, iaitu sifat-sifat yang layak bagi Allah

SWT. Allah wajib disifatkan dengan sifat-sifat tersebut secara yang selayaknya bagi-Nya, tanpa menyerupai makhluk dalam apa jua aspek sifat-Nya, sebagaimana firman-Nya:

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

*"Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar, Maha Melihat."*

(Surah al-Syura: 11)

Allah SWT juga berfirman:

﴿فَلَا تَضْرِبُوا لِلَّهِ الْأَمْثَالَ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

*"Maka janganlah kamu membuat perumpamaan-perumpamaan bagi Allah. Sesungguhnya Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui."*

(Surah al-Nahl: 74)

Inilah akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah daripada kalangan para sahabat Rasulullah SAW dan para pengikut mereka yang berpegang teguh dengan kebenaran dalam hal nama-nama dan sifat-sifat Allah. Akidah ini turut diriwayatkan oleh Imam Abū al-Ḥasan al-Ash'arī – rahimahullah – dalam kitabnya Maqālāt, sebagai pegangan ahl al-ḥadīth dan Ahl al-Sunnah, serta disampaikan oleh selainnya daripada kalangan ulama dan orang-orang yang beriman.

Al-Awzā'ī – rahimahullah – berkata: Al-Zuhrī dan Makhūl pernah ditanya tentang ayat-ayat sifat, lalu mereka menjawab: "Terimalah ia sebagaimana datangnya."<sup>3</sup>

Al-Awzā'ī – rahimahullah – juga berkata: "Dahulu, ketika para tabi'in masih ramai, kami berakidahkan: Allah SWT berada di atas Singgahsana-Nya; kami beriman dengan segala yang dinyatakan dalam sunnah tentang sifat-sifat Allah."<sup>4</sup>

Al-Walīd bin Muslim – rahimahullah – berkata: Aku bertanya kepada Mālik, al-Awzā'ī, al-Layth bin Sa'd, dan Sufyān al-Thawrī – rahimahumullah – tentang hadis-hadis yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah, lalu

---

<sup>3</sup> Diriwayatkan oleh al-Lālakā'ī dalam *Sharḥ Uṣūl al-I'tiqād* (735) dan Ibn 'Abd al-Barr dalam *Jāmi' al-'Ilm wa Faḍlih* (1801), tetapi dengan lafaz 'ḥadīth-hadīth' sebagai ganti 'ayat-ayat sifat', dan lafaznya: "Riwayatkanlah hadis-hadis ini sebagaimana datangnya, dan janganlah kamu membahasnya."

<sup>4</sup> Diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *al-Asmā' wa al-Ṣifāt* (865), dan Ibn Taymiyyah mensahihkan sanadnya dalam *al-Ḥamawīyyah* (hlm. 269). Al-Dhahabī berkata dalam *al-'Arsh* (2/223): "Para perawinya adalah imam yang thiqah."

mereka semua menjawab: "Tetapkan ia sebagaimana datangnya, tanpa bertanya bagaimana."<sup>5</sup>

<sup>6</sup> Diriwayatkan oleh al-Lālakā'ī dalam Sharḥ Uṣūl al-I'tiqād (930) dan al-Bayhaqī dalam al-Asmā' wa al-Ṣifāt (955). Ketika ditanya tentang istiwa' (bersemayamnya Allah di atas 'Arasy), Rabī'ah bin Abī 'Abd al-Raḥmān – guru kepada Imam Mālik – menjawab: "Istiwa' itu tidak asing maknanya, namun 'bagaimana'nya tidak dapat difahami; wahyu telah datang daripada Allah, Rasul bertanggungjawab menyampaikannya dengan jelas, dan kewajiban kita adalah mempercayainya."<sup>7</sup> Ketika Imam Mālik – rahimahullah – ditanya tentang istiwa', beliau menjawab: "Istiwa' itu diketahui (maknanya), tetapi 'bagaimana'nya tidak diketahui; beriman dengannya adalah wajib, dan bertanya mengenainya adalah bidaah." Kemudian beliau berkata kepada penanya: "Aku tidak melihatmu melainkan seorang yang berniat jahat!" Lalu beliau mengarahkan agar orang itu diusir.<sup>8</sup>

---

<sup>5</sup> Diriwayatkan oleh al-Lālakā'ī dalam Sharḥ Uṣūl al-I'tiqād (665) dan al-Bayhaqī dalam al-Asmā' wa al-Ṣifāt (868).

<sup>6</sup> Diriwayatkan oleh Muslim (2996).

<sup>7</sup> Riwayat Muslim.

<sup>8</sup> Diriwayatkan oleh al-Bukhārī (3651) dan Muslim (2533) daripada 'Abdullāh bin Mas'ūd (RA).

Diriwayatkan juga makna yang serupa daripada Umm al-Mu'minīn, Umm Salamah (RA).<sup>9</sup>

Imam Abū 'Abd al-Raḥmān 'Abdullāh bin al-Mubārak – rahimahullah – berkata: "Kami mengenal Tuhan kami bahawa Dia berada di atas langit-Nya, di atas 'Arasy-Nya, terpisah daripada makhluk-Nya."<sup>10</sup> Nukilan para imam dalam bab ini banyak sekali sehingga tidak mungkin disebutkan semuanya dalam kuliah ini. Bagi sesiapa yang ingin mengetahuinya dengan lebih lanjut, bolehlah merujuk kepada karya-karya yang ditulis oleh para ulama Ahli Sunnah dalam bab ini, seperti Kitab al-Sunnah oleh Abdullah bin Imam Aḥmad, Kitab al-Tawḥīd oleh Imam Ibn Khuzaymah, Kitab al-Sunnah oleh Abū al-Qāsim al-Lālaka'ī, Kitab al-Sunnah oleh Abu Bakr Ibn Abī 'Āṣim, dan juga jawapan Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah kepada penduduk Ḥamāh, yang merupakan sebuah jawapan yang sangat bermanfaat. Di dalamnya, beliau menerangkan akidah Ahli Sunnah dan memetik banyak pandangan mereka serta dalil-dalil naqli dan aqli yang menunjukkan kebenaran pegangan

---

<sup>9</sup> Diriwayatkan oleh Muslim (1920) daripada Thawbān (RA).

<sup>10</sup> Diriwayatkan oleh Ibn Mājah (3952) daripada Thawbān (RA), dan disahihkan oleh Ibn Ḥibbān (6714) serta al-Ḥākim (8653).

Ahli Sunnah, serta menolak pandangan pihak yang menyelisih.

Kata-kata para imam Salaf dalam bab ini amat banyak dan tidak muat dinukilkan semuanya di sini. Sesiapa yang ingin mengetahui lebih lanjut boleh merujuk kepada karya para ulama Ahl al-Sunnah dalam bab ini, seperti:

- Kitab al-Sunnah karya ‘Abdullāh bin Imām Aḥmad
- Kitab al-Tawḥīd karya Imām Muḥammad bin Khuzaymah

- Kitab al-Sunnah karya Abū al-Qāsim al-Lālakā’ī al-Ṭabarī

- Kitab al-Sunnah karya Abū Bakr bin Abī ‘Āṣim

Begitu juga jawapan Syaikh al-Islām Ibn Taymiyyah kepada penduduk Ḥamāh, yang merupakan jawapan yang agung dan sarat dengan manfaat. Dalam jawapan tersebut, beliau menjelaskan akidah Ahl al-Sunnah, mengutip banyak perkataan mereka, serta menyertakan dalil-dalil naqlī dan ‘aqlī bagi meneguhkan kebenaran yang dipegang oleh Ahl al-Sunnah, serta membatalkan hujah lawan mereka. Begitu juga dengan risalahnya yang dikenali sebagai al-Tadmuriyyah, di mana beliau telah mengupas dengan luas perbahasan ini, menjelaskan akidah Ahl al-Sunnah berserta dalil-dalil naqlī dan ‘aqlī. Risalah ini

menumpaskan kebatilan bagi sesiapa yang menelitinya dengan niat yang baik dan keinginan yang tulus dalam mencari kebenaran. Ringkasnya, akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam bab nama-nama dan sifat-sifat Allah adalah bahawa mereka menetapkan bagi Allah SWT segala yang Dia tetapkan untuk diri-Nya dalam Kitab-Nya, atau yang ditetapkan oleh Rasul-Nya SAW dalam Sunnahnya—dengan penetapan tanpa penyerupaan (tamthīl).

Mereka juga menyucikan-Nya daripada menyerupai makhluk, dengan penyucian yang bebas daripada ta'tīl (penolakan sifat). Dengan itu, mereka selamat daripada kontradiksi dan telah mengamalkan seluruh dalil dengan bimbingan Allah. Demikianlah sunnatullah bagi sesiapa yang berpegang teguh kepada kebenaran yang dibawa oleh para rasul, bersungguh-sungguh dalam mencarinya, serta mengikhlaskan niat kerana Allah dalam mencarinya, maka Allah akan memberikan petunjuk kepadanya serta memperlihatkan hujahnya.

Sebagaimana firman Allah SWT:

﴿بَلْ نَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَاطِلِ فَيَدْمَغُهُ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ﴾

*"Bahkan, Kami lontarkan kebenaran atas kebatilan, lalu ia menghancurkannya, maka dengan serta-merta kebatilan itu lenyap."*

(Surah al-Anbiyā': 18)

Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا﴾

*"Mereka tidak mendatangkan kepadamu sesuatu perumpamaan melainkan Kami mendatangkan kepadamu kebenaran dan penjelasan yang lebih baik."*

(Surah al-Furqān: 33)

Adapun sesiapa yang menyelisihi Ahl al-Sunnah dalam keyakinan mereka mengenai nama-nama dan sifat-sifat Allah, maka pasti dia akan terjatuh dalam penyelisihan terhadap dalil-dalil naqlī (wahyu) dan ‘aqlī (akal), serta terjebak dalam pertentangan yang jelas dalam perkara yang dia tetapkan dan yang dia nafikan. Al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr – rahimahullah – dalam tafsirnya yang masyhur telah menyampaikan perkataan yang indah dalam topik ini ketika menafsirkan firman Allah SWT:

﴿إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ﴾

*"Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian Dia bersemayam di atas ‘Arasy."*

(Surah al-A'rāf: 54) Oleh sebab manfaatnya yang besar, maka elok untuk kita nukilkan di sini. Ibn Kathīr – rahimahullah – berkata:

"Banyak sekali pendapat manusia dalam perkara ini, tetapi bukan tempatnya untuk menghuraikannya di sini. Sebaliknya, kita mengikut manhaj Salaf al-Ṣāliḥ, iaitu seperti yang dipegang oleh Mālik, al-Awzā'ī, al-Thawrī, al-Layth bin Sa'd, al-Shāfi'ī, Aḥmad bin Ḥanbal, Ishāq bin Rāhwayh, serta para imam Islam terdahulu dan mutakhir, iaitu:

Menerima ayat-ayat sifat sebagaimana datangnya, tanpa takyīf (menanyakan bagaimana), tanpa tasybīh (menyerupakan Allah dengan makhluk), dan tanpa ta'tīl (menafikan sifat).

Makna zahir yang difahami oleh golongan yang menyerupakan Allah dengan makhluk adalah tertolak daripada Allah, kerana Allah tidak menyerupai sesuatu pun daripada makhluk-Nya, sebagaimana firman-Nya:

﴿لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

*"Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat."* (Surah al-Syura: 11) Sebagaimana kata para ulama, di antaranya Nu'aym bin Ḥammād al-Khuzā'ī – guru kepada al-Bukhārī – beliau berkata: "Sesiapa yang menyerupakan Allah dengan makhluk-Nya, maka dia telah kafir. Sesiapa yang

menafikan sesuatu yang Allah sifatkan bagi diri-Nya, maka dia juga telah kafir."<sup>11</sup> Tiada dalam sifat-sifat yang Allah tetapkan bagi diri-Nya mahupun yang Rasul-Nya tetapkan bagi-Nya sebarang unsur penyerupaan. Maka, sesiapa yang menetapkan bagi Allah segala yang disebut dalam ayat-ayat yang *ṣarīḥah* (jelas) dan hadis-hadis yang *ṣaḥīḥah*, dengan cara yang layak bagi keagungan-Nya, serta menafikan segala kekurangan daripada-Nya, maka dialah yang telah berada di atas jalan petunjuk."<sup>12</sup>

Termasuk juga dalam keimanan kepada Allah ialah beriman bahawa iman itu terdiri daripada ucapan dan perbuatan, ia bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan maksiat.

Tidak boleh mengkafirkan seseorang Muslim hanya kerana melakukan dosa-dosa besar yang tidak sampai ke tahap syirik atau kufur, seperti zina, mencuri, memakan riba, minum minuman memabukkan, derhaka kepada ibu bapa, serta dosa-dosa besar lain, selagi mana dia tidak menghalalkan perbuatan tersebut.

Sebagaimana firman Allah SWT:

---

<sup>11</sup> Wasiat ini diterbitkan dalam Catatan No. 17 oleh pihak pengurusan umum Penyelidikan Ilmiah, Fatwa, Dakwah dan Nasihat pada tahun 1402H.

<sup>12</sup> QS al-Baqarah: 102.

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ﴾

*"Sungguh, Allah tidak mengampunkan dosa syirik; dan Dia mengampuni dosa selain syirik bagi sesiapa yang Dia kehendaki."* (Surah al-Nisā': 48). Sebagaimana yang telah ditetapkan dalam hadis-hadis mutawātir daripada Rasulullah SAW, di antaranya sabda baginda: *"Sesungguhnya Allah akan mengeluarkan dari neraka sesiapa yang di dalam hatinya terdapat seberat biji sawi daripada keimanan."*<sup>13</sup>

### Asas Kedua: Beriman kepada Malaikat

Beriman kepada malaikat mengandungi dua perkara:

1. Beriman kepada malaikat secara umum – iaitu meyakini bahawa Allah SWT memiliki malaikat yang diciptakan untuk taat kepada-Nya. Allah menyifatkan mereka dalam firman-Nya:

﴿وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا سُبْحَنَهُ ۚ بَلْ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ ۝ لَا يَسْبِقُونَهُ ۚ بِالْقَوْلِ وَهُمْ بِأَمْرِهِ يَعْمَلُونَ ۝ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنْ أَرَادَ ۚ وَهُمْ مِنْ خَشْيَتِهِ مُشْفِقُونَ ۝﴾

*"Dan musyrikin berkata: 'Tuhan Yang Maha Pemurah telah mengambil anak (para malaikat).' Maha Suci Allah! Padahal mereka adalah hamba-hamba yang dimuliakan."*

---

<sup>13</sup> (QS al-Baqarah: 102)

*Mereka tidak mendahului-Nya dengan perkataan dan mereka mengerjakan perintah-Nya.*

*Dia mengetahui apa yang di hadapan mereka dan apa yang di belakang mereka, dan mereka tidak memberi syafaat kecuali bagi orang yang diredai-Nya, dan mereka sentiasa takut kerana kebesaran-Nya."*

(Surah al-Anbiyā': 26-28)

Mereka terdiri daripada pelbagai jenis, antaranya:

- Malaikat yang ditugaskan memikul 'Arasy,
- Malaikat penjaga syurga dan neraka,
- Malaikat yang ditugaskan mencatat amal perbuatan manusia. Beriman kepada malaikat secara terperinci – iaitu mengimani nama-nama malaikat yang disebut oleh Allah dan Rasul-Nya, seperti:

- Jibrīl – malaikat yang ditugaskan membawa wahyu,
- Mīkā'il – malaikat yang mengatur hujan,
- Mālik – penjaga neraka,
- Isrāfil – malaikat yang meniup sangkakala. Mereka disebut dalam hadis-hadis sahih, antaranya sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh 'Ā'ishah (RA):

"Malaikat diciptakan daripada cahaya, jin diciptakan daripada nyala api, dan Adam diciptakan daripada apa yang telah dijelaskan kepada kalian."<sup>14</sup>

## **Asas Ketiga: Beriman kepada Kitab-Kitab Allah**

### **Beriman kepada kitab-kitab Allah juga merangkumi dua perkara:**

1. Beriman kepada kitab-kitab secara umum – iaitu meyakini bahawa Allah SWT telah menurunkan kitab-kitab kepada para nabi dan rasul-Nya sebagai panduan untuk menjelaskan hak-Nya dan menyeru kepada-Nya, sebagaimana firman-Nya:

﴿لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ﴾

*"Sungguh, Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan bukti-bukti yang nyata, dan Kami turunkan bersama mereka Kitab dan neraca supaya manusia dapat berlaku adil."*

(Surah al-Ḥadīd: 25)

Allah SWT berfirman:

---

<sup>14</sup> (QS al-Baqarah: 255)

﴿كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيُحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ﴾

*"Manusia itu dahulu adalah umat yang satu, lalu mereka berselisih. Maka Allah mengutus para nabi sebagai pemberi khabar gembira dan peringatan, dan Dia menurunkan bersama mereka kitab membawa kebenaran untuk para nabi mengadili antara manusia tentang apa yang mereka perselisihkan."*

(Surah al-Baqarah: 213).

2. Beriman kepada kitab-kitab secara terperinci –  
iaitu mengimani kitab-kitab yang telah disebut  
namanya oleh Allah SWT, iaitu:

- Taurat
- Injil
- Zabur
- al-Quran

Kita berkeyakinan bahawa al-Quran adalah kitab yang paling utama, terakhir, dan yang menguasai serta membenarkan kitab-kitab sebelumnya. Ia wajib diikuti dan dijadikan hukum bagi seluruh umat manusia, selaras dengan sunnah yang sahih daripada Rasulullah SAW.

Allah SWT telah mengutus Rasul-Nya, Muhammad SAW, sebagai rasul kepada seluruh manusia dan jin, serta menurunkan al-Quran kepadanya agar menjadi hukum bagi mereka. Al-Quran juga merupakan penawar bagi segala penyakit hati, penjelasan bagi segala sesuatu, serta petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾

*“Dan ini adalah kitab yang Kami turunkan, kitab yang diberkati, maka ikutilah ia dan bertakwalah agar kamu diberi rahmat.”*

(Surah al-An‘ām: 155)

Allah SWT juga berfirman:

﴿وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ﴾

*“Dan Kami turunkan kepadamu kitab (Al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu, serta petunjuk, rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri.”*

(Surah al-Nahl: 89)

Allah SWT berfirman:

﴿قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ  
وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَأَمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ  
بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kalian semua, yang memiliki langit dan bumi; tiada tuhan selain Dia, yang menghidupkan dan mematikan. Maka berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi, yang beriman kepada Allah dan kata-kata-Nya, dan ikutilah dia agar kalian beroleh petunjuk."*

(Surah al-A'rāf: 158).

Banyak lagi ayat yang sama makna dengan ini.

## **Asas Keempat: Beriman kepada Para Rasul**

Beriman kepada rasul juga merangkumi dua perkara:

1. Beriman kepada rasul secara umum – iaitu meyakini bahawa Allah SWT telah mengutus kepada hamba-hamba-Nya para rasul dari kalangan mereka sendiri, sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan, serta sebagai penyeru kepada kebenaran.

Sesiapa yang menerima seruan mereka, maka dia akan berjaya dan berbahagia. Sebaliknya, sesiapa yang

menolak mereka, maka dia akan mengalami kerugian dan penyesalan yang besar.

Rasul terakhir dan yang paling utama di antara mereka ialah Nabi kita, Muhammad bin ‘Abdullāh SAW, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus seorang rasul dalam setiap umat (dengan berkata): "Sembahlah Allah dan jauhilah taghut (syaitan dan segala yang disembah selain Allah)."*

(Surah al-Nahl: 36)

Allah SWT berfirman:

﴿رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ﴾

*"Rasul-rasul itu sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar manusia tidak mempunyai alasan untuk membantah Allah setelah rasul-rasul itu diutus."*

(Surah al-Nisā': 165).

Allah SWT berfirman:

﴿مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ﴾

*"Muhammad itu bukanlah bapa kepada sesiapa pun antara lelaki kamu, tetapi dia adalah Rasul Allah dan penutup nabi-nabi."*

(Surah al-Aḥzāb: 40).

2. Beriman kepada rasul secara terperinci – iaitu meyakini secara khusus dan menyebut secara jelas nama-nama para rasul yang disebut oleh Allah atau yang telah disebut dalam sunnah Rasulullah SAW.

Di antara mereka ialah Nūḥ, Hūd, Ṣāliḥ, Ibrāhīm, dan lain-lain – semoga selawat dan salam sentiasa dilimpahkan ke atas mereka, keluarga mereka, serta para pengikut mereka.

## **Asas Kelima: Beriman kepada Hari Akhirat**

Beriman kepada hari akhirat merangkumi:

Meyakini segala yang dikhabarkan oleh Allah dan Rasul-Nya SAW mengenai peristiwa selepas kematian, termasuklah fitnah kubur, azabnya, dan kenikmatannya.

Demikian juga episod-episod dahsyat pada hari kiamat seperti kesukaran yang besar, sirat, mizan (timbangan), hisab (perhitungan), balasan amal, serta penyebaran catatan amalan; ada yang mengambil kitabnya dengan tangan kanan, ada yang mengambil dengan tangan kiri, atau dari belakangnya.

Termasuk juga dalam asas ini: Meyakini kewujudan al-Hawḍ (telaga) yang akan diberikan kepada Nabi Muhammad SAW, serta beriman kepada syurga dan neraka, melihat Allah SWT oleh orang-orang beriman, dan percakapan-Nya dengan mereka.

Semua ini telah disebut dalam al-Quran dan sunnah yang sahih, maka wajib bagi setiap hamba untuk meyakinkannya dan membenarkannya sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah dan Rasul-Nya SAW.

## **Asas Keenam: Beriman kepada Qadar (Takdir)**

Beriman kepada qadar merangkumi empat perkara utama:

1. Beriman bahawa Allah SWT telah mengetahui segala yang berlaku dan yang akan berlaku – termasuk keadaan hamba-hamba-Nya, rezeki, ajal, amalan, serta segala urusan mereka. Tiada satu pun yang tersembunyi daripada-Nya. Allah SWT berfirman:

﴿أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

*"Bahawasanya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."*

(Surah al-Baqarah: 231).

Allah SWT juga berfirman:

﴿لَتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا﴾

*"Supaya kamu mengetahui bahawa Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu, dan bahawa Allah meliputi segala sesuatu dengan ilmu-Nya"*

(Surah al-Ṭalāq: 12).

2. Beriman bahawa Allah telah menetapkan segala sesuatu dalam kitab-Nya – sebagaimana firman-Nya:

﴿قَدْ عَلِمْنَا مَا تَنْقُصُ الْأَرْضُ مِنْهُمْ وَعِندَنَا كِتَابٌ حَفِيظٌ﴾

*"Kami mengetahui apa yang berkurang dari bumi mereka, dan di sisi Kami ada sebuah kitab yang mencatat (segala yang berlaku)."*

(Surah Qāf: 4)

Allah SWT berfirman:

﴿وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ﴾

*"Dan segala sesuatu telah Kami catat dalam sebuah kitab yang nyata."*

(Surah Yā Sīn: 12).

Allah SWT berfirman:

﴿أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ﴾

*"Tidakkah kamu tahu bahawa Allah mengetahui apa yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya itu semua tertulis dalam sebuah kitab (Luh Mahfuz). Sesungguhnya perkara itu bagi Allah amat mudah."*

(Surah al-Ḥajj: 70)

3. Beriman bahawa kehendak Allah itu berkuasa sepenuhnya – apa yang dikehendaki-Nya pasti berlaku, dan apa yang tidak dikehendaki-Nya pasti tidak akan terjadi. Sebagaimana firman-Nya:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يَشَاءُ﴾

*"Sesungguhnya Allah melakukan setiap apa yang Dia kehendaki."*

(Surah al-Ḥajj: 18).

Allah SWT juga berfirman:

﴿إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ﴾

*"Sesungguhnya perintah-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: 'Jadilah!' maka terjadilah ia."*

(Surah Yā Sīn: 82).

Allah SWT juga berfirman:

﴿وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ﴾

*"Dan kamu tidak dapat berkehendak kecuali apabila Allah, Tuhan sekalian alam, menghendakinya."*

(Surah al-Takwīr: 29)

4. Beriman bahawa Allah adalah Pencipta segala sesuatu – tiada pencipta selain-Nya dan tiada Tuhan selain-Nya. Allah SWT berfirman:

﴿اللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ﴾

*"Allah Pencipta segala sesuatu, dan Dia adalah Pemelihara atas setiap sesuatu."*

(Surah al-Zumar: 62).

Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اذْكُرُوا لِلَّهِ عَلَيْكُمْ هَلْ مِنْ خَالِقٍ غَيْرُ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَأَنَّى تُؤْفَكُونَ﴾

*"Wahai manusia, ingatlah nikmat Allah kepadamu! Adakah pencipta selain Allah yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi? Tiada Tuhan selain Dia. Maka, mengapa kamu berpaling?"*

(Surah Fāṭir: 3).

Beriman kepada qadar merangkumi keempat-empat perkara ini, sebagaimana keyakinan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, berbeza dengan golongan ahli bid'ah yang mengingkari sebahagian daripadanya.

Antara perkara penting dalam akidah yang sahih menurut Ahl al-Sunnah ialah mencintai dan membenci kerana Allah, serta memberi wala' dan bara' kerana Allah. Ini termasuk dalam bab beriman dengan Allah SWT.

Maka wajib seorang mukmin mencintai sesama mukmin dan memberi wala' kepada mereka, manakala dia membenci dan memusuhi orang kafir kerana Allah.

Golongan yang paling berhak dicintai oleh umat ini selepas Nabi SAW ialah para sahabatnya. Ahl al-Sunnah berkeyakinan bahawa para sahabat adalah sebaik-baik manusia selepas para nabi, berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

“Sebaik-baik manusia adalah generasiku, kemudian generasi yang berikutnya, kemudian yang berikutnya.”

(Hadis ini disepakati sahih).

Ahl al-Sunnah juga berkeyakinan bahawa sahabat yang paling utama ialah:

- Abū Bakr al-Ṣiddīq,
- ‘Umar al-Fārūq,
- ‘Uthmān Dhū al-Nūrayn,
- ‘Alī al-Murtaḍā – semoga Allah meredai mereka semua.

Kemudian diikuti oleh sepuluh yang dijamin syurga, dan selepas itu para sahabat yang lain.

Ahl al-Sunnah juga menahan diri daripada membicarakan perselisihan yang terjadi antara para sahabat, kerana mereka berijtihad dalam perkara tersebut, dan sesiapa yang benar mendapatkan dua ganjaran, manakala sesiapa yang salah mendapatkan satu ganjaran.

Ahl al-Sunnah mencintai Ahl al-Bayt (keluarga Rasulullah SAW) yang beriman dan memberikan wala' kepada mereka.

Mereka juga memberikan wala' kepada isteri-isteri Nabi SAW yang merupakan Ummahāt al-Mu'minīn (ibu-ibu kaum mukminin) dan mendoakan keredaan buat mereka semua. Mereka berlepas diri daripada golongan Rāfiḍah yang membenci para sahabat dan mencaci mereka, serta yang berlebih-lebihan dalam mengagungkan Ahl al-Bayt hingga mengangkat mereka ke martabat yang tidak sepatutnya.

Mereka juga berlepas diri daripada golongan Nawāṣib yang menyakiti Ahl al-Bayt sama ada dengan perkataan atau perbuatan.

Semua yang telah disebutkan ini termasuk dalam akidah yang benar yang dengannya Allah mengutus Rasul-Nya, Muhammad SAW. Akidah ini wajib diyakini,

dipegang teguh, dan diamankan dengan istiqamah, serta perlu dijauhi segala yang menyelisihinya.

Inilah akidah al-Firqah al-Nājiyah (golongan yang selamat), yaitu Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sebagaimana yang disebut oleh Nabi SAW dalam sabdanya:

"Akan sentiasa ada satu golongan daripada umatku yang berada di atas kebenaran, tidak akan memudaratkan mereka orang yang mengkhianati mereka, hingga datang ketetapan Allah dan mereka tetap seperti itu."

"Akan sentiasa ada satu golongan dari umatku yang mendapat pertolongan di atas kebenaran."

Juga sabda Rasulullah SAW: "Orang-orang Yahudi telah berpecah menjadi 71 golongan, orang-orang Nasrani telah berpecah menjadi 72 golongan, dan umat ini akan berpecah menjadi 73 golongan, semuanya masuk neraka kecuali satu."

Lalu para sahabat bertanya: "Siapakah golongan itu, wahai Rasulullah?"

Baginda menjawab:

"Mereka yang berpegang kepada apa yang aku dan para sahabatku pegang hari ini."

## Akidah yang Bertentangan dengan Akidah yang Benar

Golongan yang menyimpang daripada akidah yang benar serta menentangnya terdiri daripada pelbagai jenis, antaranya para penyembah berhala, patung, malaikat, wali, jin, pokok, batu dan selainnya. Mereka tidak menyahut seruan para rasul, bahkan menentang mereka, sebagaimana kaum Quraisy dan sebahagian bangsa Arab menentang Nabi Muhammad SAW.

Mereka meminta hajat, kesembuhan penyakit, dan kemenangan ke atas musuh kepada berhala mereka, serta menyembelih dan bernazar untuk mereka.

Apabila Rasulullah SAW mengingkari perbuatan mereka dan memerintahkan mereka agar mengikhlaskan ibadah hanya kepada Allah, mereka berasa pelik dan menolak seruan itu, lalu berkata:

﴿أَجْعَلِ الْآلِهَةَ إِلَهًا وَاحِدًا إِنَّ هَذَا لَشَيْءٌ عُجَابٌ﴾

*“Apakah dia hendak menjadikan tuhan-tuhan itu satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini benar-benar sesuatu yang sangat menghairankan.”*

(Surah Şād: 5)

Rasulullah SAW terus-menerus menyeru kaumnya kepada tauhid dan memperingatkan mereka tentang

bahaya syirik. Setelah dakwah dan jihad yang panjang oleh Rasulullah SAW, para sahabat dan para tabiin, agama Islam terus-menerus tersebar luas, dan manusia masuk ke dalam agama Allah secara berbondong-bondong. Namun, setelah beberapa waktu, keadaan berubah, kejahilan menguasai sebahagian besar manusia dan ramai kembali kepada kepercayaan jahiliah.

Mereka berlebihan dalam mengagungkan para nabi dan wali. Mereka berdoa serta meminta pertolongan kepada selain Allah. Mereka tidak lagi memahami makna "Lā ilāha illa Allāh", bahkan orang kafir Quraisy lebih memahami maknanya berbanding mereka.

Hanya kepada Allah kita memohon pertolongan.

Syirik ini terus berkembang dalam kalangan manusia hingga ke zaman kita ini akibat daripada kejahilan yang meluas dan jauhnya zaman mereka daripada masa kenabian.

Kekeliruan musyrikin terkemudian ini sebenarnya sama sahaja dengan kekeliruan musyrikin pada zaman Nabi SAW. Masing-masing mendakwa:

﴿هَؤُلَاءِ شَفَعْتُنَا عِنْدَ اللَّهِ﴾

*"Mereka ini (orang-orang soleh) adalah pemberi syafaat bagi kami di sisi Allah."* (Surah Yūnus: 18) Begitu juga dakwaan:

﴿مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَى﴾

*"Kami tidak menyembah mereka melainkan agar mereka mendekatkan kami kepada Allah sedekat-dekatnya."* (Surah al-Zumar: 3). Allah SWT telah membatalkan hujah mereka dan menjelaskan bahawa sesiapa yang menyembah selain-Nya, maka dia telah melakukan syirik besar. Allah SWT berfirman:

﴿وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شُفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ﴾

*"Dan mereka menyembah selain Allah sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak pula memberi manfaat, dan mereka berkata: 'Mereka itu pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah'."*

(Surah Yūnus: 18)

Allah membalas dakwaan mereka dengan firman-Nya:

﴿قُلْ أَتَنْتَبِهُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾

*"Katakanlah: Apakah kamu hendak memberitahu Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya, baik di langit*

*mahupun di bumi? Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan.”*

(Surah Yūnus: 18)

Allah SWT telah menjelaskan dalam ayat ini bahawa menyembah selain-Nya, sama ada para nabi, wali, atau selainnya, merupakan syirik akbar (syirik besar), meskipun pelakunya menamakannya dengan nama lain. Allah SWT berfirman:

﴿وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ﴾

*“Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain-Nya berkata: 'Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya.'”*

(Surah al-Zumar: 3).

Allah SWT juga membantah mereka dalam firman-Nya;

﴿إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ﴾

*“Sesungguhnya Allah akan memutuskan antara mereka tentang apa yang mereka perselisihkan. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang pendusta dan sangat kufur.”*

(Surah al-Zumar: 3).

Dengan itu, Allah SWT menjelaskan bahawa menyembah selain-Nya dengan berdoa, takut, dan berharap kepada mereka adalah kekufuran kepada-Nya. Allah juga menolak dakwaan mereka bahawa sembah-sembahan mereka akan mendekatkan mereka kepada Allah.

Antara akidah kufur yang bertentangan dengan akidah yang benar dan menyalahi apa yang dibawa oleh para rasul adalah apa yang diyakini oleh para ateis di zaman ini, seperti pengikut Marx, Lenin, dan lain-lain. Sama ada mereka menyebutnya sebagai sosialisme, komunisme, atau seumpamanya, asas kepada akidah ini adalah tiada Tuhan, dan kehidupan hanyalah berdasarkan material semata-mata.

Mereka juga menolak adanya kehidupan selepas mati, menolak syurga dan neraka, serta mengingkari semua agama. Sesiapa yang membaca buku-buku mereka dan mengkaji pemikiran mereka akan memahami hal ini dengan yakin. Tidak syak lagi bahawa akidah ini bertentangan dengan semua agama samawi dan membawa pelakunya kepada akibat yang buruk di dunia dan akhirat.

Selain itu, antara akidah yang bertentangan dengan kebenaran ialah kepercayaan sebahagian golongan sufi

yang meyakini bahawa sebahagian wali memiliki kuasa dalam mengatur urusan dunia dan mentadbir alam.

Mereka menamakan individu-individu ini sebagai "Aqṭāb" (kutub-kutub), "Awtād" (pasak-pasak), dan "Aghwāth" (penolong-penolong).

Mereka menganggap para wali ini sebagai makhluk yang memiliki kuasa ghaib dan dapat menguruskan alam.

Ini adalah syirik dalam rubūbiyyah (keesaan Allah dalam penciptaan dan pengaturan alam), dan ia merupakan antara bentuk syirik yang paling jelek terhadap Allah SWT.

Jika seseorang meneliti syirik yang dilakukan oleh kaum jahiliah terdahulu dan membandingkannya dengan syirik yang berleluasa dalam kalangan sebahagian umat Islam zaman sekarang, dia akan mendapati bahawa syirik zaman sekarang lebih besar dan lebih dahsyat. Hal ini dapat dijelaskan melalui dua perkara berikut: 1. Kaum musyrik Arab zaman jahiliah tidak mensyirikkan Allah dalam rubūbiyyah (keesaan Allah dalam penciptaan dan pengaturan alam). Mereka mengakui bahawa hanya Allah yang menciptakan, memberi rezeki, menghidupkan, dan mematikan. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَيْنِ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ﴾

*"Dan jika engkau bertanya kepada mereka: 'Siapa yang menciptakan mereka?' Pasti mereka akan berkata: 'Allah'."*

(Surah al-Zukhruf: 87)

Firman Allah SWT:

﴿قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمَّنْ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَنْ يُدِيرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ﴾

*"Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi, atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan, dan siapakah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, serta siapakah yang mengatur segala urusan? Maka mereka akan menjawab: 'Allah.' Maka katakanlah: 'Mengapa kamu tidak bertakwa?'"* (Surah Yūnus: 31). Banyak lagi ayat yang sama makna dengan ini.

2. Syirik kaum jahiliah dahulu dalam ibadah tidak bersifat kekal. Mereka hanya melakukan syirik dalam keadaan senang, manakala dalam keadaan susah dan terdesak, mereka mengikhlaskan ibadah hanya kepada Allah.

Allah SWT berfirman:

﴿فَإِذَا رَكِبُوا فِي الْفُلِّ دَعَوْا اللَّهَ خُلُوصًا لَهُ الدِّينَ فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ إِذَا هُمْ يُشْرِكُونَ﴾

*"Maka apabila mereka naik kapal, mereka berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan doa kepada-Nya; tetapi ketika Allah menyelamatkan mereka sampai ke daratan, tiba-tiba mereka kembali mempersekutukan (Allah)."*

(Surah al-ʿAnkabūt: 65)

Namun, syirik umat Islam zaman sekarang lebih parah kerana mereka mensyirikkan Allah dalam dua aspek utama: 1. Sebahagian mereka mensyirikkan Allah dalam rubūbiyyah. 2. Syirik musyrikin terkemudian dalam ibadah berlaku dalam keadaan senang dan susah, sebagaimana yang dikenal pasti oleh sesiapa yang mengkaji keadaan mereka, dan melihat perbuatan mereka di kubur-kubur.

Antara contoh syirik yang jelas pada zaman sekarang ialah perbuatan sebahagian orang yang berdoa, meminta pertolongan (istighāthah), serta bernazar dan menyembelih kepada kubur-kubur tertentu, seperti:

- Kubur al-Ḥusayn dan al-Badawī di Mesir
- Kubur al-ʿAydārūs di Aden

- Kubur al-Hādī di Yaman
- Kubur Ibn ‘Arabī di Syam
- Kubur ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī di Iraq

Orang ramai berlebih-lebihan dalam mengagungkan kubur-kubur ini, memberikan hak-hak Allah kepada penghuni kubur tersebut. Malangnya, hampir tiada yang mengingkari perbuatan ini dan menegakkan dakwah kepada tauhid, sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan para rasul sebelumnya.

Sesungguhnya kita milik Allah, dan kepada-Nya kita akan kembali.

Antara akidah yang bertentangan dengan akidah yang benar dalam bab nama-nama dan sifat-sifat Allah ialah akidah golongan Jahmiyyah, Mu‘tazilah, dan sesiapa yang mengikuti jejak mereka dalam menafikan sifat-sifat Allah SWT dan meniadakan kesempurnaan-Nya.

Mereka menggambarkan Allah dengan sifat sesuatu yang tidak wujud, benda mati, dan perkara yang mustahil. Maha Suci Allah daripada apa yang mereka katakan, dengan ketinggian yang agung!

Termasuk dalam golongan ini ialah golongan Asyā‘irah, yang hanya menetapkan sebahagian sifat Allah dan menafikan sebahagian yang lain. Mereka

menta'wīl (menyimpangkan makna) sifat-sifat yang mereka nafikan, sedangkan mereka menetapkan sifat lain tanpa ta'wīl.

Mereka sebenarnya terjatuh dalam kontradiksi yang jelas, kerana alasan yang mereka gunakan untuk menolak sebahagian sifat juga boleh digunakan untuk menolak sifat yang mereka tetapkan. Dengan ini, mereka telah menyelisihi dalil-dalil wahyu (naqlī) dan akal yang benar ('aqlī), serta jatuh dalam percanggahan yang nyata.

Sebaliknya, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah menetapkan bagi Allah segala yang Dia tetapkan bagi diri-Nya atau yang ditetapkan oleh Rasul-Nya SAW.

Mereka menetapkan nama-nama dan sifat-sifat Allah dalam kesempurnaannya. Mereka menafikan sebarang penyerupaan Allah dengan makhluk.

Mereka tidak menafikan sifat-sifat Allah (ta'ṭīl), tidak mentahrīf (mengubah maknanya), tidak mentakyīf (membayangkan bagaimana sifat tersebut), dan tidak mentamthīl (menyerupakan dengan makhluk).

Mereka menerima semua dalil sebagaimana datangnya, tanpa mengubah atau menolaknya.

Dengan itu, mereka selamat daripada kontradiksi dan kesesatan yang menimpa golongan yang menyimpang, sebagaimana telah dijelaskan sebelumnya.

Inilah jalan keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Inilah jalan yang lurus, jalan yang ditempuh oleh generasi awal umat ini dan para imamnya. Tidak akan ada kejayaan bagi generasi terakhir umat ini kecuali dengan apa yang telah memperbaiki generasi awal mereka, iaitu dengan mengikuti al-Quran dan al-Sunnah, serta meninggalkan segala yang bertentangan dengan keduanya. Kita memohon kepada Allah SWT agar mengembalikan umat ini kepada petunjuk yang benar, memperbanyakkan para pendakwah yang menyeru kepada hidayah, serta memberikan taufik kepada para pemimpin dan ulama untuk memerangi syirik, menghapuskannya, serta memperingatkan manusia daripada segala jalan yang membawa kepadanya.

Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Dekat. Allah jualah tempat kita bertawakal, Dia sebaik-baik pelindung. Tiada daya dan tiada kekuatan melainkan dengan-Nya. Semoga selawat dan salam sentiasa dilimpahkan ke atas hamba dan rasul-Nya, Nabi kita Muḥammad SAW, serta ke atas keluarga dan para sahabatnya.

## **Risalah Kedua: Tentang hukum memohon pertolongan kepada Nabi SAW.**

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah, serta ke atas keluarga dan sahabat-sahabatnya, dan sesiapa yang mengikuti petunjuknya.

Akhbar al-Mujtama' (Masyarakat) Kuwait, dalam keluaran ke-15 bertarikh 19/4/1390H, telah menerbitkan beberapa rangkap syair di bawah tajuk:

### **"Memperingati Maulid Nabi yang Mulia"**

Syair tersebut mengandungi permohonan pertolongan (istighathah) kepada Nabi SAW serta permintaan kepada baginda untuk membantu umat, memberikan kemenangan dan menyelamatkan mereka daripada perpecahan dan perselisihan yang sedang mereka hadapi.

Syair ini ditandatangani oleh seseorang yang menamakan dirinya "Aminah".

Berikut adalah sebahagian daripada rangkap syair yang dimaksudkan:

Wahai Rasulullah, selamatkan dunia ini...

Api perang menyala, membakar bumi ini.

Wahai Rasulullah, selamatkan umat...

Dalam gelap ragu, terhenti langkahnya berat.

Wahai Rasulullah, selamatkan umat...

Hanyut derita, hilang arah dan niat.

Sehinggalah sampai kepada bait syair:

Segerakan kemenangan seperti dahulu...

Di Badar kau berdoa, Tuhan pun membantu.

Hingga kehinaan berubah gemilang...

Tentera Allah tak tampak di pandang.

Allahu Akbar!

Beginilah penulis ini mengarahkah seruannya dan permohonan pertolongannya kepada Rasulullah SAW, meminta baginda menyelamatkan umat dengan segera memberikan kemenangan.

Dia lupa—atau jahil—bahawa kemenangan itu berada di tangan Allah semata-mata, bukan di tangan Nabi ﷺ dan bukan juga di tangan makhluk yang lain.

Sebagaimana firman Allah SWT dalam kitab-Nya yang jelas:

﴿وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ﴾

*"Dan tiadalah kemenangan itu melainkan daripada Allah, Yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana."* (Surah Āli 'Imrān: 126) Allah SWT juga berfirman:

﴿إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ﴾

*"Jika Allah menolong kamu, maka tiada siapa yang dapat mengalahkan kamu. Tetapi jika Dia membiarkan kamu (tanpa pertolongan), maka siapakah yang dapat menolong kamu setelah itu?" (Surah Āli 'Imrān: 160).*

Amalan doa dan memohon pertolongan ini adalah: penyimpangan jenis ibadah yang sepatutnya hanya untuk Allah SWT, yang dialihkan kepada selain-Nya. Telah diketahui melalui nas dan ijmak bahawa perbuatan ini tidak dibenarkan, dan Allah SWT telah menciptakan makhluk-Nya untuk beribadah kepada-Nya, mengutus rasul-rasul dan menurunkan kitab-kitab untuk menjelaskan ibadah tersebut dan mengajak kepadanya, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT.

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

*"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku." (Surah al-Dharyat: 56). Allah SWT berfirman:*

﴿وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ أُعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus seorang rasul kepada setiap umat (dengan perintah): Sembahlah Allah dan jauhilah thaghut (segala yang disembah selain*

*Allah dengan keredaan penyembahnya)." (Surah al-Naḥl: 36) Allah SWT berfirman:*

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ﴾

*"Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum kamu (Muhammad), melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa tiada tuhan selain Aku; maka sembahlah Aku." (Surah al-Anbiyā': 25) Allah SWT juga berfirman:*

﴿الرَّ كِتَابٌ أَحْكَمَتْ آيَاتُهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ﴾ (أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ  
إِنِّي لَكُمْ مِنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ)

*"Alif, Lam, Ra'. Ini adalah kitab yang ayat-ayatnya disusun dengan rapi dan dijelaskan secara terperinci dari sisi (Allah) yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.*

*Janganlah kamu menyembah selain Allah. Sesungguhnya aku adalah pemberi peringatan dan pembawa berita gembira dari-Nya untukmu." (Surah Hūd: 1-2)*

Allah SWT menjelaskan dalam ayat-ayat yang jelas ini bahawa Dia tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembah-Nya sahaja, tanpa ada sekutu bagi-Nya. Dia juga menjelaskan bahawa Dia mengutus para rasul—semoga salawat dan salam tercurah kepada mereka—untuk menyeru kepada ibadah ini dan melarang segala sesuatu yang

bertentangan dengannya. Allah SWT memberitahu bahawa Dia telah memurnikan ayat-ayat kitab-Nya dan menjelaskan dengan terperinci agar tidak ada yang disembah selain Dia SWT.

Juga telah diketahui bahawa ibadah bermaksud: mentauhidkan Allah dan taat kepada-Nya, dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Allah telah memerintahkan dan memberitahu perkara ini dalam banyak ayat, antaranya adalah firman-Nya SWT:

﴿وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حَقَّاءَ﴾

*"Dan mereka hanya diperintahkan supaya menyembah Allah dengan ikhlas kepada-Nya dalam menjalankan ibadah, berpaling dari syirik." (Surah al-Bayyinah: 5) dan firman Allah,*

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ﴾

*"Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia dan berbuat baik kepada kedua orang tua." (Surah al-Isrā': 23) Dan firman Allah SWT:*

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ﴾ (﴿أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ﴾

*"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, maka sembahlah Allah dengan ikhlas, menjadikan agama hanya untuk-Nya.*

*Ketahuilah bahawa bagi Allah sahaja agama yang tulus. Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain-Nya berkata: 'Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya.' Sesungguhnya Allah akan menghukum antara mereka tentang apa yang mereka perselisihkan. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang pendusta lagi kafir." (Surah al-Zumar: 2-3).*

Ayat-ayat yang seerti dengan ini sangat banyak, semuanya menunjukkan kewajipan untuk mengikhlaskan ibadah hanya kepada Allah semata-mata dan meninggalkan penyembahan kepada selain-Nya, sama ada kepada para nabi atau selain mereka.

Tiada keraguan bahawa doa adalah salah satu jenis ibadah yang paling penting dan paling menyeluruh, maka wajib untuk mengikhlaskannya hanya kepada Allah sahaja, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

﴿فَادْعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ﴾

*"Maka berdoalah kepada Allah dengan mengikhhlaskan agama untuk-Nya, meskipun orang-orang kafir membenci." (Surah Ghāfir: 14) Allah SWT juga berfirman:*

﴿وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا﴾

*"Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah milik Allah, maka janganlah kamu berdoa kepada seseorang pun selain Allah." (Surah al-Jinn: 18) Petunjuk untuk memurnikan doa hanya kepada Allah ini meliputi semua makhluk, sama ada para nabi mahupun selain mereka. Dan firman-Nya:*

﴿وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ﴾

*"Dan janganlah kamu menyeru selain Allah, sesuatu yang tidak memberi manfaat kepadamu dan tidak pula mendatangkan mudarat. Jika kamu lakukan demikian, maka sesungguhnya kamu termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim." (Surah Yūnus: 106)*

Ini merupakan seruan kepada Nabi ﷺ, tetapi maksudnya adalah untuk memberi peringatan kepada yang lain, kerana sudah maklum bahawa Allah SWT telah menjaga rasul-Nya daripada syirik. Kemudian, Allah menguatkan lagi larangan dan peringatan-Nya dengan berkata:

﴿فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ﴾

*"Jika kamu melakukan itu, maka sesungguhnya kamu termasuk orang-orang yang zalim."* Apabila disebutkan 'kezaliman' secara umum, ia merujuk kepada syirik yang besar, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

﴿وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ﴾

*"Dan orang-orang kafir itu adalah orang-orang yang zalim."* (Surah al-Baqarah: 254) Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ﴾

*"Sesungguhnya syirik itu adalah kezaliman yang besar."* (Surah Luqman: 13)

Sekiranya Nabi ﷺ yang merupakan penghulu anak-anak Adam, apabila beliau berdoa kepada selain Allah, maka baginda termasuk dalam golongan orang yang zalim, maka bagaimana pula dengan selain baginda?!

Justeru, dengan ayat-ayat ini dan yang seumpamanya, jelas bahawa doa kepada selain Allah—baik kepada orang yang telah mati, pokok, patung, dan selainnya—adalah syirik kepada Allah SWT, bertentangan dengan tauhid Allah dalam ibadah, yang merupakan tujuan penciptaan jin dan manusia, pengutusan rasul-rasul, dan penurunan kitab-kitab.

Ia juga bertentangan dengan makna 'Tiada yang berhak disembah selain Allah', yang menafikan ibadah kepada selain Allah dan menegaskan ibadah hanya kepada Allah sahaja, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

﴿ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِ هُوَ الْبَاطِلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ﴾

*"Yang demikian itu kerana sesungguhnya Allah Dialah yang Maha Benar, dan sesungguhnya apa yang mereka seru selain-Nya adalah batil, dan sesungguhnya Allah Dialah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar." (Surah al-Hajj: 62)*

Ini adalah dasar agama dan syariat. Tidak sah ibadah kecuali setelah keyakinan terhadap dasar ini, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

﴿وَلَقَدْ أُوحِيَ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

*"Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada orang-orang sebelummu: Jika engkau mempersekutukan (Allah), nescaya akan terbatal segala amalanmu, dan engkau pasti termasuk orang-orang yang rugi." (Surah al-Zumar: 65)* Dan Allah SWT berfirman:

﴿وَلَوْ أَشْرَكُوا لَحَبِطَ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ﴾

*"Sekiranya para nabi tersebut melakukan syirik, nescaya akan terhapuslah setiap amalan baik yang mereka lakukan."* (Surah al-An'ām: 88)

Melalui apa yang telah disebutkan, dapat difahami bahawa agama Islam dan syahadat 'Tiada Tuhan selain Allah' mempunyai dua asas yang besar:

Salah satunya adalah: Tidak disembah selain Allah semata-mata, tanpa sekutu bagi-Nya. Sesiapa yang berdoa kepada orang mati, baik para nabi atau selain mereka atau kepada patung-patung, pohon-pohon, batu-batu, atau makhluk lain atau meminta pertolongan kepada mereka atau mendekati mereka dengan korban dan nazar, atau solat dan sujud untuk mereka, maka dia telah menjadikan mereka sebagai tuhan selain Allah, dan menjadikan mereka sekutu bagi-Nya SWT serta bertentangan dengan makna 'Tiada Tuhan selain Allah'.

Kedua: Tidak disembah Allah SWT kecuali dengan syariat Nabi-Nya dan Rasul-Nya ﷺ. Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu dalam agama yang tidak diizinkan oleh Allah, maka dia tidak akan mencapai makna syahadah bahawa Muhammad adalah Rasul Allah. Amalnya tidak akan diterima dan tidak akan memberi manfaat kepadanya. Allah جل جلاله berfirman:

﴿وَقَدِمْنَا إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مَنْثُورًا﴾

*"Dan kami hadapkan apa yang mereka kerjakan daripada amalan-amalan, lalu kami jadikan ia sebagai debu yang berterbangan."* (Surah al-Furqan: 23) Yang dimaksudkan dengan amal-amal yang disebutkan dalam ayat ini adalah amal-amal orang yang mati dalam keadaan syirik kepada Allah SWT.

Termasuk dalam hal ini juga adalah amalan-amalan yang diada-adakan yang tidak diizinkan oleh Allah kerana ia akan menjadi debu yang berterbangan pada hari kiamat kerana ia tidak sesuai dengan syariat-Nya yang suci, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Nabi ﷺ: *"Sesiapa yang membuat sesuatu perkara baharu dalam urusan (agama) kami ini yang bukan daripadanya, maka ia tertolak."* Disepakati sah.

Kesimpulannya, penulis ini telah menunjukan permohonan pertolongan dan doanya kepada Rasulullah ﷺ, serta berpaling daripada Tuhan seluruh alam yang di tangan-Nya terdapat kemenangan, mudarat, dan manfaat, dan tidak ada yang memiliki semua itu selain-Nya.

Tidak diragukan lagi bahawa ini adalah suatu kezaliman yang besar dan berat. Allah SWT telah memerintahkan untuk berdoa kepada-Nya, dan menjanjikan bagi sesiapa yang berdoa kepada-Nya akan

dijawab permohonannya, serta mengancam sesiapa yang sombong untuk tidak berdoa kepada-Nya dengan memasukkannya ke dalam neraka, sebagaimana firman-Nya عز وجل:

﴿وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ﴾

*"Dan Tuhanmu berfirman: 'Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina.'" (Surah Ghāfir: 60)* Maksudnya: Dalam keadaan hina dan rendah. Ayat yang mulia ini menunjukkan bahawa doa adalah ibadah, dan sesiapa yang sombong untuk berdoa akan berakhir di dalam neraka. Jika begini keadaan bagi mereka yang sombong untuk berdoa kepada Allah, maka bagaimana pula keadaan orang yang berdoa kepada selain-Nya dan berpaling daripada-Nya, padahal Dia SWT adalah yang Maha Dekat, Pemilik segala sesuatu, dan Maha Berkuasa atas segala sesuatu, seperti yang difirmankan oleh-Nya SWT:

﴿وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ﴾

*Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka sesungguhnya Aku dekat. Aku memperkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Oleh itu, hendaklah mereka menyahut seruan-Ku dan beriman kepada-Ku, agar mereka mendapat petunjuk.* (Surah al-Baqarah: 186). Rasulullah SAW telah mengkhabarkan dalam hadis yang sahih bahawa doa adalah ibadah. Baginda berkata kepada sepupunya, Abdullah bin Abbas RA: "Pelihara Allah, nescaya Allah akan memelihara kamu. Pelihara Allah, nescaya kamu akan menemui-Nya di hadapanmu. Jika kamu memohon, maka mohonlah kepada Allah dan jika kamu memerlukan bantuan, maka mintalah bantuan kepada Allah." Hadis ini diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi dan lain-lain.

Nabi SAW juga bersabda: "Sesiapa yang mati dalam keadaan menyekutukan Allah, maka dia akan masuk ke dalam neraka." Riwayat al-Bukhari. Dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, daripada Nabi SAW, baginda ditanya: "Apa dosa yang paling besar?" Maka baginda menjawab: "Kamu menjadikan bagi Allah sekutu sedangkan Dia yang menciptakanmu." Perkataan al-Nidd bermaksud tandingan atau sekutu. Oleh itu, setiap individu yang berdoa, memohon pertolongan, menunaikan nazar, menyembelih korban atau memberikan sebahagian bentuk ibadah kepada selain

Allah, tanpa mengira sama ada itu nabi, wali, raja, jin, berhala, atau makhluk lain, maka orang tersebut telah menjadikannya sebagai sekutu Allah (نَدًا). Ini adalah bentuk syirik yang menentang tauhid dan ajaran agama Islam.

Di sini mungkin ada yang bertanya: Apakah hukum meminta kepada orang yang masih hidup dan hadir untuk melakukan sesuatu yang dia mampu, serta meminta pertolongan daripadanya dalam urusan-urusan duniawi yang dia mampu lakukan? Jawabannya adalah bahawa hal ini bukan syirik, tetapi ia adalah perkara yang biasa dan dibenarkan antara sesama Muslim, seperti yang difirmankan oleh Allah dalam kisah Nabi Musa:

﴿فَاسْتَعَاثَهُ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ﴾

*"Dan orang yang dari pengikutnya memohon pertolongan kepadanya terhadap musuhnya."* (Surah al-Qaṣaṣ: 15) Sebagaimana Allah berfirman dalam kisah Musa juga:

﴿فَخَرَجَ مِنْهَا خَائِفًا يَتَرَقَّبُ﴾

*"Dan keluarlah dia dari kota dalam keadaan takut dan waspada."* (Surah al-Qaṣaṣ: 21) Sebagaimana seseorang boleh meminta pertolongan daripada sahabat-sahabatnya dalam peperangan atau dalam

perkara-perkara lain yang dihadapi oleh orang ramai, di mana mereka saling memerlukan antara satu sama lain.

Allah telah memerintahkan Nabi-Nya ﷺ untuk memberitahu umatnya bahawa beliau tidak memiliki kemampuan untuk memberi manfaat atau mudarat kepada sesiapa pun, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

﴿قُلْ إِنَّمَا أَدْعُو رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا ۖ قُلْ إِنِّي لَا أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا﴾

*"Katakanlah: 'Sesungguhnya aku hanya menyeru Tuhanku dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun. Katakanlah: 'Sesungguhnya aku tidak memiliki kuasa untuk memberi mudarat kepada kamu, dan tidak pula untuk memberi petunjuk.'" (Surah al-Jinn: 21-22) Allah SWT berfirman:*

﴿قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ لَاسْتَكْثَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ﴾

*"Katakanlah: 'Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak (pula) menolak mudarat, melainkan apa yang dikehendaki Allah. Sekiranya aku mengetahui perkara ghaib, tentulah aku membuat banyak kebaikan dan aku tidak akan ditimpa kemudaratan. Aku tidak lain hanyalah seorang pemberi peringatan, dan pembawa berita gembira bagi kaum yang beriman.'" (Surah al-A'rāf: 205)*

Banyak lagi ayat yang sama makna dengan ini.

Diketahui bahawa Nabi ﷺ hanya berdoa kepada Tuhannya, sebagaimana yang telah terbukti bahawa pada hari Badar, baginda berdoa kepada Allah, memohon pertolongan-Nya melawan musuh, dan baginda bersungguh-sungguh dalam doa itu, berkata: 'Ya Allah! Tunaikan bagi aku apa yang telah Engkau janjikan.' Sehingga sahabat yang paling utama, Abu Bakar رضي الله عنه berkata: "Cukuplah, wahai Rasulullah, kerana Allah pasti akan menunaikan janji-Nya kepadamu." Dan Allah SWT menurunkan wahyu dalam hal ini, firman-Nya SWT:

﴿إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرْدِفِينَ﴾

*"Ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu, lalu Dia memperkenankan permohonan kamu (dengan berfirman): 'Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut.'" (Surah al-Anfāl: 45)* Allah SWT menyebut dalam ayat-ayat ini tentang permohonan pertolongan mereka. Dia memberitahu bahawa Dia memperkenankan doa mereka dengan mengutus malaikat sebagai berita gembira akan kemenangan dan sebagai penenang hati.

Kemudian, Allah SWT menjelaskan bahawa kemenangan itu bukanlah datang daripada malaikat, sebaliknya kemenangan itu hanyalah daripada-Nya, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ﴾

*"Dan tiadalah kemenangan itu melainkan daripada Allah."* (Surah Āli ‘Imrān: 126) Allah SWT juga berfirman:

﴿وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرِ وَأَنْتُمْ أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾ [آل عمران:

. [123

*"Dan sesungguhnya Allah telah menolong kamu dalam peperangan Badar, sedangkan kamu berada dalam keadaan lemah. Maka bertakwalah kepada Allah, semoga kamu bersyukur."* Allah SWT menjelaskan dalam ayat ini bahawa Dialah yang memberikan pertolongan kepada mereka pada hari Perang Badar. Dengan itu, diketahui bahawa segala senjata dan kekuatan yang diberikan kepada mereka serta bantuan malaikat yang diutuskan, semuanya hanyalah sebagai sebab kepada kemenangan, berita gembira dan ketenangan. Namun kemenangan itu sendiri bukanlah hasil daripada semua itu, sebaliknya ia semata-mata datang daripada Allah SWT sahaja. Maka bagaimana mungkin penyair ini atau sesiapa sahaja berani menunjukan permohonan

pertolongan dan kemenangan kepada Nabi SAW, serta dia berpaling daripada Tuhan sekalian alam, Pemilik segala sesuatu dan Maha Berkuasa atas segala sesuatu?!

Tidak syak lagi bahawa ini adalah kejahilan yang paling buruk bahkan termasuk dalam syirik yang paling besar. Maka, wajib bagi penulis tersebut untuk bertaubat kepada Allah SWT dengan taubat nasuha.

Taubat nasuha itu hendaklah merangkumi beberapa perkara, iaitu: Pertama: Menyesali perbuatan yang telah dilakukan. Kedua: Meninggalkan perbuatan yang telah dilakukan. Ketiga: Berazam dengan bersungguh-sungguh untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut, sebagai tanda mengagungkan Allah, ikhlas kepada-Nya, mematuhi perintah-Nya serta menjauhi larangan-Nya.

Inilah yang disebut sebagai taubat nasuha. Terdapat perkara keempat yang khusus jika kesalahan itu melibatkan hak makhluk lain, iaitu:

Keempat: Mengembalikan hak kepada pemiliknya atau meminta keampunan serta kemaafan daripadanya.

Allah telah memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk bertaubat serta menjanjikan penerimaan taubat mereka, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

*"Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu mendapat kejayaan." (Surah al-Nūr: 31) Allah juga berfirman berkaitan orang Nasrani:*

﴿أَفَلَا يَتُوبُونَ إِلَى اللَّهِ وَيَسْتَغْفِرُونَهُ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

*"Maka mengapa mereka tidak bertaubat kepada Allah dan memohon keampunan-Nya? Sedangkan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Surah al-Mā'idah: 74) Allah SWT berfirman:*

﴿وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا﴾ ﴿يُضَاعَفْ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَيَخْلُدْ فِيهِ مُهَانًا﴾ ﴿إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا فَأُولَئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا﴾

*"Dan orang-orang yang tidak menyeru yang lain bersama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah (untuk dibunuh) kecuali dengan hak, serta tidak berzina. Dan sesiapa yang melakukan demikian, nescaya dia akan mendapat balasan dosa.*

*Azabnya akan digandakan pada hari kiamat dan dia akan kekal di dalamnya dalam keadaan terhina.*

*Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal soleh, maka mereka itulah yang Allah*

*gantikan kejahatan mereka dengan kebaikan. Dan Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.*" (Surah al-Furqān: 70-68) Allah SWT berfirman:

﴿وَهُوَ الَّذِي يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ﴾

*"Dan Dialah yang menerima taubat daripada hamba-hamba-Nya, dan mengampunkan kesalahan-kesalahan, serta mengetahui apa yang kamu kerjakan."* (Surah al-Shūrā: 11)

Rasulullah SAW pernah bersabda dalam sebuah hadis sahih: "Islam menghapuskan apa yang sebelumnya, dan taubat menghapuskan apa yang sebelumnya."

Saya telah menulis kata-kata ringkas ini kerana besarnya bahaya syirik yang mana ia merupakan dosa yang paling besar, serta disebabkan kebimbangan terhadap tipu daya melalui apa yang telah dikeluarkan oleh penulis ini. Juga kerana kewajipan memberi nasihat kerana Allah dan kepada hamba-hamba-Nya. Saya memohon kepada Allah – Maha Suci dan Maha Agung – agar memberi manfaat dengannya, memperbaiki keadaan kami dan keadaan seluruh umat Islam, serta mengurniakan kepada kami semua kefahaman dalam agama dan keteguhan di atasnya. Semoga Dia melindungi kami dan seluruh umat Islam daripada kejahatan diri kami sendiri dan keburukan

amalan kami. Sesungguhnya Dia-lah yang Maha Menguasai perkara itu dan Maha Berkuasa ke atasnya.

Selawat dan salam, serta keberkatan Allah ke atas hamba dan Rasul-Nya, Nabi kita Muhammad, serta ke atas keluarga dan para sahabatnya.

## **Risalah Ketiga**

### **Hukum Beristighasah Dengan Jin Syaitan dan Hukum Bernazar Kepada Mereka**

Risalah ini diutuskan oleh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz kepada mana-mana umat Islam yang membacanya. Semoga Allah memberikan taufik kepada kita semua untuk berpegang teguh kepada agama-Nya serta tetap istiqamah di atasnya. Amin.

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Terdapat soalan yang diajukan mengenai perbuatan orang yang jahil, seperti berdoa kepada selain Allah SWT, meminta pertolongan daripada mereka dalam perkara-perkara penting seperti berdoa kepada jin, meminta pertolongan daripada mereka, bernazar untuk mereka dan menyembelih untuk mereka. Termasuk juga dalam perbuatan itu adalah ucapan sebahagian mereka: "Ya Sab'ah," iaitu tujuh ketua jin, "ambillah dia, patahkan tulangnya, minumlah darahnya, cederakan dia, wahai Sab'ah, lakukan kepadanya begini dan

begitu." Atau ucapan sebahagian mereka: "Ambillah dia, wahai jin waktu Zohor, wahai jin waktu Asar." Perkara ini banyak berlaku di beberapa kawasan di bahagian selatan.

Termasuk juga dalam hal ini ialah berdoa kepada orang mati, sama ada daripada para nabi, orang-orang soleh atau selain mereka, serta berdoa dan meminta pertolongan daripada para malaikat. Semua ini dan yang seumpamanya berlaku dalam kalangan ramai orang yang mengaku beragama Islam kerana kejahilan mereka dan kerana meniru orang-orang sebelum mereka. Mungkin sebahagian mereka menganggap perkara ini remeh dan berdalih dengan berkata: "Ini hanyalah sesuatu yang terucap di lidah, kami tidak benar-benar maksudkannya atau meyakinkannya."

Ada juga soalan tentang hukum pernikahan dengan orang yang diketahui melakukan perbuatan-perbuatan ini, hukum sembelihan mereka, hukum menyembahyangkan jenazah mereka dan bersolat di belakang mereka, serta hukum mempercayai tukang sihir dan peramal.

Contohnya, mereka yang mengaku mengetahui penyakit dan puncanya hanya dengan melihat sesuatu yang pernah menyentuh tubuh pesakit seperti serban, seluar, tudung dan seumpamanya.

Jawapannya: Segala puji bagi Allah semata-mata, selawat dan salam ke atas Nabi yang tiada nabi selepasnya, serta ke atas ahli keluarga dan sahabatnya dan sesiapa yang mendapat petunjuk dengan mereka hingga hari kiamat.

Sesungguhnya Allah SWT telah menciptakan jin dan manusia agar mereka menyembah-Nya semata-mata, tanpa menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Mereka diperintahkan untuk mengikhlaskan doa, permohonan pertolongan, penyembelian, nazar dan seluruh bentuk ibadah hanya kepada-Nya.

Allah telah mengutus para rasul dengan tugas ini dan memerintahkan mereka untuk menyampaikannya. Dia juga menurunkan kitab-kitab samawi, yang paling agung di antaranya ialah al-Quran, bagi menjelaskan perkara ini, menyeru manusia kepadanya, serta memberi peringatan kepada mereka daripada perbuatan syirik kepada Allah dan penyembahan selain-Nya. Ini adalah batu asas dan dasar agama Islam itu sendiri. Inilah makna syahadah "Tiada Tuhan selain Allah", yang hakikatnya bermaksud tiada yang layak disembah dengan benar kecuali Allah.

Hakikat ini menafikan ketuhanan dan penyembahan kepada selain Allah, serta menetapkan bahawa ibadah hanya untuk Allah semata-mata, tanpa menyekutukan-

Nya dengan sesiapa pun dalam kalangan makhluk-Nya. Dalil-dalil tentang perkara ini sangat banyak terdapat dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Antaranya, firman Allah yang Maha Agung:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

*"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku."* (Surah al-Dhāriyāt: 56). Dan firman Allah SWT:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ﴾

*"Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia dan berbuat baik kepada kedua orang tua."* (Surah al-Isrā': 23) dan juga firman Allah SWT:

﴿وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ﴾

*"Dan mereka hanya diperintahkan supaya menyembah Allah dengan ikhlas kepada-Nya dalam menjalankan ibadah, berpaling dari syirik."* (Surah al-Bayyinah: 5) dan juga firman Allah SWT:

﴿وَقَالَ رَبُّكُمُ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ﴾

*"Dan Tuhanmu berfirman: 'Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari*

*menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina.”* (Surah Ghāfir: 60). Allah SWT berfirman:

﴿وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ﴾

*“Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka sesungguhnya Aku dekat. Aku memperkenankan doa orang yang berdoa apabila dia memohon kepada-Ku.”* (Surah al-Baqarah: 186).

Allah SWT menjelaskan dalam ayat-ayat ini bahawa Dia menciptakan jin dan manusia untuk menyembah-Nya, dan Dia telah memerintahkan serta mewasiatkan kepada hamba-hamba-Nya melalui al-Quran yang diturunkan dan melalui lisan Rasulullah SAW agar tidak ada yang disembah kecuali Tuhan mereka.

Allah – Maha Agung lagi Maha Tinggi – menjelaskan bahawa doa adalah ibadah yang sangat mulia. Sesiapa yang menyombongkan diri daripada berdoa, maka dia akan masuk neraka. Allah memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk berdoa hanya kepada-Nya dan Dia memberitahu bahawa Dia dekat dan akan mengabulkan doa mereka.

Oleh itu, wajib bagi setiap hamba untuk mengkhususkan doa hanya kepada Tuhan mereka kerana doa adalah salah satu bentuk ibadah yang

diciptakan untuk mereka dan yang diperintahkan kepada mereka. Allah berfirman:

﴿قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ﴾

*"Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku adalah untuk Allah, Tuhan semesta alam."*

*"Tiada sekutu bagi-Nya. Dan demikianlah yang diperintahkan kepadaku, dan aku adalah orang yang pertama berseerah diri (kepada-Nya)." (Surah al-An'ām: 162-163)*

Maka Allah memerintahkan Nabi-Nya SAW untuk memberitahu manusia bahawa solatnya, ibadahnya—termasuk penyembelihan—serta hidup dan matinya adalah untuk Allah, Tuhan semesta alam, tanpa sekutu bagi-Nya.

Berdasarkan hal ini, sesiapa yang menyembelih untuk selain Allah, maka dia telah melakukan syirik kepada-Nya, sebagaimana jika dia solat untuk selain Allah. Ini kerana Allah SWT telah menyebut solat dan penyembelihan secara beriringan, serta menegaskan bahawa kedua-duanya hanya untuk-Nya semata-mata, tanpa sekutu. Maka sesiapa yang menyembelih untuk selain Allah, sama ada untuk jin, malaikat, orang mati

atau selain mereka dengan tujuan mendekatkan diri kepada mereka, maka dia sama seperti orang yang solat kepada selain Allah.

Dalam hadis yang sahih, Nabi SAW bersabda: "Allah melaknat orang yang menyembelih untuk selain Allah." Imam Ahmad meriwayatkan dengan sanad yang hasan daripada Ṭāriq bin Shihāb RA bahawa Nabi ﷺ bersabda: Dua orang lelaki melewati suatu kaum yang memiliki berhala. Tidak ada seorang pun yang boleh melewatinya kecuali setelah mempersembahkan sesuatu sebagai korban.

Maka mereka berkata kepada salah seorang daripada dua lelaki itu, "Persembahkanlah sesuatu!"

Dia menjawab, "Aku tidak memiliki apa-apa untuk dipersembahkan."

Mereka berkata, "Persembahkanlah walaupun hanya seekor lalat."

Maka dia pun mempersembahkan lalat, lalu mereka membiarkannya pergi, kemudian dia masuk ke dalam neraka (selepas mati).

Kemudian mereka berkata kepada lelaki yang satu lagi, "Persembahkanlah sesuatu!"

Dia menjawab, "Aku tidak akan mempersembahkan sesuatu pun kepada selain Allah – Maha Suci dan Maha Agung."

Maka mereka pun memenggal lehernya, lalu dia masuk ke dalam syurga."

Maka sekiranya seseorang yang mendekatkan diri kepada berhala atau seumpamanya dengan hanya mempersembahkan seekor lalat telah dianggap sebagai musyrik dan berhak masuk neraka, bagaimana pula dengan orang yang berdoa kepada jin, malaikat atau wali?

Bagaimana pula dengan mereka yang meminta pertolongan daripada makhluk-makhluk ini, bernazar untuk mereka, atau menyembelih binatang sebagai tanda mendekatkan diri kepada mereka, dengan harapan agar hartanya dilindungi, penyakitnya disembuhkan atau ternakan dan tanamannya selamat?

Bagaimana pula dengan orang yang melakukan perbuatan tersebut kerana takut akan kejahatan jin atau perkara-perkara seumpamanya?

Tidak diragukan lagi bahawa sesiapa yang melakukan hal ini dan perkara yang seumpamanya lebih layak dianggap sebagai musyrik dan lebih berhak masuk neraka berbanding lelaki yang hanya mempersembahkan seekor lalat kepada berhala.

Dan termasuk juga dalam dalil mengenai perkara ini ialah firman Allah – Maha Agung dan Maha Tinggi:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ۚ أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ ۚ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ﴾

*"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, maka sembahlah Allah dengan ikhlas, menjadikan agama hanya untuk-Nya.*

*Ketahuilah bahawa bagi Allah sahaja agama yang tulus. Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain-Nya berkata: 'Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya.' Sesungguhnya Allah akan menghukum antara mereka tentang apa yang mereka perselisihkan. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang pendusta lagi kafir." (Surah al-Zumar: 1-3) Allah SWT berfirman:*

﴿وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شَفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ قُلْ أَتُنَبِّئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾

*"Dan mereka menyembah selain Allah sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan*

*tidak pula memberi manfaat, lalu mereka berkata, "Mereka ini adalah pemberi syafaat kami di sisi Allah." Katakanlah, "Apakah kamu (hendak) memberitahu Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya di langit dan di bumi?" Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan." (Surah Yūnus: 18)*

Maka Allah SWT menjelaskan dalam kedua-dua ayat ini bahawa orang-orang musyrik telah mengambil selain-Nya sebagai wali daripada kalangan makhluk, lalu mereka menyembahnya bersama Allah dengan perasaan takut, berharap, menyembelih korban, bernazar, berdoa, dan lain-lain bentuk ibadah. Mereka mendakwa bahawa wali-wali tersebut dapat mendekatkan mereka kepada Allah dan memberi syafaat kepada mereka di sisi-Nya.

Kemudian, Allah SWT mendustakan mereka, menjelaskan kebatilan kepercayaan mereka serta menyebut mereka sebagai pendusta, kafir, dan musyrik. Dia juga menyucikan diri-Nya daripada kesyirikan mereka. Allah – Maha Agung lagi Maha Tinggi – berfirman:

﴿سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾

*"Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka sekutukan." (Surah al-Naḥl: 1)* Maka dengan ini, diketahui bahawa sesiapa yang

- menjadikan seorang malaikat, nabi, jin, pohon, batu atau makhluk lain sebagai objek yang dia berdoa kepada-Nya bersama Allah,

- meminta pertolongan daripada-Nya serta mendekatkan diri kepadanya melalui nazar dan penyembelihan, dengan harapan mendapat syafaat di sisi Allah atau agar dapat mendekatkan dirinya kepada Allah,

- berharap agar pesakitnya sembuh, hartanya terpelihara, atau keselamatan orang yang jauh, atau perkara-perkara seumpamanya,

maka dia telah jatuh dalam kesyirikan yang besar dan bencana yang berat.

Allah berfirman tentang hal ini:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا﴾

*"Sungguh! Allah tidak mengampunkan dosa syirik, dan Dia mengampunkan dosa-dosa selain syirik bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Sesiapa yang mensyirikkan Allah, maka dia telah melakukan dosa yang sangat besar!"* (Surah al-Nisā': 48). Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَاهُ النَّارُ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ﴾

*"Sesiapa yang menyekutukan Allah, maka Allah telah mengharamkan syurga ke atasnya, dan kesudahannya adalah di neraka; tiada sebarang pembela buat orang-orang yang zalim."* (Surah al-Mā'idah: 72)

Syafaat itu hanya akan diperoleh pada hari kiamat bagi ahli tauhid dan ikhlas, bukan bagi ahli syirik.

Dalilnya adalah sabda Nabi SAW ketika ditanya: "Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling beruntung dengan syafaatmu?" Maka baginda menjawab: "Sesiapa yang mengucapkan: (Tiada yang berhak disembah selain Allah) dengan ikhlas daripada hatinya." Nabi SAW juga bersabda: "Setiap nabi memiliki doa yang pasti dikabulkan, maka setiap nabi telah segera mengabulkan doanya. Adapun aku, aku menyimpan doaku sebagai syafaat untuk umatku pada hari kiamat. Doaku ini, insya Allah, akan tercapai bagi sesiapa yang mati dalam kalangan umatku dan tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun."

Orang-orang musyrik yang terdahulu beriman bahawa Allah adalah Tuhan mereka, Pencipta mereka dan Pemberi rezeki mereka. Namun, mereka meyakini bahawa dengan mendekatkan diri kepada para nabi, wali, malaikat, pohon, batu, dan seumpamanya, mereka dapat memperoleh syafaat di sisi Allah dan mendekatkan diri kepada-Nya, sebagaimana yang

dijelaskan dalam ayat-ayat sebelumnya. Allah tidak memberi uzur kepada mereka atas alasan itu, bahkan Allah menafikan perbuatan mereka dalam kitab-Nya yang mulia dan menyebut mereka sebagai kafir dan musyrik.

Allah juga mendustakan dakwaan mereka bahawa tuhan-tuhan selain-Nya itu dapat memberi syafaat kepada mereka dan mendekatkan mereka kepada Allah.

Nabi ﷺ juga tidak memberi uzur kepada mereka, malah memerangi mereka atas kesyirikan mereka, sehingga mereka kembali mengikhlaskan ibadah hanya kepada Allah semata-mata, sesuai dengan firman Allah:

﴿وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ﴾

*"Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan agama itu hanya untuk Allah."* (Surah al-Baqarah: 193) Nabi SAW juga bersabda: *"Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat dan menunaikan zakat. Jika mereka telah melakukannya, maka mereka telah menjaga darah dan harta mereka daripadaku, kecuali dengan hak Islam dan perhitungan mereka diserahkan kepada Allah."* Makna sabdanya SAW: *"Sehingga mereka bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah"* Ertinya: Sehingga mereka

mengikhlaskan ibadah hanya kepada Allah sahaja, tanpa menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun.

Jika diperhatikan, orang-orang musyrik dahulu kala berasa takut kepada jin dan memohon perlindungan kepada mereka, maka Allah SWT menurunkan firman-Nya mengenai perkara itu:

﴿وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا﴾

*"Dan sesungguhnya ada beberapa orang lelaki dalam kalangan manusia yang meminta perlindungan kepada beberapa lelaki dalam kalangan jin, maka jin-jin itu menambah kepada mereka dosa dan kesesatan."* (Surah al-Jinn: 6) Para ahli tafsir menjelaskan mengenai ayat yang mulia ini bahawa maksud firman Allah:

﴿فَزَادُوهُمْ رَهَقًا﴾

*"Maka mereka (golongan jin) menambah bagi mereka (golongan manusia) dosa dan ketakutan."* Maksudnya: Mereka menjadi gentar dan takut kerana jin akan merasa besar dan sombong apabila melihat manusia meminta perlindungan kepada mereka. Akibatnya, jin-jin tersebut semakin menakut-nakutkan dan menguasai manusia, sehingga manusia semakin bergantung kepada mereka dan memperbanyak ibadah serta tunduk kepada mereka.

Allah telah menggantikan bagi kaum Muslimin perlindungan yang lebih sempurna, yaitu dengan memohon perlindungan kepada-Nya SWT serta dengan kalimah-kalimah-Nya yang sempurna. Maka, Allah menurunkan firman-Nya:

﴿وَأَمَّا يَنْزَغَنَّكَ مِنَ الشَّيْطَانِ نَزْغٌ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ إِنَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾

*"Dan jika engkau diganggu oleh suatu godaan syaitan, maka berlindunglah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, Maha Mengetahui."*  
(Surah al-A'rāf: 200) Dan firman-Nya SWT:

﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ﴾

*Surah al-Falaq.* Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang singgah di suatu tempat lalu mengucapkan: (Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna daripada kejahatan makhluk yang Dia ciptakan), maka tidak ada sesuatu pun yang akan membahayakannya hingga dia meninggalkan tempat tersebut."

Berdasarkan ayat-ayat dan hadis-hadis yang telah disebutkan, sesiapa yang mencari keselamatan dan ingin memelihara agamanya serta terhindar daripada kesyirikan, sama ada yang tersembunyi mahupun yang nyata, pasti akan memahami bahawa bergantung kepada makhluk seperti orang yang telah mati,

malaikat, jin dan selainnya, serta berdoa kepada mereka, memohon perlindungan kepada mereka dan seumpamanya adalah amalan kaum musyrikin pada zaman jahiliah.

Perbuatan ini termasuk dalam bentuk kesyirikan yang paling buruk terhadap Allah SWT. Maka, wajib bagi setiap Muslim untuk meninggalkannya, menjauhinya, saling menasihati agar tidak melakukannya dan mengingkari perbuatan sesiapa yang melakukannya.

Adapun orang yang diketahui melakukan amalan-amalan syirik seperti itu, maka tidak dibolehkan berkahwin dengannya, tidak boleh makan sembelihannya, tidak boleh solat di belakangnya, dan tidak boleh mendoakannya, kecuali jika dia bertaubat kepada Allah SWT daripada perbuatannya tersebut dan mengikhlaskan doa serta ibadah hanya untuk Allah semata. Doa adalah ibadah, bahkan inti daripada ibadah itu sendiri, seperti yang disabdakan oleh Nabi ﷺ: **"Doa adalah hakikat ibadah."** Diriwayatkan daripada Nabi ﷺ dalam lafaz yang lain bahawa baginda bersabda: **"Doa adalah intisari ibadah."** Tentang hukum berkahwin dengan orang musyrik, maka Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَاتِ حَتَّى يُؤْمِنَ وَلَأَمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ  
وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّى يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ

أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ وَيُبَيِّنُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

*"Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik sebelum mereka beriman. Sesungguhnya seorang hamba wanita yang beriman lebih baik daripada wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita beriman) sebelum mereka beriman. Sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada lelaki musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka, sedangkan Allah mengajak ke syurga dan keampunan dengan izin-Nya. Dan Dia menerangkan ayat-ayat-Nya kepada manusia agar mereka mengambil pelajaran."* (Surah al-Baqarah: 221) Maka Allah SWT telah melarang orang-orang Islam daripada menikahi wanita-wanita musyrik, sama ada mereka penyembah berhala, pemuja jin, malaikat atau selainnya, sehingga mereka beriman dengan ikhlas beribadah hanya kepada Allah semata, membenarkan Rasul ﷺ dalam apa yang baginda bawa serta mengikuti jalannya.

Begitu juga, Allah melarang kaum Muslimin daripada menikahkan wanita-wanita Muslimah dengan lelaki musyrik, sehingga mereka beriman dengan ikhlas

hanya kepada Allah, membenarkan Rasul ﷺ, dan mengikutinya.

Allah SWT telah menjelaskan bahawa seorang hamba perempuan yang beriman lebih baik daripada wanita merdeka yang musyrik, walaupun kecantikan dan keindahan bicaranya menarik perhatian sesiapa yang melihat dan mendengarnya. Begitu juga, seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada lelaki merdeka yang musyrik, walaupun kefasihan, keberanian dan ketampanannya mengagumkan orang yang melihat dan mendengar.

Kemudian, Allah menjelaskan sebab keutamaan ini dengan firman-Nya:

﴿أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ﴾

*"Mereka mengajak ke neraka."* (Surah al-Baqarah: 221) Ertinya: Orang-orang musyrik, baik lelaki mahupun wanita, adalah golongan yang melalui ucapan, perbuatan, cara hidup, dan akhlak mereka mengajak ke arah neraka. Sedangkan, para mukmin dan mukminah, melalui akhlak, perbuatan dan cara hidup mereka, mengajak kepada syurga. Jadi, jelas sekali bagaimana kedua-dua kumpulan ini tidak boleh disamakan!

Adapun mengenai solat ke atas orang musyrik, Allah SWT berfirman tentang golongan munafik:

﴿وَلَا تُصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِنْهُمْ مَاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَى قَبْرِهِ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ  
وَمَاتُوا وَهُمْ فَاسِقُونَ﴾

*"Dan janganlah kamu solat ke atas sesiapa di antara mereka yang mati selama-lamanya dan janganlah kamu berdiri di atas kubur mereka. Sesungguhnya mereka telah kafir kepada Allah dan Rasul-Nya dan mereka mati dalam keadaan fasik."* (Surah al-Tawbah: 84) Maka Allah Yang Maha Agung telah menjelaskan dalam ayat yang mulia ini bahawa orang munafik dan kafir tidak disolatkan kerana kekufuran mereka kepada Allah dan Rasul-Nya.

Begitu juga, mereka tidak boleh dijadikan imam solat bagi umat Islam kerana kekufuran mereka, ketidakjujuran mereka serta permusuhan besar yang wujud antara mereka dan orang-orang Islam.

Mereka juga bukanlah daripada golongan yang layak untuk solat dan beribadah kerana kekufuran dan kesyirikan menghapuskan segala amal. Kita memohon perlindungan kepada Allah daripada keadaan tersebut. Hukum memakan sembelihan orang musyrik, Allah telah berfirman menjelaskan tentang pengharaman bangkai dan sembelihan orang musyrik:

﴿وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوحُونَ إِلَى  
أَوْلِيَائِهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ وَإِنْ أَطَعْتُمُوهُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ﴾

*"Dan janganlah kamu memakan (sembelihan) yang tidak disebut nama Allah padanya, kerana sesungguhnya ia adalah kefasiqan. Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada wali-wali mereka agar mereka membantah kamu, dan jika kamu menuruti mereka, sesungguhnya kamu adalah orang-orang musyrik."* (Surah al-An'ām: 121) Maka Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Agung melarang kaum Muslimin daripada memakan bangkai dan sembelihan orang musyrik kerana mereka itu najis. Oleh itu, sembelihan mereka dianggap seperti bangkai, sekalipun mereka menyebut nama Allah ketika menyembelihnya.

Ini kerana penyebutan nama Allah oleh mereka tidak mempunyai kesan atau nilai, kerana ia adalah suatu bentuk ibadah, dan syirik membatalkan serta menggugurkan ibadah tersebut, sehingga orang musyrik itu bertaubat kepada Allah Yang Maha Suci. Sebaliknya, Allah Yang Maha Mulia lagi Maha Agung telah menghalalkan makanan Ahli Kitab dalam firman-Nya:

﴿وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَلَلٌ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حَلَلٌ لَهُمْ﴾

*"Dan makanan orang-orang yang diberi Kitab itu halal bagi kamu, dan makanan kamu halal bagi mereka."* (Surah al-Mā'idah: 5) Kerana mereka mengaku berpegang kepada agama samawi dan mendakwa

sebagai pengikut Musa dan Isa, walaupun mereka berdusta dalam hal itu. Allah telah memansuhkan dan membatalkan agama mereka dengan mengutus Nabi Muhammad SAW kepada seluruh manusia.

Namun Allah SWT menghalalkan bagi kita makanan dan wanita Ahli Kitab dengan hikmah yang mendalam dan tujuan tertentu yang telah dijelaskan oleh para ulama. Berbeza dengan para penyembah berhala dan orang yang menyembah orang mati, sama ada daripada kalangan para nabi, wali, atau selain mereka—agama mereka tidak mempunyai asas yang benar atau syubhah sedikit pun, bahkan ia batil sejak awalnya.

Oleh itu, sembelihan mereka dianggap bangkai dan tidak halal untuk dimakan.

Adapun ucapan seseorang kepada orang yang diajak berbicara: (Jin yang menyebabkan kamu jadi begini), (Jin yang mengambil daripada kamu), (Syaitan yang membuat sial kepada kamu), dan sebagainya, ini termasuk dalam kategori mencaci dan menghina, yang tidak dibenarkan dalam kalangan umat Islam, seperti mana mencaci dan menghina secara umum dan ini bukan termasuk dalam syirik kecuali jika orang yang mengucapkannya meyakini bahawa jin bertindak terhadap manusia tanpa izin dan kehendak Allah. Sesiapa yang meyakini demikian tentang jin atau

makhluk lainnya, maka dia kafir dengan keyakinan tersebut kerana Allah SWT adalah Pemilik segala sesuatu, yang berkuasa atas segala sesuatu, Dialah yang memberi manfaat dan mudarat dan tiada sesuatu pun yang wujud melainkan dengan izin, kehendak dan takdir-Nya yang terdahulu, sebagaimana yang Allah perintahkan kepada Nabi-Nya SAW untuk memberitahu umat manusia tentang dasar ajaran yang agung ini.

﴿قُلْ لَا أَمْلِكُ لِنَفْسِي نَفْعًا وَلَا ضَرًّا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ وَلَوْ كُنْتُ أَعْلَمُ الْغَيْبِ لَاسْتَكْمَرْتُ مِنَ الْخَيْرِ وَمَا مَسَّنِيَ السُّوءُ إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ﴾

*"Katakanlah: 'Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak (pula) menolak mudarat, melainkan apa yang dikehendaki Allah. Sekiranya aku mengetahui perkara ghaib, tentulah aku membuat banyak kebaikan dan aku tidak akan ditimpa kemudaratan. Aku tidak lain hanyalah seorang pemberi peringatan, dan pembawa berita gembira bagi kaum yang beriman.'" (Surah al-A'rāf: 188) Jika Rasulullah SAW yang merupakan sebaik-baik makhluk dan yang paling utama, tidak memiliki kemampuan untuk memberi manfaat atau mudarat kepada dirinya sendiri kecuali dengan kehendak Allah, maka bagaimana pula dengan selain baginda dalam kalangan makhluk?!*

Dan ayat-ayat yang mengandung makna ini sangat banyak.

Berkenaan hukum bertanya kepada para dukun, penyihir, ahli nujum dan seumpama mereka yang mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib, itu adalah perbuatan yang dilarang dan tidak diperbolehkan.

Mempercayai mereka lebih berat dan lebih tercela, bahkan itu termasuk cabang kekufuran berdasarkan sabda Nabi SAW: "Sesiapa yang bertemu dengan seorang dukun dan bertanya kepadanya tentang sesuatu, tidak akan diterima solatnya selama empat puluh hari." (Riwayat Muslim). Dalam Sahih Muslim juga, daripada Muawiyah bin Hakam al-Sulami RA: *"Sesungguhnya Nabi SAW melarang untuk bertemu dengan para dukun dan bertanya kepada mereka."*

Dalam kitab-kitab Sunan diriwayatkan daripada Nabi SAW bahawa baginda bersabda: "Sesiapa yang bertemu dengan dukun dan mempercayai apa yang dikatakannya, maka dia telah kafir dengan agama yang diturunkan kepada Muhammad SAW." Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang makna ini sangat banyak. Perkara yang wajib bagi umat Islam adalah berhati-hati daripada bertanya kepada para dukun, peramal dan segala jenis penyihir yang sibuk dengan perkhabaran tentang perkara yang ghaib dan menyesatkan umat Islam, sama ada itu dengan alasan perubatan atau selainnya kerana sebagaimana yang

telah disebutkan, Nabi SAW telah melarang dan memperingatkan tentang hal tersebut. Termasuk dalam hal ini adalah apa yang didakwa oleh sebahagian orang atas nama pengubatan, berbentuk perkara-perkara ghaib, seperti mencium serban atau tudung pesakit atau seumpamanya lalu mengatakan bahwa pesakit tersebut melakukan ini dan itu, yang merupakan perkara ghaib yang tidak ada petunjuk apapun dalam serban atau sejenisnya.

Tujuan perkara ini adalah untuk menipu masyarakat agar mereka menganggap orang tersebut ahli dalam bidang pengubatan, mengetahui jenis penyakit dan penyebabnya, bahkan mungkin memberikan ubat yang kebetulan dapat menyembuhkan kerana takdir Allah, dan mereka menyangka itu disebabkan oleh ubat yang diberikan. Mungkin penyakit itu disebabkan oleh sebahagian jin dan syaitan yang melayani orang yang mendakwa dirinya sebagai ahli perubatan, yang memberitahunya tentang beberapa perkara ghaib yang mereka ketahui.

Orang tersebut kemudian bergantung pada hal tersebut dan menyenangkan jin dan syaitan dengan ibadah yang sesuai dengan mereka, sehingga jin dan syaitan tersebut meninggalkan pesakit tersebut dan melepaskan gangguan yang mereka timbulkan padanya.

Ini adalah sesuatu yang sudah diketahui tentang perandai jin dan syaitan serta orang-orang yang menggunakannya.

Kewajiban bagi umat Islam juga adalah berhati-hati terhadap perkara itu, saling menasihati untuk meninggalkannya, serta bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT dan bertawakal kepada-Nya dalam segala urusan.

Tidak ada masalah dalam menggunakan ruqyah syar'iyah (jampi yang dibolehkan) dan ubat-ubatan yang halal, serta berubat kepada doktor yang menggunakan cara pemeriksaan terhadap pesakit dan memastikan penyakitnya dengan sebab-sebab yang dapat dirasakan dan diterima akal. Sahih daripada Nabi SAW bahawa baginda bersabda: "Tidaklah Allah menurunkan suatu penyakit melainkan Dia juga menurunkan penawarnya, yang diketahui oleh orang yang mengetahuinya dan yang tidak diketahui oleh orang yang tidak mengetahuinya." Nabi SAW juga bersabda: "Setiap penyakit ada ubatnya dan apabila ubat untuk penyakit itu ditemukan, maka dengan izin Allah, penyakit itu akan sembuh." Nabi SAW juga bersabda: "Wahai hamba-hamba Allah, berubatlah dan janganlah berubat dengan perkara yang haram." Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang makna ini sangat banyak.

Kami memohon kepada Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung untuk memperbaiki keadaan umat Islam keseluruhannya, menyembuhkan hati dan tubuh mereka daripada segala keburukan, mengumpulkan mereka di atas petunjuk, serta melindungi kami dan mereka daripada fitnah yang menyesatkan, daripada mengikuti syaitan dan para pengikutnya.

Sesungguhnya Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu, dan tiada daya dan kekuatan kecuali dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

Selawat dan salam, serta keberkatan Allah ke atas hamba dan Rasul-Nya, Nabi kita Muhammad, serta ke atas keluarga dan para sahabatnya.

## **Risalah Keempat**

### **Hukum Beribadah Dengan Wirid-Wirid Yang Bidaah dan Syirik.**

Daripada Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz kepada saudara yang dihormati, semoga Allah memberinya taufik kepada segala kebaikan, Amin.

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Saya telah menerima surat saudara yang mulia, semoga Allah membimbing saudara dengan petunjuk-Nya, yang membenberitahu bahawa di negara saudara

terdapat orang-orang yang berpegang pada wirid-wirid yang tidak ada dasar daripada Allah. Sebahagian wiridnya adalah bidaah dan sebahagian lainnya adalah syirik, dan mereka mengaitkannya dengan Amirul Mukminin, Ali bin Abi Talib RA dan lainnya. Mereka membaca wirid-wirid tersebut di majlis zikir atau di masjid selepas solat Maghrib, dengan menganggap bahawa ia adalah amalan yang mendekatkan diri kepada Allah, seperti ucapan mereka: "Dengan hak Allah, para hamba Allah, tolonglah kami dengan pertolongan Allah, dan jadilah penolong kami dengan izin Allah." Seperti ucapan mereka:

"Wahai para Qutub, wahai para Sayyid, jawablah (seruan kami), wahai pemilik pertolongan, berikanlah syafaat kerana Allah. Ini hamba kalian yang berdiri dan yang beribadah di pintu kalian, serta takut kerana kekurangannya. Tolonglah kami, wahai Rasulullah. Aku tiada tempat lain untuk pergi dan dari kalianlah tercapai permintaan. Kalian adalah ahli Allah. Demi Hamzah, penghulu para syuhada, siapakah di antara kalian yang dapat memberi kami pertolongan? Tolonglah kami, wahai Rasulullah." Seperti ucapan mereka juga: "Ya Allah, limpahkanlah selawat kepada (Nabi) yang Engkau jadikan sebagai sebab terbelahnya rahsia-rahsia ketuhanan-Mu yang penuh keagungan dan sebagai pancaran cahaya-cahaya rahmat-Mu, sehingga

dia menjadi wakil bagi hadrat ketuhanan dan khalifah bagi rahsia-rahsia zat-Mu."

Saudara menyatakan hasrat untuk mendapatkan penjelasan mengenai apa yang dianggap sebagai bidaah dan apa yang termasuk syirik, serta adakah sah solat di belakang imam yang berdoa dengan doa seperti ini, sebagaimana yang telah diketahui?

Jawapannya: Segala puji bagi Allah semata-mata, selawat dan salam ke atas Nabi yang tiada nabi selepasnya, serta ke atas ahli keluarga dan sahabatnya dan sesiapa yang mendapat petunjuk dengan mereka hingga hari kiamat.

Maka ketahuilah – semoga Allah memberi taufik kepadamu – bahawa Allah SWT menciptakan makhluk dan mengutus para rasul SAW agar Dia disembah semata-mata, tanpa sekutu bagi-Nya, tanpa menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

*"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku." (Surah al-Dhāriyāt: 56).*

Ibadah – sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini – ialah: mentaati-Nya SWT serta mentaati Rasul-Nya,

Muhammad SAW, dengan melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya, serta meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya, dengan keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya, serta keikhlasan kepada Allah dalam beramal, disertai dengan kecintaan yang sempurna kepada Allah dan ketundukan yang penuh hanya kepada-Nya semata-mata.

Allah SWT berfirman:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ﴾

*"Dan Tuhanmu telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia dan berbuat baik kepada kedua orang tua."* (Surah al-Isrā': 23) Iaitu: Dia memerintahkan dan mewasiatkan agar hanya Dia sahaja yang disembah. Allah SWT berfirman:

﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ • الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ • مَا لِكَ يَوْمَ الدِّينِ • إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾

*"Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.*

*Yang maha pengasih, lagi maha menyayangi.*

*Yang menguasai hari pembalasan.*

*Hanya kepada-Mu kami menyembah, dan hanya kepada-Mu kami mohon pertolongan."* (Surah al-Fātiḥah: 2-5) Maka Allah SWT telah menjelaskan

dengan ayat-ayat ini bahawa Dialah yang berhak disembah semata-mata dan hanya kepada-Nya sahaja tempat meminta pertolongan.

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ۚ أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ﴾

*"Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu Kitab (al-Quran) dengan kebenaran, maka sembahlah Allah dengan mengikhlaskan agama hanya untuk-Nya. Ketahuilah, hanya milik Allah agama yang murni (ikhlas)." (Surah al-Zumar: 2-3). Allah SWT berfirman:*

﴿فَادْعُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ﴾

*"Maka berdoalah kepada Allah dengan mengikhlaskan agama untuk-Nya, meskipun orang-orang kafir membenci." (Surah Ghāfir: 14) Allah SWT berfirman:*

﴿وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا﴾

*"Dan sesungguhnya masjid-masjid itu adalah milik Allah, maka janganlah kamu berdoa kepada seseorang pun selain Allah." (Surah al-Jinn: 18) Ayat-ayat yang sama makna dengan ini sangat banyak, semuanya menunjukkan kewajiban mengesakan Allah dalam ibadah.*

Sudah diketahui bahawa doa dengan segala jenisnya adalah ibadah, maka tidak boleh bagi sesiapa pun untuk berdoa kecuali kepada Rabb-nya, dan tidak boleh meminta pertolongan atau meminta bantuan kecuali kepada-Nya, berdasarkan ayat-ayat yang mulia ini dan apa yang terkandung dalam maknanya. Ini selain daripada perkara-perkara biasa dan sebab-sebab yang boleh dirasai atau disentuh, yang mampu dilakukan oleh makhluk hidup yang hadir.

Maka perkara-perkara tersebut bukanlah ibadah, malah adalah dibenarkan dengan nas dan ijma' untuk seseorang meminta pertolongan daripada manusia yang hidup dan mampu, dalam perkara-perkara biasa yang dapat dilakukan oleh mereka seperti meminta pertolongan atau bantuan untuk menghindari bahaya daripada anaknya, pembantunya, anjingnya atau seumpamanya. Contohnya seperti seseorang yang meminta pertolongan daripada manusia yang hidup, hadir dan mampu atau yang tidak hadir, melalui sebab-sebab yang dapat dirasai seperti surat-menyurat dan sebagainya, dalam membina rumahnya, atau memperbaiki keretanya, atau perkara-perkara seumpamanya. Antaranya adalah seseorang yang meminta pertolongan daripada sahabat-sahabatnya dalam peperangan dan perjuangan, serta perkara-perkara yang serupa dengannya. Antara bab berkaitan

dengan ini adalah firman Allah Ta'ala dalam kisah Nabi Musa AS:

﴿فَاسْتَعَاثُ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ﴾

*"Dan orang yang dari pengikutnya memohon pertolongan kepadanya terhadap musuhnya." (Surah al-Qaṣaṣ: 15)*

Adapun berkenaan dengan meminta pertolongan kepada orang mati, jin, malaikat, pokok, batu dan sebagainya, itu adalah syirik besar, dan ia adalah sejenis amalan yang dilakukan oleh orang-orang musyrik terdahulu bersama tuhan-tuhan mereka, seperti al-'Uzza, al-Lat, dan sebagainya.

Begitu juga meminta pertolongan dan bantuan daripada mereka yang dipercayai memiliki kewalian dalam kalangan orang hidup dalam perkara yang hanya boleh dilakukan oleh Allah, seperti menyembuhkan penyakit, memberi petunjuk kepada hati, memasuki syurga dan selamat daripada api neraka, serta perkara-perkara yang serupa dengan itu.

Ayat-ayat yang telah disebutkan sebelumnya serta apa yang serupa dengannya daripada ayat-ayat dan hadis-hadis, semuanya menunjukkan kewajipan untuk menunjukan hati hanya kepada Allah dalam segala perkara dan untuk ikhlas dalam beribadah kepada Allah sahaja kerana hamba-hamba diciptakan untuk tujuan

tersebut dan mereka diperintahkan untuk melakukannya - seperti yang telah disebutkan dalam ayat-ayat tersebut - dan seperti yang disebutkan dalam firman-Nya:

﴿وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا﴾

*"Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun."* (Surah al-Nisā': 36) Dan firman Allah SWT:

﴿وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ﴾

*"Dan mereka hanya diperintahkan supaya menyembah Allah dengan ikhlas kepada-Nya dalam menjalankan ibadah, berpaling dari syirik."* (Surah al-Bayyinah: 5) Dan sabda Nabi SAW dalam hadis Mu'az RA: "Hak Allah ke atas hamba-Nya ialah mereka menyembah-Nya dan tidak menyekutukan-Nya dengan apa pun." (Hadis ini disepakati sahih). Dan sabda Nabi SAW dalam hadis Ibn Mas'ud RA: "Sesiapa yang mati dalam keadaan menyekutukan Allah, maka dia akan masuk ke dalam neraka." Riwayat al-Bukhari. Dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim, daripada hadis Ibn Abbas RA, bahawa Nabi SAW apabila mengutus Mu'az ke Yaman, baginda berkata kepadanya: "Sesungguhnya kamu akan menemui sekelompok kaum ahli kitab, maka hendaklah perkara pertama kamu seru mereka adalah syahadah tiada Tuhan selain Allah." Dalam riwayat lain:

"Serulah mereka kepada syahadah tiada yang berhak disembah selain Allah dan sesungguhnya aku adalah utusan Allah." Dalam riwayat al-Bukhari: "Jadikanlah perkara pertama yang engkau seru mereka kepadanya ialah mentauhidkan Allah." Dalam Sahih Muslim, daripada Ṭāriq bin Ashyam al-Ashja'ī RA, bahawa Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang mengucapkan: "La ilaha illa Allah" (Tiada yang berhak disembah melainkan Allah) dan mengingkari apa yang disembah selain Allah, maka terpeliharalah harta dan darahnya, dan perhitungannya diserahkan kepada Allah Yang Maha Agung." Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang makna ini sangat banyak.

Tauhid ini adalah asas agama Islam, dasar akidah, inti utama dalam urusan agama, serta kewajiban yang paling penting. Ia juga merupakan hikmah penciptaan jin dan manusia serta tujuan diutusnya para rasul semuanya sebagaimana yang telah dinyatakan dalam ayat-ayat terdahulu yang menunjukkan perkara tersebut.

Antaranya ialah firman Allah SWT:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

*"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku." (Surah*

al-Dhāriyāt: 56). Antara dalil yang menunjukkan perkara tersebut juga ialah firman Allah SWT:

﴿وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus seorang rasul kepada setiap umat (dengan perintah): 'Sembahlah Allah dan jauhilah thaghut (segala yang disembah selain Allah dengan keredaan penyembahnya).'"* (Surah al-Nahl: 36) Demikian juga firman Allah SWT:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا نُوحِي إِلَيْهِ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدُونِ﴾

*"Kami tidak mengutus seorang rasul pun sebelum kamu (Muhammad), melainkan Kami wahyukan kepadanya bahawa tiada tuhan selain Aku; maka sembahlah Aku."* (Surah al-Anbiyā': 25) Allah berfirman mengenai Nabi Nuh, Hud, Salih, dan Syu'aib, bahawa mereka berkata kepada kaum mereka:

﴿اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ﴾

*"Sembahlah Allah sahaja, tiada yang berhak disembah oleh kamu selain-Nya."* (Surah al-A'rāf: 59) Inilah seruan semua rasul, sebagaimana yang ditunjukkan oleh dua ayat sebelumnya. Musuh-musuh para rasul telah mengakui bahawa para rasul memerintahkan mereka untuk mengesakan Allah dalam ibadah dan meninggalkan sembahsan-sembahsan selain-

Nya, sebagaimana firman Allah dalam kisah kaum 'Ad bahawa mereka berkata kepada Hud AS:

﴿أَجِئْتَنَا لِنَعْبُدَ اللَّهَ وَحْدَهُ وَنَذَرَ مَا كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُنَا﴾

*"Adakah engkau datang kepada kami supaya kami hanya menyembah Allah sahaja dan meninggalkan apa yang telah disembah oleh nenek moyang kami?"* (Surah al-A'rāf: 70) Allah berfirman tentang kaum Quraisy ketika Nabi Muhammad SAW mengajak mereka untuk mentauhidkan Allah dalam ibadah dan meninggalkan apa yang mereka sembah selain-Nya, seperti malaikat, wali-wali, berhala, pohon, dan lainnya:

﴿أَجْعَلِ الْآلِهَةَ إِلَهًا وَاحِدًا إِنَّ هَذَا لَشَيْءٌ عَجَابٌ﴾

*"Apakah dia hendak menjadikan tuhan-tuhan itu satu Tuhan sahaja? Sesungguhnya ini benar-benar sesuatu yang sangat menghairankan."* (Surah Şād: 5) Allah SWT berfirman tentang mereka:

﴿إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ • وَيَقُولُونَ آيُنَا لَتَارِكُو آلِهَتِنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ﴾

*"Sesungguhnya mereka, apabila dikatakan kepada mereka, 'Tidak ada Tuhan selain Allah,' mereka menyombongkan diri."*

*"Dan mereka berkata, 'Adakah kami akan meninggalkan tuhan-tuhan kami hanya kerana seorang*

*penyair yang gila?"* (Surah al-Şāffāt: 35–36) Ayat-ayat yang menunjukkan makna seperti ini sangat banyak.

Daripada apa yang telah kami sebutkan melalui ayat-ayat dan hadis-hadis, jelaslah kepada anda bahawa istighathah (meminta pertolongan) yang anda tanya, semuanya termasuk dalam kategori syirik besar, kerana ia adalah ibadah kepada selain Allah, dan meminta sesuatu yang hanya Allah yang mampu melakukannya. Perbuatan ini lebih buruk daripada syirik orang-orang dahulu, kerana mereka hanya berbuat syirik ketika dalam keadaan senang. Adapun ketika keadaan kesulitan, mereka hanya mengkhususkan ibadah kepada Allah kerana mereka mengetahui bahawa Dia SWT adalah satu-satunya yang mampu menyelamatkan mereka dari kesulitan tersebut, tanpa selain-Nya, sebagaimana yang difirmankan oleh Allah dalam kitab-Nya yang jelas mengenai orang-orang musyrik itu:

﴿فَإِذَا رَكِبُوا فِي الْفُلِكِ دَعَوْا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ إِذَا هُمْ يُشْرِكُونَ﴾

*"Maka apabila mereka naik kapal, mereka berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan doa kepada-Nya; tetapi ketika Allah menyelamatkan mereka sampai ke daratan, tiba-tiba mereka kembali mempersekutukan (Allah)." (Surah al-ʿAnkabūt: 65)* Allah SWT berfirman dengan berbicara kepada mereka dalam ayat yang lain:

﴿وَإِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فِي الْبَحْرِ ضَلَّ مَنْ تَدْعُونَ إِلَّا إِلَهُهُ فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ  
أَعْرَضْتُمْ وَكَانَ الْإِنْسَانُ كَفُورًا﴾

*"Dan apabila kamu ditimpa kesusahan di lautan, hilanglah apa yang kamu seru selain Dia. Maka apabila Dia menyelamatkan kamu hingga ke daratan, kamu berpaling (tak bersyukur), dan manusia itu sangat kufur." (Surah al-Isrā': 67).*

Jika ada para musyrikin yang terkemudian berkata: Kami tidak bermaksud bahawa mereka (yang dimaksudkan) memberi manfaat dengan diri mereka sendiri, menyembuhkan pesakit kami dengan diri mereka sendiri, atau memberi manfaat atau mudarat dengan diri mereka sendiri, tetapi kami memohon syafaat mereka kepada Allah dalam hal itu?

Maka dijawab: Niat yang kamu beri ini sama sahaja dengan niat orang-orang kafir terdahulu. Mereka bukan percaya tuhan-tuhan mereka mencipta atau memberi rezeki, atau memberi manfaat atau mudarat dengan sendiri mereka, kerana ini dibatalkan oleh apa yang disebutkan Allah tentang mereka dalam al-Quran bahawa mereka menginginkan syafaat mereka dan kedudukan mereka, serta mendekatkan mereka kepada Allah, seperti yang disebutkan oleh Allah SWT:

﴿وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَيَقُولُونَ هَؤُلَاءِ شُفَعَاؤُنَا عِنْدَ اللَّهِ﴾

*“Dan mereka menyembah selain Allah sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak pula memberi manfaat, dan mereka berkata: ‘Mereka itu pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah’.”* (Surah Yūnus: 18) Lalu Allah membantah mereka melalui firman-Nya:

﴿قُلْ أَتُنَبِّئُونَ اللَّهَ بِمَا لَا يَعْلَمُ فِي السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾

*“Katakanlah: Apakah kamu hendak memberitahu Allah sesuatu yang tidak diketahui-Nya, baik di langit mahupun di bumi? Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari apa yang mereka persekutukan.”* (Surah Yūnus: 18) Maka Allah SWT menjelaskan bahawa tiada yang mengetahui di langit dan di bumi sebagai pemberi syafaat kepada-Nya dengan cara yang dimaksudkan oleh orang-orang musyrik, dan apa yang tidak diketahui oleh Allah tidak wujud, kerana Dia SWT tidak ada yang tersembunyi daripada-Nya. Allah SWT berfirman:

﴿تَنْزِيلُ الْكِتَابِ مِنَ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ • إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ إِلَىكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ • أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا

نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۗ إِنَّ  
اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ ﴿٣﴾

*"Kitab ini diturunkan daripada Allah yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana."*

*"Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu Kitab (al-Quran) dengan benar, maka sembahlah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya."*

*Ketahuilah, bagi Allah sahaja agama yang murni. Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain-Nya (menganggap ada tuhan-tuhan selain Allah) dengan berkata: "Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah," sesungguhnya Allah akan memutuskan antara mereka tentang apa yang mereka perselisihkan. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang pendusta lagi sangat kafir." (Surah al-Zumar: 1-3)*

Maksud agama di sini adalah: ibadah, iaitu ketaatan kepada Allah dan ketaatan kepada Rasul-Nya SAW seperti yang telah disebutkan sebelumnya – dan termasuk di dalamnya: doa dan istighasah, rasa takut dan harapan, penyembelihan dan nazar, serta termasuk juga solat, puasa dan segala perkara lain yang diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Maka Allah SWT menjelaskan bahawa ibadah itu hanya untuk-Nya

semata-mata, dan bahawa hamba-hamba-Nya wajib mengikhlaskan ibadah hanya untuk-Nya kerana perintah-Nya kepada Nabi SAW untuk mengikhlaskan ibadah kepada-Nya, adalah perintah untuk seluruh umat ini.

Kemudian, Allah SWT menjelaskan tentang orang-orang kafir dengan firman-Nya:

﴿وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَىٰ﴾

*"Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain-Nya berkata: 'Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya'." (Surah al-Zumar: 3). Maka Allah SWT membantah mereka dengan firman-Nya:*

﴿إِنَّ اللَّهَ يَخْتَصُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ﴾

*"Sesungguhnya Allah akan menghukum antara mereka dalam perkara yang mereka perselisihkan. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang berdusta lagi sangat kufur." (Surah al-Zumar: 3). Maka Allah SWT memberitahu dalam ayat yang mulia ini bahawa orang-orang kafir tidak menyembah para wali selain daripada-Nya melainkan untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah dengan lebih hampir.*

Iniilah tujuan kaum kafir sejak dahulu hingga kini. Namun, Allah telah membatalkan anggapan tersebut dengan firman-Nya:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ كَفَّارٌ﴾

*“Sesungguhnya Allah akan memutuskan antara mereka tentang apa yang mereka perselisihkan. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang pendusta dan sangat kufur.”* (Surah al-Zumar: 3). Maka Allah SWT menjelaskan pembohongan mereka dalam dakwaan bahawa berhala-berhala mereka dapat mendekatkan mereka kepada-Nya, serta kekufuran mereka kerana mempersembahkan ibadah kepada selain-Nya.

Dengan itu, sesiapa yang memiliki sedikit kecerdasan akan memahami bahawa kekufuran kaum musyrikin terdahulu berpunca daripada perbuatan mereka menjadikan para nabi, wali, pohon-pohon, batu-batuan dan makhluk-makhluk lain sebagai perantara antara mereka dengan Allah. Mereka berkeyakinan bahawa para perantara itu dapat memenuhi hajat mereka tanpa izin dan kerediaan Allah SWT, sebagaimana para menteri memberi syafaat kepada raja-raja.

Mereka pun menyamakan Allah SWT dengan para raja dan pemimpin dunia sedangkan perbandingan tersebut adalah batil dan jauh daripada kebenaran. Mereka juga mendakwa: Sebagaimana seseorang yang mempunyai hajat kepada raja atau pemimpin akan mencari perantara dalam kalangan orang kepercayaan dan menterinya, begitu juga kami mendekatkan diri kepada Allah dengan menyembah nabi-nabi dan wali-wali-Nya.

Namun, dakwaan ini adalah kebatilan yang paling besar kerana Allah tidak ada yang menyerupai-Nya, tidak boleh disamakan dengan makhluk-Nya, dan tidak ada sesiapa pun yang boleh memberi syafaat di sisi-Nya kecuali dengan izin-Nya. Allah hanya mengizinkan syafaat bagi mereka yang bertauhid.

Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu, Maha Mengetahui segala perkara dan Dia adalah Tuhan yang Maha Penyayang. Dia tidak takut kepada sesiapa pun dan tidak perlu bergantung kepada sesiapa pun, kerana Dia-lah yang Maha Berkuasa ke atas seluruh makhluk-Nya dan mengatur mereka mengikut kehendak-Nya. Berbeza dengan raja-raja dan para pemimpin, mereka tidak berkuasa atas segala sesuatu. Oleh itu, mereka memerlukan bantuan menteri-menteri, orang-orang kepercayaan dan tentera mereka untuk mengurus perkara yang mereka tidak mampu lakukan sendiri.

Begitu juga, mereka memerlukan seseorang untuk menyampaikan keperluan rakyat yang mereka sendiri tidak mengetahuinya. Mereka juga memerlukan perantara dalam kalangan menteri dan orang-orang kepercayaan mereka untuk merayu dan mendapatkan keredaan mereka. Adapun Allah yang Maha Mulia dan Maha Agung, maka Dia SWT Maha Kaya daripada semua makhluk-Nya. Dia lebih mengasihi mereka daripada ibu-ibu mereka sendiri. Dia juga adalah Hakim yang Maha Adil, yang meletakkan segala sesuatu pada tempatnya sesuai dengan hikmah, ilmu dan kekuasaan-Nya.

Oleh itu, tidak boleh sama sekali untuk menyerupakan atau membandingkan-Nya dengan makhluk-Nya dalam apa jua bentuk. Adapun Tuhan yang Maha Mulia dan Maha Agung, maka Dia SWT Maha Kaya daripada semua makhluk-Nya. Dia lebih mengasihi mereka daripada ibu-ibu mereka sendiri. Dia juga adalah Hakim yang Maha Adil, yang meletakkan segala sesuatu pada tempatnya sesuai dengan hikmah, ilmu dan kekuasaan-Nya.

Oleh itu, tidak boleh sama sekali untuk menyerupakan atau membandingkan-Nya dengan makhluk-Nya dalam apa jua bentuk. Oleh sebab itu, Allah SWT telah menjelaskan dalam kitab-Nya bahawa orang-orang musyrik telah mengakui bahawa Dialah

yang mencipta, memberi rezeki, mentadbir, menjawab doa orang yang dalam kesusahan, menghilangkan kesulitan, menghidupkan dan mematikan, serta melakukan segala perbuatan-Nya yang lain SWT. Sesungguhnya pertikaian antara orang-orang musyrik dengan para rasul adalah dalam mengikhlaskan ibadah hanya kepada Allah semata, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولَنَّ اللَّهُ﴾

*"Dan jika engkau bertanya kepada mereka: 'Siapa yang menciptakan mereka?' Pasti mereka akan berkata: 'Allah'." (Surah al-Zukhruf: 87) Allah SWT berfirman:*

﴿قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمَّنْ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَمَنْ يُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ﴾

*"Katakanlah: Siapakah yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi, atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan, dan siapakah yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup, serta siapakah yang mengatur segala urusan? Maka mereka akan menjawab: 'Allah.' Maka katakanlah: 'Mengapa kamu tidak bertakwa?'" (Surah Yūnus: 31). Banyak lagi ayat yang sama makna dengan ini.*

Dan telah disebutkan sebelum ini ayat-ayat yang menunjukkan bahawa pertikaian antara para rasul dan umat-umat mereka hanyalah dalam mengikhlaskan ibadah kepada Allah semata-mata, seperti firman-Nya SWT:

﴿وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengutus seorang rasul kepada setiap umat (dengan perintah): 'Sembahlah Allah dan jauhilah thaghut (segala yang disembah selain Allah dengan keredaan penyembahnya).'"* (Surah al-Nahl: 36) Dan juga ayat-ayat yang semakna dengannya. Allah SWT telah menjelaskan dalam banyak tempat dalam kitab-Nya yang mulia tentang perihal syafaat, lalu Dia berfirman:

﴿مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ﴾

*"Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya tanpa izin-Nya?"* (Surah al-Baqarah: 255) Allah SWT juga berfirman:

﴿وَكَمْ مِنْ مَلَكٍ فِي السَّمَاوَاتِ لَا تُغْنِي شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا إِلَّا مِنْ بَعْدِ أَنْ يَأْذَنَ اللَّهُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَرْضَى﴾

*"Dan berapa banyak malaikat di langit yang tidak memberikan syafaat sedikit pun, kecuali setelah Allah memberi izin kepada siapa yang Dia kehendaki dan Dia redai." (Surah al-Najm: 26)*

Allah berfirman tentang ciri malaikat:

﴿وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنِ ارْتَضَىٰ وَهُمْ مِنْ خَشْيَتِهِ مُشْفِقُونَ﴾

*"Dan mereka tidak memberi syafaat, kecuali untuk orang yang diredai-Nya, dan mereka sangat takut kepada-Nya." (Surah al-Anbiyā': 28)*

Allah SWT mengkhabarkan bahawa Dia tidak reda dengan kekufuran daripada hamba-Nya, tetapi Dia reda dengan syukur. Syukur itu adalah dengan mentauhidkan-Nya dan melaksanakan ketaatan kepada-Nya, seperti yang difirmankan-Nya dalam ayat:

﴿إِنْ تَكْفُرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنْكُمْ وَلَا يَرْضَىٰ لِعِبَادِهِ الْكُفْرَ وَإِنْ تَشْكُرُوا يَرْضَهُ لَكُمْ﴾

*"Jika kamu kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan kamu), dan Dia tidak reda untuk hamba-hamba-Nya kekufuran. Dan sekiranya kamu bersyukur, Dia reda untuk kamu." (Surah al-Zumar: 7).*

Dalam Sahih al-Bukhari, daripada Abu Hurairah RA bahawa beliau berkata: "Wahai Rasulullah! Siapakah yang paling beruntung dengan syafaatmu?" Rasulullah bersabda: *"Sesiapa yang mengucapkan: (Tiada yang berhak disembah selain Allah) dengan ikhlas daripada hatinya." Atau baginda bersabda: "Daripada jiwanya."*

Dalam Sahih al-Bukhari, daripada Anas RA bahawa Nabi SAW bersabda: "Setiap nabi memiliki doa yang pasti dikabulkan, maka setiap nabi telah segera mengabulkan doanya. Adapun aku, aku menyimpan doaku sebagai syafaat untuk umatku pada hari kiamat. Doaku ini, insya Allah, akan tercapai bagi sesiapa yang mati dalam kalangan umatku dan tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun." Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang makna ini sangat banyak.

Semua apa yang telah kami sebutkan daripada ayat-ayat dan hadis-hadis menunjukkan bahawa ibadah adalah hak milik Allah sahaja, dan tidak boleh mengalihkan sedikit pun daripadanya kepada selain Allah, tidak kepada nabi-nabi mahupun selain mereka. Syafaat juga adalah hak milik Allah Yang Maha Tinggi, seperti yang difirmankan oleh-Nya:

﴿قُلْ لِلَّهِ الشَّفَاعَةُ جَمِيعًا﴾

*"Katakanlah: Hanya milik Allah segala syafaat."* (Surah al-Zumar: 44) Tidak ada yang berhak atasnya kecuali setelah izin-Nya untuk pemberi syafaat, dan keredaan-Nya terhadap yang menerima syafaat. Allah SWT tidak meredhai selain tauhid, seperti yang telah disebutkan sebelumnya. Oleh sebab itu, orang-orang musyrik tidak memiliki bahagian dalam syafaat, dan Allah telah menjelaskan hal ini dalam firman-Nya:

﴿فَمَا تَنْفَعُهُمْ شَفَاعَةُ الشَّافِعِينَ﴾

*"Jadi, tidak berguna bagi mereka syafaat (pertolongan) daripada para pemberi syafaat." (Surah al-Muddaththir: 48) Allah SWT berfirman:*

﴿مَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ يُطَاعُ﴾

*"Tiada bagi orang-orang yang zalim itu teman yang akrab, dan tiada pula seorang pemberi syafaat yang diterima syafaatnya." (Surah Ghāfir: 18)*

Apa yang dimaksudkan dengan zalim secara umum adalah syirik kepada Allah, seperti yang difirmankan Allah:

﴿وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ﴾

*"Dan orang-orang kafir itu adalah orang-orang yang zalim." (Surah al-Baqarah: 254) Allah SWT berfirman:*

﴿إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ﴾

*"Sesungguhnya syirik itu adalah kezaliman yang besar." (Surah Luqman: 13)*

Adapun apa yang kamu sebutkan dalam soalnya mengenai perkataan sebahagian sufi di masjid dan tempat lain: "Ya Allah, selawatlah ke atas orang yang Engkau jadikan sebab terbelahnya rahsia-rahsia kekuasaan-Mu dan terbukanya cahaya-cahaya rahmat-

Mu, yang menjadi wakil dari hadrat Ilahi, dan khalifah bagi rahsia-rahsia diri-Mu," dan seterusnya...

Jawapannya: Ucapan ini dan yang sejenisnya termasuk dalam kategori takalluf (berlebihan) dan kemelampauan yang telah diingatkan oleh Nabi kita Muhammad SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim dalam sahihnya daripada Abdullah bin Mas'ud RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Celakalah orang-orang yang melampau (dalam agama)," baginda mengucapkannya tiga kali.

Al-Imam al-Khattabi RH berkata: *Orang yang melampau adalah orang yang terlalu mendalam dalam sesuatu perkara, atau yang terlalu berusaha mencari dan membahas sesuatu yang tidak relevan atau yang tidak sepatutnya dibicarakan.*

*Mereka adalah orang-orang yang terlibat dalam hal-hal yang tidak seharusnya mereka perhatikan, seperti ahli debat dalam bidang agama yang membahaskan perkara-perkara yang tidak dapat dijangkau oleh akal manusia, atau yang terperangkap dalam perkara-perkara yang tidak berguna.*

Abu al-Sa'adat Ibn al-Athir berkata: *Orang yang melampau adalah orang-orang yang terlalu mendalam dan berlebihan dalam berbicara, terutama dalam perdebatan atau diskusi. Istilah ini berasal dari kata "□□□□" yang merujuk kepada bahagian atas mulut, iaitu langit-langit mulut yang lebih tinggi.*

*Dengan demikian, istilah ini digunakan untuk menggambarkan orang yang berbicara dengan cara yang sangat berlebihan atau*

*terlalu mendalam dalam ucapan dan tindakannya yang sering kali melampaui batas yang sepatutnya.*

Melalui apa yang disebutkan oleh dua imam dalam bidang bahasa tersebut, jelaslah buat anda semua dan sesiapa sahaja yang memiliki sedikit pengetahuan bahawa cara ini dalam mengucapkan swlawat dan salam kepada Nabi kita, Rasulullah SAW adalah sebahagian daripada sikap berlebihan dan terlalu mendalam yang dilarang. Apa yang dianjurkan bagi seorang Muslim dalam perkara ini adalah untuk berusaha mengikuti cara yang telah ditetapkan oleh Rasulullah SAW dalam berdoa dan mengucapkan salam kepadanya kerana hal tersebut sudah cukup dan lebih baik daripada yang lainnya.

Antaranya adalah yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam kedua-dua kitab sahih daripada Ka'ab bin 'Ujrah RA bahawa para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah! Allah memerintahkan kami untuk berselawat kepadamu, bagaimana kami berselawat kepadamu?" Maka Rasulullah SAW menjawab: "Ucaplah: Ya Allah, limpahkanlah selawat kepada Nabi Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah limpahkan selawat kepada Nabi Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia. Limpahkanlah keberkatan kepada Nabi Muhammad dan keluarga

Muhammad, sebagaimana Engkau telah melimpahkan keberkatan kepada Nabi Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia."

Dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim, daripada Abu Humayd al-Sa'idi RA: mereka berkata, "Wahai Rasulullah! Bagaimana kami berselawat kepadamu?" Maka baginda SAW menjawab: "Ucaplah: Ya Allah, limpahkanlah selawat ke atas Muhammad, ke atas isteri-isterinya dan keturunannya, sebagaimana Engkau memberikan selawat ke atas keluarga Ibrahim. Dan berkatilah Muhammad, isteri-isterinya dan keturunannya, sebagaimana Engkau memberi berkat ke atas keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia."

Dalam Sahih Muslim, daripada Abu Mas'ud al-Ansari RA berkata: Bashir bin Sa'd berkata: "Wahai Rasulullah! Allah memerintahkan kami untuk berselawat kepadamu, jadi bagaimana kami berselawat kepadamu?" Lalu Rasulullah diam sejenak, kemudian baginda bersabda: "Ucapkanlah: Ya Allah, limpahkanlah selawat ke atas Muhammad dan atas keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau selawatkan atas keluarga Ibrahim, dan berkatilah Muhammad dan atas keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau memberkati keluarga Ibrahim di seluruh alam, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia,

dan salam sebagaimana yang telah Engkau ajarkan kepada kami."

Jadi, lafaz-lafaz selawat seperti ini serta lain-lain lafaz yang sahih daripada Nabi SAW adalah yang seharusnya digunakan oleh seorang Muslim dalam berselawat dan memberi salam kepada Rasulullah SAW.

Ini kerana Rasulullah SAW adalah orang yang paling mengetahui apa yang sesuai untuk digunakan dalam berhubung dengannya, sebagaimana baginda juga paling mengetahui apa yang sepatutnya digunakan dalam berhubung dengan Tuhan-Nya dari segi ungkapan.

Sedangkan ungkapan-ungkapan yang dibuat-buat dan baharu serta ungkapan yang mempunyai kemungkinan makna yang tidak benar seperti ungkapan yang disebutkan dalam soalan, maka tidak sepatutnya digunakan.

Ini kerana ia mengandungi unsur pemberatan yang berlebihan dan boleh ditafsirkan dengan makna yang salah, selain ia bertentangan dengan ungkapan yang dipilih oleh Rasulullah SAW dan yang baginda tunjukkan kepada umatnya.

Baginda adalah orang yang paling mengetahui, paling menasihati dan paling jauh dari ketekunan yang

berlebihan. Semoga Allah SWT memberikan selawat dan salam terbaik ke atasnya.

Semoga apa yang telah kami sebutkan daripada dalil-dalil dalam menjelaskan hakikat tauhid, hakikat syirik, perbezaan antara apa yang dilakukan oleh orang-orang musyrikin terdahulu dan musyrikin yang terkemudian dalam hal ini serta cara yang benar dalam berselawat ke atas Rasulullah SAW, dapat memberikan kepuasan dan kepastian bagi pencari kebenaran. Manakala mereka yang tidak ada keinginan untuk mengetahui kebenaran, maka mereka mengikuti hawa nafsu mereka, kata SWT:

﴿فَإِلَّا يَسْتَجِيبُوا لَكَ فَاعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ أَهْوَاءَهُمْ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ اتَّبَعَ هَوَاهُ بِغَيْرِ هُدًى مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ﴾

*"Jika mereka tidak menjawab panggilanmu, maka ketahuilah bahawa mereka hanya mengikuti hawa nafsu mereka. Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti hawa nafsunya tanpa petunjuk daripada Allah? Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim." (Surah al-Qaṣaṣ: 50)*

Allah menjelaskan dalam ayat yang mulia ini bahawa manusia terbahagi kepada dua golongan berkaitan dengan apa yang telah diwahyukan oleh Allah kepada Nabi-Nya Muhammad SAW berupa petunjuk dan agama yang benar:

Pertama: Orang yang menyahut seruan Allah dan Rasul-Nya.

Kedua: Orang yang mengikuti hawa nafsunya, kemudian Allah menyatakan bahawa tiada yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti hawa nafsunya tanpa petunjuk daripada Allah.

Kami memohon kepada Allah Yang Maha Agung untuk memberikan keselamatan daripada mengikuti hawa nafsu dan semoga Dia menjadikan kita semua dan seluruh saudara-saudara kita termasuk orang-orang yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, yang menghormati syariat-Nya dan yang berwaspada terhadap segala sesuatu yang bertentangan dengan syariat-Nya daripada bidaah dan hawa nafsu. Sesungguhnya Dia Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

Semoga selawat dan salam tercurah kepada hamba Allah dan Rasul-Nya, Nabi Muhammad, serta kepada keluarga, sahabat, dan pengikutnya sehingga hari kiamat.

## **Risalah Kelima:**

### **Hukum Menyambut Mawlid Nabi dan Hari Jadi Lain**

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah, keluarga baginda, para sahabat dan sesiapa sahaja yang mengikuti petunjuk baginda. Amma ba'du:

Acap kali diajukan pertanyaan oleh ramai orang mengenai hukum menyambut Maulid Nabi SAW, berdiri ketika itu sebagai tanda penghormatan, mengucapkan selamat serta perkara-perkara lain yang dilakukan dalam majlis-majlis maulid.

Jawapannya ialah: Tidak dibolehkan menyambut Maulid Rasul SAW atau mana-mana perayaan yang seumpamanya, kerana ia termasuk dalam bid'ah yang diada-adakan dalam agama.

Ini kerana Rasulullah SAW sendiri tidak pernah melakukannya, begitu juga dengan para khalifah yang mendapat petunjuk, para sahabat (RA), dan juga generasi tabi'in yang mengikuti mereka dengan ihsan dalam kurun-kurun terbaik.

Mereka adalah golongan yang paling memahami sunnah, paling mencintai Rasulullah SAW, dan paling sempurna dalam mengikuti syariat baginda berbanding

generasi yang datang selepas mereka. Allah SWT berfirman dalam kitab-Nya yang jelas:

﴿وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمُ عَنْهُ فَانْتَهُوا﴾

*"Setiap perintah yang disampaikan oleh Rasul kepada kamu, hendaklah kamu terima. Sebaliknya setiap larangan baginda, berhentilah pada larangannya itu."*

(Surah al-Ḥashr: 7) Allah SWT juga berfirman:

﴿فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

*"Dan hendaklah orang-orang yang menyalahi perintahnya (Nabi Muhammad ﷺ) takut yang mereka akan dtimpa fitnah atau azab yang pedih."* (QS. al-Nur: 63) Allah SWT juga berfirman:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

*"Sumpah! Pada diri Rasulullah itu terdapat contoh teladan bagi kamu, bagi sesiapa yang mengharap Allah dan syurga, dan sentiasa mengingati Allah."* (QS al-Aḥzāb: 21) Allah SWT berfirman:

﴿وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴾

*"Dan orang-orang yang terdahulu (masuk Islam) dalam kalangan Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah reda terhadap mereka dan mereka pun reda terhadap-Nya, dan Dia menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar."* (QS al-Tawbah: 100) Allah SWT berfirman:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾

*"Hari ini Aku telah menyempurnakan agama kalian, melengkapkan nikmat-Ku kepada kalian, dan Aku reda Islam sebagai agama kalian."* (QS al-Mā'idah: 3) Banyak lagi ayat yang sama makna dengan ini. Sahih daripada Nabi SAW bahawa baginda bersabda: "Sesiapa yang membuat sesuatu perkara baharu dalam urusan (agama) kami ini yang bukan daripadanya, maka ia tertolak." Bermaksud tidak diterima atau ditolak. Dalam hadis yang lain disebutkan: "Berpeganglah dengan sunnahku dan sunnah para khalifah yang diberi petunjuk selepasku, berpegang teguhlah kepadanya dan gigitlah dengan gigi geraham. Hindarilah perkara-perkara yang baharu (bidaah) kerana setiap perkara yang baharu itu adalah bidaah dan setiap bidaah itu adalah sesat." Dalam dua hadis ini terdapat peringatan

yang sangat tegas terhadap perbuatan melakukan bidaah dan mengamalkannya.

Menyambut perayaan seperti ini (maulid) difahami sebagai anggapan bahawa Allah SWT belum menyempurnakan agama ini untuk umat ini dan bahawa Rasulullah SAW tidak menyampaikan apa yang sepatutnya dilakukan oleh umat, sehingga datanglah mereka yang terkemudian, yang mencipta perkara baru dalam agama Allah yang tidak diizinkan-Nya, dengan alasan bahawa ia adalah sesuatu yang mendekatkan mereka kepada Allah. Tanpa ragu lagi ini merupakan bahaya yang besar serta bantahan terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Allah SWT telah menyempurnakan agama untuk hamba-Nya dan menyempurnakan nikmat-Nya dan Rasulullah SAW telah menyampaikan penyampaian yang jelas, tidak meninggalkan satu jalan pun yang dapat membawa ke syurga dan menjauhkan dari neraka melainkan telah dijelaskan kepada umatnya, sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadis sahih dari Abdullah bin Amr RA yang berkata: Rasulullah SAW bersabda: «Tidak ada seorang nabi pun yang diutus oleh Allah melainkan wajib baginya untuk menunjukkan umatnya kepada segala kebaikan yang dia ketahui bagi mereka, dan memperingatkan mereka daripada segala keburukan yang dia ketahui bagi mereka.» [Riwayat Muslim]

Sudah diketahui bahawa Nabi kita SAW adalah sebaik-baik nabi, penutup para rasul serta paling sempurna dalam menyampaikan risalah dan memberi nasihat.

Sekiranya sambutan maulid itu termasuk dalam agama yang diredai Allah SWT, tentu baginda akan menjelaskannya kepada umatnya atau melakukannya dalam hidupnya atau sekurang-kurangnya para sahabatnya RA akan mengamalkannya.

Namun, apabila tiada satu pun perkara ini berlaku, maka jelaslah bahawa ia bukan sebahagian daripada Islam, malah ia termasuk dalam perkara-perkara yang direka-reka (bidaah) yang telah diperingatkan oleh Rasulullah SAW kepada umatnya, sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadis-hadis sebelum ini. Ayat-ayat al-Quran serta hadis-hadis mengenai hal ini sangat banyak.

Beberapa ulama dengan tegas mengingkari dan memberi amaran terhadap perayaan maulid, berdasarkan dalil-dalil yang disebutkan dan selainnya. Namun, beberapa ilmuwan mutakhir berbeza pendapat, dengan membolehkan perayaan tersebut asalkan tidak mengandungi perkara-perkara yang dilarang, seperti berlebihan dalam memuji Rasulullah SAW, percampuran antara lelaki dan wanita, penggunaan alat

muzik dan perkara-perkara lain yang dilarang oleh syariat. Mereka berpendapat bahawa perayaan ini merupakan bidaah yang baik.

Prinsip syariah adalah dengan mengembalikan apa yang diperselisihkan oleh umat kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah Muhammad SAW seperti yang Allah firmankan dalam al-Quran:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (Sunnah), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya." (QS al-Nisā': 59). Allah SWT berfirman:*

﴿وَمَا اخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى اللَّهِ﴾

*"Dan apa yang kamu perselisihkan tentang sesuatu, maka hukumnya adalah kepada Allah." (QS al-Syura: 10)*

Dan kami telah mengembalikan perkara ini — iaitu sambutan maulid — kepada Kitab Allah, lalu kami

dapati bahawa Allah memerintahkan kita untuk mengikuti Rasulullah ﷺ dalam apa yang telah baginda bawa serta melarang kita daripada perkara yang baginda larang.

Allah juga memberitahu kita bahawa Dia telah menyempurnakan agama ini untuk umat Islam. Oleh sebab sambutan maulid bukanlah sesuatu yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ, maka ia bukan sebahagian daripada agama yang telah Allah sempurnakan untuk kita, dan bukan pula sesuatu yang diperintahkan untuk kita ikuti.

Kami juga telah merujuk perkara ini kepada Sunnah Rasulullah ﷺ, tetapi kami tidak mendapati bahawa baginda pernah melakukannya, memerintahkannya atau bahawa para sahabat RA pernah melakukannya. Maka, dengan ini kami mengetahui bahawa ia bukan sebahagian daripada agama, sebaliknya ia termasuk dalam bidaah yang diada-adakan, serta menyerupai ahli kitab dalam kalangan Yahudi dan Nasrani dalam perayaan mereka.

Dengan demikian, jelaslah bagi sesiapa yang memiliki sedikit ketajaman pemahaman, kecintaan kepada kebenaran, serta keadilan dalam mencarinya bahawa sambutan maulid bukanlah sebahagian daripada agama Islam. Sebaliknya, ia merupakan bidaah yang diada-adakan yang telah diperintahkan oleh Allah

SWT dan Rasul-Nya SAW untuk ditinggalkan serta dijauhi. Tidak sepatutnya bagi orang yang berakal untuk terpedaya dengan banyaknya orang yang melakukannya di pelbagai negeri kerana kebenaran tidak diukur berdasarkan jumlah pelakunya, tetapi diketahui melalui dalil-dalil syar'i. Sebagaimana firman Allah tentang Yahudi dan Nasrani:

﴿وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصَارَى تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾

*"Dan mereka berkata: "Tidak akan masuk syurga kecuali orang yang menjadi Yahudi atau Nasrani." Itu hanyalah angan-angan mereka. Katakanlah: "Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu orang-orang yang benar." (QS al-Baqarah: 111) Allah SWT berfirman:*

﴿وَإِنْ تُطِيعُوا أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ﴾

*"Dan sekiranya kamu mengikuti kebanyakan orang di atas muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah." (QS al-An'ām: 116)*

Kemudian, kebanyakan sambutan maulid ini — di samping ia merupakan satu bidaah — tidak terlepas daripada mengandungi kemungkaran lain, seperti percampuran antara lelaki dan wanita, penggunaan lagu dan alat muzik, meminum minuman memabukkan

serta dadah dan pelbagai keburukan lain. Kadangkala berlaku dalam perayaan tersebut sesuatu yang lebih besar dosanya iaitu syirik akbar. Ini berlaku apabila mereka berlebihan dalam memuja Rasulullah ﷺ atau wali-wali lain dengan menyeru dan meminta pertolongan daripadanya, memohon bantuan, serta mempercayai bahawa mereka mengetahui perkara ghaib. Semua ini termasuk dalam perbuatan kufur yang banyak dilakukan oleh sebahagian orang ketika menyambut maulid Nabi ﷺ atau perayaan yang diadakan untuk mereka yang dianggap sebagai wali.

Hadis sahih daripada Rasulullah ﷺ bahawa Baginda bersabda: "Jauhilah kalian terhadap sikap berlebihan dalam agama, kerana sesungguhnya yang membinasakan orang-orang sebelum kalian adalah sikap berlebihan dalam agama." Juga sabda Rasulullah SAW: "Janganlah kamu memuji-mujiku secara berlebihan sebagaimana kaum Nasrani telah memuji Isa bin Maryam secara berlebihan. Sesungguhnya aku hanyalah seorang hamba, maka katakanlah: Hamba Allah dan Rasul-Nya." Direkodkan dalam Sahih al-Bukhari, daripada hadis 'Umar RA.

Namun yang ajaib dan menghairankan, banyak orang yang bersemangat dan berusaha keras untuk

menghadiri perayaan-perayaan yang diada-adakan ini, membela mereka, namun mereka enggan untuk menghadiri solat Jumaat dan berjamaah, seolah-olah mereka tidak merasa melakukan suatu kesalahan besar. Tidak diragukan lagi bahawa ini merupakan akibat daripada lemahnya iman, kurangnya wawasan dan banyaknya noda dosa-dosa yang menyelimuti hati. Kami memohon kepada Allah agar memberikan keselamatan bagi kami dan seluruh umat Islam.

Antara perkara tersebut ialah sebahagian orang menyangka bahawa Rasulullah SAW menghadiri perayaan maulid. Oleh sebab itu, mereka berdiri sebagai tanda penghormatan dan sambutan. Ini adalah salah satu kebatilan yang paling besar dan kejahilan yang paling buruk.

Sesungguhnya Rasulullah SAW tidak keluar dari kuburnya sebelum hari kiamat, tidak berhubung dengan sesiapa pun dalam kalangan manusia dan tidak menghadiri perhimpunan mereka. Sebaliknya, baginda tetap berada di dalam kuburnya hingga hari kiamat, manakala rohnyanya berada di tempat tertinggi di sisi Tuhannya di tempat yang mulia, sebagaimana firman Allah Ta'ala:

﴿ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ ۖ ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ﴾

*"Kemudian sesungguhnya kamu setelah itu pasti akan mati.*

*Kemudian sesungguhnya kamu pada hari kiamat akan dibangkitkan."* (QS al-Mu'minūn: 15-16).

Nabi SAW juga bersabda: "Saya merupakan orang pertama yang akan dibangkitkan dari kubur pada hari kiamat dan saya merupakan orang pertama yang akan memberi syafaat dan orang pertama yang akan diterima syafaatnya." Semoga Allah memberikan kepadanya selawat dan salam yang terbaik.

Kedua-dua ayat yang mulia ini, hadis yang sahih dan apa yang terkandung dalam makna keduanya daripada ayat-ayat dan hadis-hadis semuanya menunjukkan bahawa Nabi SAW dan selainnya dalam kalangan orang-orang yang telah meninggal, hanya akan keluar dari kubur mereka pada hari kiamat.

Ini adalah perkara yang disepakati oleh para ulama Muslim dan tidak ada perselisihan mengenainya. Maka setiap Muslim hendaklah mengambil peringatan kepada perkara-perkara ini dan berhati-hati dengan apa yang telah dilakukan oleh orang-orang jahil dan sepertinya daripada bidaah dan khurafat yang tidak ada sebarang bukti daripada Allah mengenainya.

Hanya kepada Allah kita memohon pertolongan, dan kepada-Nya kita bertawakal, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan-Nya.

Sesungguhnya selawat dan salam kepada Rasulullah SAW adalah antara amalan yang paling utama dan perbuatan yang baik, seperti yang difirmankan oleh Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

*"Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah ke atasnya dan ucapkanlah salam dengan sebenar-benar salam."* (QS al-Aḥzāb: 56)  
Nabi SAW juga bersabda: *"Sesiapa yang berselawat untukku sekali, Allah akan berselawat untuknya sepuluh kali ganda."*

Ia disyariatkan pada setiap waktu dan sangat dianjurkan pada akhir setiap solat, bahkan wajib menurut sebahagian besar ulama pada tasyahhud terakhir dalam setiap solat. Kesunnahannya sangat ditegaskan pada banyak keadaan antaranya selepas azan, ketika menyebut nama baginda SAW serta pada hari Jumaat dan malamnya, sebagaimana yang diterangkan dalam banyak hadis.

Kepada Allah kita memohon agar memberi tawfiq kepada kita dan seluruh umat Islam untuk mendalami agama-Nya dan berpegang teguh dengannya, serta menganugerahkan kepada semua agar berpegang kepada sunnah dan berhati-hati terhadap bidaah. Sesungguhnya, Dialah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

Semoga Allah SWT memberkati dan selawat kepada Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan sahabatnya.

## **Risalah Keenam**

### **Hukum Menyambut Malam Israk Mikraj**

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah, serta ke atas keluarga dan para sahabat.

Tidak ada keraguan bahawa Israk dan Mikraj merupakan antara tanda-tanda besar Allah yang menunjukkan kebenaran Rasul-Nya, Muhammad SAW dan keagungan kedudukannya di sisi Allah, Yang Maha Agung. Begitu juga, ia merupakan antara bukti kekuasaan Allah yang menakjubkan dan keagungan-Nya SWT atas seluruh ciptaan-Nya. Allah, Yang Maha Tinggi, berfirman:

﴿سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ﴾

*"Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam, dari Masjid Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya, supaya Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada ayat-ayat Kami. Sesungguhnya, Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat." (QS al-Isrā': 1).*

Hadis mutawatir daripada Rasulullah SAW bahawa baginda telah diangkat ke langit-langit, pintu-pintu langit dibuka untuknya hingga melepasi langit ketujuh, dan dia berbicara dengan Tuhannya - Maha Suci Dia - tentang apa yang Dia kehendaki, dan Dia mewajibkan solat lima waktu. Pada awalnya, Allah mewajibkan solat sebanyak lima puluh waktu, namun Nabi kita Muhammad SAW terus-menerus memohon keringanan sehingga akhirnya jumlahnya ditetapkan lima waktu solat, namun ia tetap dianggap sebanyak lima puluh solat dari segi ganjaran kerana setiap amalan baik dibalas sepuluh kali ganda. Maka bagi Allah segala puji dan syukur atas segala nikmat-Nya.

Malam yang terjadi peristiwa Israk dan Mikraj, tidak ada dalam hadis yang sahih yang menyebutkan penetapan tarikh tersebut, sama ada pada bulan Rejab atau selainnya.

Segala yang dikatakan mengenai penetapannya adalah tidak sah menurut para ulama hadis. Allah

memiliki hikmah yang mendalam dalam melupakan umat manusia akan tarikh tersebut.

Sekiranya tarikh tersebut diketahui dengan pasti, maka tidak dibenarkan bagi umat Islam untuk mengkhususkan malam tersebut dengan sebarang bentuk ibadah atau merayakannya, kerana Nabi SAW dan para sahabatnya RA tidak merayakannya dan tidak mengkhususkan malam tersebut dengan apa-apa amalan. Sekiranya merayakan malam tersebut merupakan sesuatu yang disyariatkan, pastinya Nabi SAW akan menjelaskannya kepada umatnya, sama ada melalui kata-kata atau perbuatan.

Jika perkara itu benar-benar berlaku, sudah pasti ia akan diketahui dan terkenal, dan pasti para sahabat RA akan menyampaikannya kepada kita. Mereka telah menyampaikan segala yang diperlukan umat ini daripada Nabi mereka SAW dan mereka tidak meninggalkan apa-apa yang berkaitan dengan agama.

Bahkan mereka adalah yang pertama dalam melakukan segala kebaikan. Oleh itu, sekiranya menyambut malam ini adalah sesuatu yang dibenarkan, pastinya mereka akan menjadi orang yang pertama melakukannya. Nabi SAW adalah sebaik-baik manusia yang memberi nasihat kepada umatnya. Baginda telah

menyampaikan wahyu dengan sebaik-baiknya dan menunaikan amanahnya.

Sekiranya mengagungkan malam ini dan merayakannya merupakan sebahagian daripada agama Allah, pasti Nabi SAW tidak akan melupakannya atau menyembunyikannya.

Oleh sebab tiada perkara tersebut yang berlaku, maka jelaslah bahawa menyambut malam ini dan mengagungkannya bukanlah sebahagian daripada Islam.

Allah telah menyempurnakan agama ini untuk umat ini dan menyempurnakan nikmat-Nya, serta mengingkari mereka yang mengada-adakan perkara baru dalam agama yang tidak diizinkan oleh Allah, seperti yang disebutkan dalam kitab-Nya yang mulia:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾

*"Hari ini Aku telah menyempurnakan agama kalian, melengkapkan nikmat-Ku kepada kalian, dan Aku reda Islam sebagai agama kalian."* (QS al-Mā'idah: 3) Allah SWT juga berfirman:

﴿أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ وَلَوْلَا كَلِمَةُ الْفَصْلِ لَفُضِيَ بَيْنَهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

*"Apakah ada bagi mereka sekutu-sekutu yang menetapkan untuk mereka daripada agama apa yang tidak diizinkan oleh Allah? Sekiranya tidak kerana perkataan yang menjadi pemutus, nescaya sudah diputuskan antara mereka. Dan sesungguhnya, orang-orang yang zalim akan menerima azab yang pedih." (QS al-Shūrā: 21)*

Sahih daripada Rasulullah ﷺ dalam hadis-hadis tentang peringatan terhadap bidaah dan pernyataan bahawa ia merupakan kesesatan, sebagai amaran kepada umat tentang betapa bahayanya, serta sebagai pencegahan agar mereka tidak mengamalkannya. Antaranya adalah apa yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah (ra) daripada Nabi ﷺ bahawa baginda bersabda: "Sesiapa yang membuat sesuatu perkara baharu dalam urusan (agama) kami ini yang bukan daripadanya, maka ia tertolak." Dalam riwayat Muslim yang lain: "Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan yang bukan ajaran kami, maka amalan tersebut tertolak."

Dalam Sahih Muslim daripada Jabir RA berkata: Rasulullah ﷺ selalu mengucapkan dalam khutbahnya pada hari Jumaat: "Amma ba'du, sesungguhnya sebaik-baik perkataan adalah kitab Allah, dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad SAW, dan seburuk-buruk perkara adalah perkara-perkara yang

diada-adakan, setiap bidaah itu sesat." Tambahan dalam riwayat al-Nasa'i: "Setiap kesesatan itu di neraka." Dalam kitab Sunan, daripada al-'Irbad bin Sariyah RA, beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah memberikan kami satu nasihat yang mendalam sehingga hati menjadi takut dan berlinangan air mata. Lalu kami berkata: "Wahai Rasulullah, seakan-akan ini adalah ungkapan perpisahan, maka titipkanlah pesanan buat kami." Maka baginda bersabda: "Aku wasiatkan kepada kalian agar bertakwa kepada Allah, mendengar dan taat (kepada pemimpin Islam), walaupun yang memimpin kalian adalah seorang hamba. Sesungguhnya, sesiapa yang hidup selepas aku, dia akan melihat banyak perselisihan. Maka, hendaklah kalian berpegang teguh kepada sunnahku dan sunnah para khulafa' al-rasyidin yang mendapat petunjuk selepas aku. Gigitlah ia dengan gigi geraham kalian. Dan jauhilah perkara-perkara yang diada-adakan (dalam agama), kerana setiap perkara yang diada-adakan adalah bidaah, dan setiap bidaah itu adalah kesesatan." Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang makna ini sangat banyak.

Sabit daripada para sahabat Rasulullah ﷺ dan daripada generasi salaf soleh selepas mereka, peringatan terhadap bidaah serta ancaman daripada melakukannya. Hal ini tidak lain kerana bidaah merupakan suatu tambahan dalam agama, serta suatu

bentuk pensyariatan yang tidak diizinkan oleh Allah. Ia juga menyerupai musuh-musuh Allah daripada kalangan Yahudi dan Nasrani dalam menambah-nambah agama mereka dan mencipta sesuatu yang tidak diizinkan oleh Allah.

Selain itu, bidaah mengandungi implikasi meremehkan agama Islam serta menuduhnya sebagai tidak sempurna. Sudah dimaklumi bahawa hal ini membawa kepada kerosakan yang besar, kemungkaran yang keji, serta bertentangan secara langsung dengan firman Allah Yang Maha Agung:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ﴾

*"Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu." (QS al-Mā'idah: 3)*

Ia merupakan suatu penentangan yang jelas terhadap hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang memberi peringatan tentang bahaya bidaah dan menghalang daripada melakukannya.

Semoga apa yang telah kami sebutkan daripada dalil-dalil ini cukup dan meyakinkan bagi pencari kebenaran dalam menolak bidaah ini iaitu bidaah menyambut malam Isra' dan Mi'raj, serta peringatan untuk

menjauhinya. Sesungguhnya ia bukanlah sebahagian daripada agama Islam.

Namun kerana kewajipan yang telah Allah tetapkan untuk menasihati kaum Muslimin, menjelaskan apa yang telah Allah syariatkan kepada mereka dalam agama, serta pengharaman menyembunyikan ilmu, maka saya melihat perlunya memberi peringatan kepada saudara-saudara Muslim saya tentang bidaah ini, yang telah tersebar di banyak tempat, sehingga sebahagian orang menyangkanya sebagai sebahagian daripada agama.

Dan hanya kepada Allah kita memohon agar Dia memperbaiki keadaan seluruh umat Islam, mengurniakan mereka kefahaman dalam agama, serta memberikan taufik kepada kami dan mereka untuk berpegang teguh kepada kebenaran dan tetap di atasnya, serta meninggalkan segala yang bertentangan dengannya. Sesungguhnya, Dia-lah pemilik segala urusan dan Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Selawat dan salam, serta keberkatan Allah ke atas hamba dan Rasul-Nya, Nabi kita Muhammad, serta ke atas keluarga dan para sahabatnya.

## Risalah Ketujuh

### Hukum Menyambut Malam Nisfu Syaaban

Segala puji bagi Allah yang telah menyempurnakan agama untuk kita dan menyempurnakan nikmat-Nya ke atas kita. Selawat dan salam ke atas Nabi dan Rasul-Nya, Muhammad, Nabi taubat dan rahmat.

Amma ba'd: Allah SWT telah berfirman:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾

*"Hari ini Aku telah menyempurnakan agama kalian, melengkapkan nikmat-Ku kepada kalian, dan Aku reda Islam sebagai agama kalian."* (QS al-Mā'idah: 3) Allah SWT berfirman:

﴿أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَنْ بِهِ اللَّهُ﴾

*"Ataukah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menggubal bagi mereka sesuatu dalam agama yang tidak diberi izin oleh Allah?"* (QS al-Shūrā: 21) Dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim daripada Aisyah RA, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: **"Sesiapa yang membuat sesuatu perkara baharu dalam urusan (agama) kami ini yang bukan daripadanya, maka ia tertolak."** Dalam Sahih Muslim daripada Jabir RA, beliau berkata: Rasulullah ﷺ selalu mengucapkan dalam

khutbahnya pada hari Jumaat: "Amma ba'du, sesungguhnya sebaik-baik perkataan adalah kitab Allah, dan sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad SAW, dan seburuk-buruk perkara adalah perkara-perkara yang diada-adakan, setiap bidaah itu sesat." Ayat-ayat dan hadis-hadis tentang hal ini sangat banyak, dan semuanya menunjukkan dengan jelas bahawa Allah SWT telah menyempurnakan agama-Nya untuk umat ini dan menyempurnakan nikmat-Nya ke atas mereka.

Nabi ﷺ tidak wafat melainkan setelah baginda menyampaikan risalah dengan sejelas-jelasnya dan menjelaskan kepada umat segala yang telah disyariatkan oleh Allah untuk mereka, baik dalam bentuk ucapan mahupun perbuatan. Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa segala sesuatu yang diadakan oleh manusia selepasnya dan dikaitkan dengan agama Islam, baik berupa perkataan atau perbuatan, semuanya adalah bidaah yang tertolak kepada siapa yang mengadakannya, meskipun dengan niat baik.

Hal ini telah diketahui oleh para sahabat Rasulullah SAW dan demikian juga oleh para ulama Islam setelah mereka. Mereka menentang bidaah dan memberi amaran terhadapnya, seperti yang dinyatakan oleh para ulama yang menulis tentang pengagungan sunnah dan

penolakan bidaah, seperti Ibn Waddah, al-Turtushi, Abu Syamah dan lain-lain.

Salah satu bidaah yang diadakan oleh sebahagian golongan adalah bidaah menyambut malam tengah bulan Sya'ban dan menyendirikan hari tersebut dengan berpuasa.

Tidak ada dalil yang dapat dijadikan pegangan yang sah untuk hal tersebut dan hadis-hadis yang menyebutkan keutamaannya adalah hadis-hadis yang lemah, yang tidak boleh dijadikan pegangan.

Adapun apa yang disebutkan mengenai keutamaan solat pada malam tersebut, semuanya adalah palsu, sebagaimana yang telah diperingatkan oleh banyak ulama. Akan datang sedikit penjelasan tentang perkataan mereka, insyaAllah.

Juga terdapat beberapa riwayat daripada sebahagian salaf, terutama dalam kalangan ahli Syam dan selainnya, yang menyebutkan tentang malam tersebut.

Apa yang telah disepakati oleh kebanyakan ulama adalah menyambut malam tersebut adalah bidaah, dan semua hadis yang menyebutkan keutamaannya adalah hadis-hadis yang lemah, bahkan ada yang palsu.

Antaranya yang menegaskan hal ini adalah al-Hafiz Ibn Rajab dalam bukunya Lata'if al-Ma'arif dan lainnya.

Diketahui bahawa hadis-hadis lemah hanya boleh diterima dalam perkara ibadah yang asalnya telah ditetapkan dengan dalil-dalil yang sahih. Adapun perayaan malam Nisfu Sya'ban, maka ia tidak mempunyai asas yang sahih sehingga boleh dikuatkan dengan hadis-hadis yang lemah. Kaedah yang penting ini telah disebut oleh Imam Abu al-'Abbas Syaikhul Islam Ibn Taimiyyah RHM.

Saya akan menyampaikan kepada kamu, wahai pembaca, apa yang telah dikatakan oleh sebahagian ulama mengenai perkara ini, supaya kamu mendapat penjelasan dalam hal ini.

Para ulama — semoga Allah merahmati mereka — telah sepakat bahawa menjadi kewajipan untuk mengembalikan apa yang diperselisihkan oleh manusia dalam apa-apa perkara kepada Kitab Allah yang Maha Mulia dan kepada Sunnah Rasulullah SAW.

Apa yang diputuskan oleh keduanya atau salah satunya adalah syariat yang wajib diikuti dan apa yang bertentangan dengan keduanya wajib ditinggalkan. Apa yang tidak terdapat dalam keduanya daripada ibadah, maka itu adalah bidaah yang tidak boleh dilakukan, apalagi diserukan atau dianjurkan. Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (Sunnah), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."* (QS al-Nisā': 59). Allah SWT berfirman:

﴿وَمَا اخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى اللَّهِ﴾

*"Dan apa yang kamu perselisihkan tentang sesuatu, maka hukumnya adalah kepada Allah."* (QS al-Syura: 10) Allah SWT berfirman:

﴿قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ﴾

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah akan mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu."* (QS Ali `Imran: 31) Allah SWT juga berfirman:

﴿فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّى يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا مِمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

*"Maka demi Tuhanmu, mereka tidak akan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa berat hati terhadap keputusanmu, dan mereka menerima dengan sepenuhnya." (QS al-Nisā': 65)*

Ayat-ayat yang berkaitan dengan perkara ini sangat banyak. Ia merupakan dalil yang jelas tentang kewajiban mengembalikan segala permasalahan yang diperselisihkan kepada al-Quran dan Sunnah, serta kewajiban untuk menerima keputusan keduanya dengan penuh kerediaan.

Hal ini merupakan tuntutan iman dan merupakan kebaikan bagi hamba, baik dalam kehidupan dunia yang segera mahupun di akhirat yang kekal. Ia juga memiliki sebaik-baik tafsiran, yakni membawa kepada kesudahan yang terbaik.

Al-Hafiz Ibn Rajab—rahimahullah—dalam kitabnya *Latha'if al-Ma'arif*, setelah membincangkan perkara ini, beliau berkata:

"Malam Nisfu Sya'ban telah diagungkan oleh para tabi'in dalam kalangan penduduk Syam, seperti Khalid bin Ma'dan, Makhul, Luqman bin 'Amir, dan lain-lain. Mereka bersungguh-sungguh beribadah pada malam tersebut, dan daripada merekalah orang ramai

mengambil amalan keutamaan serta pengagungan terhadapnya. Dikatakan bahawa mereka menerima riwayat-riwayat Israiliyat mengenai perkara ini. Apabila hal tersebut tersebar di pelbagai negeri, manusia pun berbeza pendapat mengenainya. Sebahagian mereka menerimanya dan turut mengagungkannya, termasuk sebahagian ahli ibadah dalam kalangan penduduk Basrah dan selain mereka.

Kebanyakan ulama Hijaz menolak perkara ini, antaranya ialah 'Atha', Ibn Abi Mulaykah, dan Abdul Rahman bin Zayd bin Aslam yang meriwayatkannya daripada para fuqaha di Madinah. Ini juga merupakan pendapat para pengikut Imam Malik dan selain mereka. Mereka semua berpendapat bahawa amalan tersebut adalah bidaah.

Para ulama dalam kalangan penduduk Syam berbeza pendapat mengenai cara merayakan malam tersebut dengan dua pendapat:

Pendapat pertama: Ia disunatkan untuk menghidupkan malam tersebut secara berjemaah di masjid-masjid. Khalid bin Ma'dan, Luqman bin 'Amir dan lainnya akan mengenakan pakaian terbaik mereka, memakai minyak wangi, memakai celak, dan mereka akan menghabiskan malam tersebut dengan beribadah di masjid. Pendapat ini turut disokong oleh Ishaq bin

Rahawayh. Beliau (Ishaq bin Rahawayh) berkata mengenai menghidupkan malam tersebut secara berjemaah di masjid: "Perkara itu bukanlah bidaah," dan ini diriwayatkan oleh Harb al-Karmani dalam kitabnya al-Masail.

Pendapat kedua: Makruh untuk berkumpul di masjid-masjid pada malam tersebut untuk beribadah seperti solat berjemaah, mendengarkan cerita dan berdoa secara bersama. Namun, tidak makruh bagi seseorang untuk melakukan solat secara individu pada malam itu. Ini adalah pendapat al-Awza'i, imam dan fuqaha' terkenal dalam kalangan penduduk Syam. Pendapat ini lebih dekat dengan kebenaran, insyaAllah. Sehingga beliau berkata: "Tidak diketahui ada perkataan daripada Imam Ahmad mengenai malam Nisfu Sya'ban, namun terdapat dua riwayat daripadanya mengenai keutamaan menghidupkan malam tersebut. Salah satu riwayatnya mengenai menghidupkan malam-malam tertentu, iaitu malam-malam dua hari raya, dalam riwayat tersebut, beliau tidak menyarankan untuk melakukannya secara berjemaah, kerana tidak ada yang diriwayatkan daripada Nabi ﷺ dan para sahabatnya mengenai perkara itu." Dalam riwayat yang lain, beliau (Imam Ahmad) menyarankan menghidupkan malam tersebut, berdasarkan perbuatan Abdul Rahman bin Yazid bin al-

Aswad, yang merupakan salah seorang tabi'in. Begitu juga dengan malam Nisfu Sya'ban, tidak ada yang sahih mengenai perkara tersebut daripada Nabi ﷺ mahupun para sahabatnya. Namun, terdapat riwayat daripada beberapa golongan tabi'in, khususnya dalam kalangan fuqaha' ahli Syam.

Ini adalah kesimpulan daripada kata-kata al-Hafiz Ibn Rajab rahimahullah yang dengan tegas menyatakan bahawa tidak ada yang diriwayatkan daripada Nabi SAW mahupun daripada para sahabatnya RAH tentang sambutan malam Nisfu Syaaban.

Adapun apa yang dipilih oleh al-Awza'i RH mengenai keutamaan menghidupkan malam Nisfu Sya'ban secara individu, dan pendapat al-Hafiz Ibn Rajab yang menyokong pandangan tersebut, adalah pandangan yang aneh dan lemah.

Ini kerana setiap perkara yang tidak terbukti melalui dalil-dalil syar'i sebagai sesuatu yang disyariatkan, maka tidak dibenarkan bagi seorang Muslim untuk mengadakannya dalam agama Allah, sama ada ia dilakukan secara peribadi atau berjemaah, sama ada secara tersembunyi atau diumumkan. Ini adalah berdasarkan sabda Nabi ﷺ yang umum: **"Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan yang bukan ajaran kami, maka amalan tersebut tertolak."** Juga berdasarkan dalil-

dalil lain yang menunjukkan penolakan terhadap bidaah serta peringatan untuk menjauhinya.

Imam Abu Bakr al-Turtushi RH berkata dalam kitabnya al-Hawadith wa al-Bida' yang berbunyi:

Ibn Waddah meriwayatkan daripada Zayd bin Aslam, beliau berkata: Kami tidak mendapati seorang pun dalam kalangan para ulama atau fuqaha' kami yang memberi perhatian kepada malam Nisfu Sya'ban, dan mereka tidak menghiraukan hadis Makhul, serta tidak melihat ada keutamaan malam tersebut berbanding malam-malam lainnya.

Dikatakan kepada Ibn Abi Mulaykah: Sesungguhnya Ziyad al-Namiri berkata: "Sesungguhnya pahala malam Nisfu Sya'ban adalah sama dengan pahala malam al-Qadar." Maka beliau berkata: "Sekiranya aku mendengarnya dan aku memegang sebatang kayu, pasti aku akan memukulnya." Ziyad adalah seorang tukang cerita, (bukan ulama). Selesai apa yang dimaksudkan.

Al-'Allamah al-Shaukani - semoga Allah merahmatinya - berkata dalam kitabnya "Al-Fawa'id Al-Majmu'ah":

Hadis: 'Wahai Ali, sesiapa yang solat seratus rakaat pada malam Nisfu Sya'ban, membaca dalam setiap rakaat dengan al-Fatihah dan surah al-Ikhlâs sepuluh kali, maka Allah akan menyelesaikan segala hajatnya,"

dan seterusnya hingga akhir. Hadis ini adalah palsu dan lafaz-lafaz hadis yang menyatakan ganjaran besar yang akan diperoleh oleh pelakunya, tiada keraguan lagi bagi seseorang yang mempunyai pengetahuan bahawa hadis, ini semua hanyalah rekaan. Para perawinya juga tidak dikenali, dan hadis ini diriwayatkan melalui dua atau tiga jalan yang semuanya palsu dan perawinya adalah orang-orang yang tidak dikenali. Dalam Al-Mukhtasar dinyatakan: Hadis solat malam Nisfu Sya'ban adalah batil. Begitu juga riwayat Ibn Hibban daripada Ali: "Jika malam Nisfu Sya'ban tiba, maka bangunlah untuk beribadah di malamnya dan berpuasalah di sianginya," adalah hadis lemah. Dinyatakan dalam al-La'ali' al-Masnu'ah: Seratus rakaat pada malam Nisfu Sya'ban dengan membaca surah al-Ikhlas sepuluh kali pada setiap rakaat, yang dikatakan memiliki ganjaran yang sangat besar, adalah palsu dan kebanyakan perawinya dalam tiga jalur tersebut adalah orang-orang yang tidak dikenali dan lemah. Beliau berkata: "Dua belas rakaat dengan membaca al-Ikhlas tiga puluh kali, adalah palsu dan empat belas rakaat juga palsu."

Sekelompok ulama fiqh telah terkelabu mata dengan hadis ini, seperti pengarang Ihya' dan lainnya, begitu juga para mufassir. Solat pada malam ini — yang dimaksudkan adalah malam Nisfu Sya'ban — diriwayatkan dalam pelbagai cara yang semuanya palsu

dan tidak sah. Ini tidak bertentangan dengan riwayat daripada al-Tirmidhi tentang hadis Aisyah r.a. yang menyebutkan bahawa Nabi SAW pergi ke Baqi' dan Allah turun pada malam Nisfu Sya'ban ke langit dunia serta Dia mengampuni lebih banyak dari jumlah bulu kambing Bani Kalb kerana pembicaraan ini sebenarnya berkaitan dengan solat yang diperkenalkan pada malam tersebut. Perlu diingat bahawa hadis Aisyah ini memiliki kelemahan dan terputus sanadnya, serta hadis Ali yang telah disebutkan sebelumnya mengenai solat malamnya, tidak bertentangan dengan kenyataan bahawa solat yang dikaitkan dengan malam tersebut adalah palsu sebagaimana yang telah dijelaskan mengenai kelemahannya. Begitulah yang dimaksudkan.

Al-Hafiz al-Iraqi berkata: "Hadis solat pada malam Nisfu Sya'ban adalah palsu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW dan merupakan pendustaan terhadap baginda." Imam Nawawi berkata dalam kitabnya al-Majmu': "Solat yang dikenali dengan nama Solat al-Ragha'ib, yang terdiri daripada dua belas rakaat antara Maghrib dan Isyak, pada malam Jumaat pertama bulan Rejab, serta solat malam Nisfu Sya'ban yang terdiri daripada seratus rakaat, kedua-dua solat ini adalah bidaah yang ditolak. Jangan tertipu dengan penyebutannya dalam kitab Qut al-Qulub dan Ihya' Ulum al-Din, serta hadis yang disebutkan di dalamnya,

kerana semua itu adalah batil. Jangan pula tertipu dengan beberapa imam yang terkeliru dalam hal ini sehingga menulis risalah tentang keutamaan solat tersebut, kerana mereka telah tersilap dalam hal ini."

Imam Syeikh Abu Muhammad Abdul Rahman bin Ismail al-Maqdisi telah menyusun sebuah kitab yang sangat berharga untuk membatalkan kedua-duanya dan beliau telah berusaha dengan baik dalam hal itu.

Perbincangan para ulama mengenai masalah ini sangat banyak dan jika kami ingin menyampaikan semua yang telah kami temui mengenai perbincangan dalam hal ini, sudah pasti akan menjadi panjang. Namun, mungkin apa yang telah kami sebutkan sudah memadai dan cukup meyakinkan bagi pencari kebenaran.

Berdasarkan apa yang telah disebutkan daripada ayat-ayat, hadis-hadis dan perkataan para ulama, jelas bagi pencari kebenaran bahawa menyambut malam Nisfu Syaban dengan solat atau lainnya serta mengkhususkan hari tersebut dengan berpuasa adalah satu bidaah yang tercela menurut kebanyakan ulama.

Ia tidak mempunyai asal dalam syariat yang suci, malah ia merupakan perkara yang muncul dalam Islam selepas zaman para sahabat RAH. Cukuplah bagi

pencari kebenaran dalam perkara ini dan yang lainnya dengan firman Allah SWT:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ﴾

*"Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu."* (QS al-Mā'idah: 3) Dan apa yang datang dalam maksudnya daripada ayat-ayat, dan sabda Nabi SAW: "Sesiapa yang membuat sesuatu perkara baharu dalam urusan (agama) kami ini yang bukan daripadanya, maka ia tertolak." Dan apa yang datang dengan maksud tersebut daripada hadis-hadis.

Dalam Sahih Muslim, daripada Abu Hurayrah RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: «Janganlah kalian khusus malam Jumaat dengan qiyam (solat malam) berbanding malam-malam lainnya, dan janganlah kalian mengkhususkan hari Jumaat dengan puasa berbanding hari-hari lainnya, melainkan jika salah seorang antara kalian berpuasa sebagai kebiasaan (puasa yang biasa dilakukan).»

Sekiranya mengkhususkan suatu malam dengan ibadah tertentu diperbolehkan, maka malam Jumaat seharusnya lebih utama daripada malam lainnya kerana hari Jumaat adalah hari terbaik terbitnya matahari, sebagaimana disebutkan dalam hadith-hadith sahih daripada Rasulullah SAW. Oleh sebab Nabi SAW telah memberi amaran agar tidak mengkhususkan malam

Jumaat dengan ibadah tertentu, ini menunjukkan bahawa malam-malam lain lebih utama untuk tidak mengkhususkan sesuatu daripadanya dengan ibadah, kecuali dengan dalil yang sahih yang menunjukkan adanya keistimewaan tersebut.

Apabila malam Lailatul Qadr dan malam-malam bulan Ramadan disyariatkan untuk menghidupkan malam-malamnya dan berusaha lebih keras dalam beribadah, Nabi SAW telah memberi peringatan tentang hal itu, serta mendorong umatnya untuk menghidupkan malam-malam tersebut dan melakukannya sendiri. Sebagaimana dalam hadis yang sahih daripada Nabi SAW yang mengatakan: "Sesiapa yang menghidupkan bulan Ramadan dengan penuh iman dan mengharapkan pahala, maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu. Sesiapa yang mendirikan (solat) pada malam Lailatul Qadr dengan penuh iman dan mengharapkan pahala, maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu."

Seandainya malam tengah bulan Syaaban, atau malam Jumat pertama di bulan Rejab, atau malam Israk Mi'raj disyariatkan untuk dikhususkan dengan perayaan atau ibadah tertentu, tentu Nabi SAW akan memberikan petunjuk kepada umatnya tentang hal tersebut, atau melakukannya sendiri. Jika hal tersebut terjadi, tentu para sahabat RA akan menyampaikannya

kepada umat, dan tidak akan menyembunyikannya daripada mereka kerana mereka adalah sebaik-baik manusia setelah para nabi, dan paling ikhlas dalam memberi nasihat. Semoga Allah meredai dan mengampuni para sahabat Rasulullah SAW.

Sebagaimana yang telah kamu ketahui daripada perkataan para ulama sebelum ini, tidak terdapat sebarang dalil yang sahih daripada Rasulullah SAW mahupun daripada para sahabat RAH mengenai keutamaan malam Jumaat pertama bulan Rejab atau malam Nisfu Syaaban.

Oleh itu, jelaslah bahawa merayakan kedua-dua malam tersebut adalah suatu bidaah yang diada-adakan dalam Islam. Begitu juga, mengkhususkannya dengan sesuatu bentuk ibadah tertentu adalah satu bidaah yang tercela. Begitu juga dengan malam 27 Rejab, yang dipercayai oleh sebahagian orang sebagai malam Israk dan Mikraj, tidak boleh dikhususkan dengan apa-apa bentuk ibadah tertentu, sebagaimana tidak dibenarkan merayakannya, berdasarkan dalil-dalil yang telah disebutkan sebelum ini. Itu pun jika tarikhnya benar-benar diketahui, sedangkan menurut pendapat yang lebih kuat dalam kalangan ulama, tarikhnya sebenarnya tidak diketahui dengan pasti. Dan pendapat yang mengatakan bahawa ia jatuh pada malam 27 Rejab adalah satu pendapat yang batil, yang tidak mempunyai

asas dalam hadis-hadis yang sahih. Sesungguhnya, benar apa yang telah dikatakan oleh sebahagian ulama:

"Sebaik-baik perkara adalah yang telah dilaksanakan dahulu di atas petunjuk, dan seburuk-buruk perkara adalah bidaah-bidaah yang diada-adakan."

Kepada Allah jualah kita memohon agar Dia memberi taufik kepada kita serta seluruh umat Islam untuk berpegang teguh kepada sunnah dan tetap istiqamah di atasnya, serta berhati-hati daripada perkara yang menyalahinya. Sesungguhnya Dia Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

Semoga Allah SWT memberkati dan selawat kepada Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan sahabatnya.

## **Risalah Kelapan**

### **Peringatan Penting tentang Pembohongan Wasiat yang Dinisbahkan**

#### **kepada Shaykh Ahmad, kononnya Khadam al-Haram al-Nabawi al-Sharif**

Daripada Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz kepada sesiapa yang membaca surat ini dalam kalangan umat Islam. Semoga Allah memelihara mereka dengan Islam dan melindungi kita semua daripada kejahatan fitnah yang direka-reka oleh golongan jahil yang sesat. Amin.

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Amma ba'du: Saya telah membaca sebuah tulisan yang dinisbahkan kepada Shaykh Ahmad, Khadam al-Haram al-Nabawi al-Sharif, dengan tajuk: "Ini adalah wasiat dari Madinah al-Munawwarah oleh Sheikh Ahmad, Khadam al-Haram al-Nabawi al-Sharif", di mana beliau menyatakan di dalamnya:

Aku terjaga pada malam Jumaat, membaca al-Quran al-Karim. Setelah selesai membaca Asma' Allah al-Husna, aku bersiap untuk tidur. Lalu, aku melihat pemilik wajah yang bercahaya, Rasulullah ﷺ, yang telah membawa ayat-ayat al-Quran dan hukum-hakam syariat sebagai rahmat buat seluruh alam, penghulu kita, Nabi Muhammad ﷺ. Maka baginda bersabda: Wahai Sheikh Ahmad! Aku menjawab: Labbaika, ya Rasulullah, wahai sebaik-baik ciptaan Allah! Baginda bersabda kepadaku: "Aku merasa malu dengan perbuatan-perbuatan buruk manusia. Aku tidak mampu untuk bertemu dengan Tuhanku atau para malaikat, kerana dari Jumaat ke Jumaat, seratus enam puluh ribu orang telah meninggal dalam keadaan tidak beragama Islam." Kemudian baginda menyebutkan beberapa perbuatan dosa yang dilakukan oleh umat manusia. Kemudian baginda berkata: "Inilah wasiat sebagai suatu rahmat untuk mereka dari Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Kuasa." Kemudian baginda menyebutkan

beberapa tanda-tanda kiamat, hingga berkata: "Sampaikan kepada mereka, wahai Shaykh Ahmad, wasiat ini, kerana ia ditulis dengan pena takdir dari Lauh Mahfuzh. Sesiapa yang menuliskannya dan mengirimkannya dari satu negara ke negara lain, dari satu tempat ke tempat lain, akan dibangunkan sebuah istana untuknya di syurga. Sesiapa yang tidak menuliskannya dan mengirimkannya, maka syafaatku akan terhalang buatkan pada hari kiamat." "Sesiapa yang menuliskannya dan dia dalam keadaan miskin, Allah akan mengayakannya. Jika dia berhutang, Allah akan melunaskan hutangnya. Jika dia memiliki dosa, Allah akan mengampuninya, begitu juga dengan dosa kedua ibu bapanya, dengan berkat wasiat ini." "Sesiapa yang tidak menuliskannya dalam kalangan hamba-hamba Allah, wajahnya akan menjadi hitam di dunia dan akhirat." Beliau berkata: Demi Allah yang Maha Agung tiga kali, ini adalah kebenaran, dan sekiranya saya berdusta, saya akan keluar dari dunia ini dalam keadaan tidak beragama Islam. Sesiapa yang mempercayainya akan selamat daripada seksaan api neraka dan sesiapa yang mengingkarinya akan kafir.

Ini adalah ringkasan daripada wasiat yang didustakan yang kononnya berasal dari Rasulullah SAW. Kami telah mendengar wasiat yang didustakan ini berkali-kali sejak bertahun-tahun yang lalu, tersebar

dalam kalangan orang ramai dari masa ke masa dan dipromosikan dalam kalangan banyak orang awam. Terdapat perbezaan dalam ungkapan-ungkapan yang digunakan di dalamnya. Pendusta itu mengatakan bahawa dia melihat Nabi SAW dalam tidur, lalu membawa wasiat ini. Dalam edisi terakhir yang kami sebutkan tadi, orang yang berdusta itu mendakwa bahawa dia melihat Nabi SAW ketika dia bersiap untuk tidur, yang bermaksud dia mengaku melihat Nabi SAW dalam keadaan jaga!

Orang yang berdusta ini dalam wasiat ini mendakwa banyak perkara yang jelas suatu pembohongan dan dusta yang terang. Saya akan memberi penjelasan mengenai hal ini dalam tulisan ini, insyaAllah. Saya telah menegur perkara ini beberapa tahun yang lalu dan menjelaskan kepada orang ramai bahawa ia adalah bohong yang jelas dan batil yang terang. Ketika saya membaca edisi terbaru risalah ini, saya teragak-agak untuk menulis mengenainya kerana jelasnya kebatilannya dan berani penipunya dalam berdusta.

Saya tidak menyangka kebatilannya akan dipercayai oleh sesiapa yang memiliki sedikit pemahaman atau fitrah yang sihat. Namun, banyak saudara-saudara saya yang memberitahu bahawa risalah ini telah tersebar dalam kalangan ramai orang, dan sebahagian daripada mereka mempercayainya. Oleh sebab itu, saya merasa

wajib bagi orang seperti saya untuk menulis mengenai, untuk menjelaskan kebatilannya dan menunjukkan bahawa ia adalah kedustaan terhadap Rasulullah SAW agar tiada siapa yang terpedaya dengan perkara ini. Sesiapa yang memikirkannya dalam kalangan orang yang berilmu, beriman atau mereka yang memiliki fitrah yang sihat dan akal yang benar, pasti akan mengetahui bahawa ia adalah dusta dan pembohongan dari pelbagai sudut.

Saya telah bertanya kepada sebahagian saudara-mara terdekat Shaykh Ahmad yang kononnya dikaitkan dengan cerita palsu ini, mengenai wasiat tersebut. Mereka menjawab bahawa ia adalah dusta terhadap Shaykh Ahmad dan beliau tidak pernah mengatakannya sama sekali. Shaykh Ahmad yang disebutkan telah meninggal sejak beberapa waktu lalu. Sekiranya kita menganggap bahawa Shaykh Ahmad tersebut, atau orang yang lebih tua daripadanya, mendakwa bahawa dia telah melihat Nabi Muhammad SAW sama ada dalam mimpi atau dalam keadaan jaga dan Nabi memberikan wasiat ini kepadanya, maka kita pasti tahu bahawa itu adalah dusta atau yang berkata demikian adalah syaitan, bukan Nabi SAW dengan beberapa sebab yang jelas, antaranya:

Pertama: Rasulullah SAW tidak dilihat dalam keadaan jaga selepas kematiannya SAW. Sesiapa yang

mendakwa dalam kalangan golongan sufi yang jahil bahawa dia melihat Nabi SAW dalam keadaan jaga, atau bahawa Nabi hadir dalam perayaan maulid atau seumpamanya, maka dia telah melakukan kesalahan yang amat besar dan telah terperangkap dalam kekeliruan yang sangat dalam serta melakukan kesalahan yang besar, bertentangan dengan Al-Quran, Sunnah, dan ijmak para ulama.

Ini kerana orang yang telah meninggal hanya akan keluar dari kuburnya pada hari kiamat, bukan di dunia ini. Sesiapa yang mengatakan sebaliknya, maka dia adalah seorang pendusta dengan pendustaan yang jelas atau seseorang yang telah disesatkan dengan terang nyata, yang tidak mengetahui kebenaran yang telah diketahui oleh salafus soleh, yang telah diamalkan oleh sahabat-sahabat Rasulullah SAW dan pengikut-pengikut mereka yang melakukan kebaikan. Firman Allah SWT:

﴿ثُمَّ إِنَّكُمْ بَعْدَ ذَلِكَ لَمَيِّتُونَ ۖ ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ﴾

*"Kemudian sesungguhnya kamu sesudah itu pasti mati, kemudian sesungguhnya kamu pada hari kiamat akan dibangkitkan."* (QS al-Mu'minūn: 15 & 16). Nabi SAW juga bersabda: *"Saya merupakan orang pertama yang akan dibangkitkan dari kubur pada hari kiamat dan saya merupakan orang pertama yang akan*

memberi syafaat dan orang pertama yang akan diterima syafaatnya." Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang hal ini sangat banyak.

Kedua: Rasulullah SAW tidak pernah berkata menyalahi kebenaran sama ada semasa hidupnya mahupun selepas kematiannya. Wasiat ini bertentangan dengan syariatnya secara jelas, dengan pelbagai cara — seperti yang akan diterangkan — dan baginda SAW hanya dapat dilihat dalam mimpi, bukan dalam keadaan jaga. Sesiapa yang melihatnya dalam mimpi dengan bentuk wajahnya yang mulia, maka dia benar-benar telah melihatnya, kerana syaitan tidak dapat menampakkan dirinya dalam bentuk Rasulullah SAW sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis sahih. Namun, yang menjadi perhatian utama adalah iman, kejujuran dan ketaatan orang yang melihatnya, serta sejauh mana dia dapat menjaga kebenaran dan amanah. Adakah dia benar-benar melihat Nabi SAW dalam bentuknya yang sebenar atau dalam bentuk lain.

Sekiranya terdapat hadis yang disampaikan oleh Nabi SAW semasa hayatnya, tetapi diriwayatkan melalui perawi yang tidak thiqah (dipercayai), tidak adil dan tidak tepat dalam hafalannya, maka hadis itu tidak boleh dijadikan sandaran atau hujah. Begitu juga, jika ia datang daripada perawi yang thiqah dan tepat hafalannya, tetapi bertentangan dengan riwayat perawi

yang lebih kuat hafalannya dan lebih dipercayai, dengan percanggahan yang tidak dapat dihimpunkan, maka salah satu daripadanya dianggap sebagai mansukh (dimansuhkan) dan tidak diamalkan, sementara yang satu lagi adalah nasikh (yang memansuhkan) dan wajib diamalkan, selagi mana syarat-syaratnya dipenuhi. Namun, jika tidak mungkin untuk menghimpunkan kedua-dua riwayat atau menentukan nasikh dan mansukh, maka riwayat perawi yang kurang kuat hafalannya dan lebih rendah tahap keadilannya harus ditolak serta dihukum sebagai syaz (ganjil), dan tidak boleh diamalkan.

Maka, bagaimana pula dengan satu wasiat yang tidak diketahui siapa pemiliknya, siapa yang meriwayatkannya daripada Rasulullah SAW serta tidak diketahui keadilannya dan amanahnya? Dalam keadaan sebegini, wasiat tersebut sepatutnya ditolak dan tidak diendahkan, walaupun ia tidak mengandungi sesuatu yang bercanggah dengan syariat. Apatah lagi jika wasiat itu mengandungi banyak perkara yang jelas menunjukkan kebatilannya, terbukti ia adalah pembohongan terhadap Rasulullah SAW serta mengandungi unsur-unsur mencipta syariat yang tidak diizinkan oleh Allah!

Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang mengatakan sesuatu atas namaku yang tidak pernah aku ucapkan,

maka hendaklah dia menempah tempat duduknya di dalam neraka." Sesungguhnya si pemalsu wasiat ini telah mengatakan sesuatu terhadap Rasulullah SAW yang tidak pernah Baginda ucapkan, serta telah berdusta atas nama Baginda dengan suatu pembohongan yang besar dan berbahaya. Maka betapa layaknya dia menerima ancaman yang dahsyat ini, dan betapa wajar baginya mendapat hukuman tersebut, jika dia tidak segera bertaubat dan mengumumkan kepada orang ramai bahawa wasiat ini adalah satu pembohongan terhadap Rasulullah SAW.

Hal ini kerana sesiapa yang menyebarkan kebatilan dalam kalangan manusia dan mengaitkannya dengan agama, maka taubatnya tidak akan diterima melainkan dengan mengisytiharkan dan menjelaskan kepada orang ramai tentang kesalahannya, supaya mereka mengetahui bahawa dia telah menarik balik pembohongannya dan membuktikan sendiri bahawa dia telah berdusta. Hal ini berdasarkan firman Allah yang Maha Agung:

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَّاهُ لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ أُولَٰئِكَ يَلْعَنُهُمُ اللَّهُ وَيَلْعَنُهُمُ اللَّاعِنُونَ ۖ إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا وَأَصْلَحُوا وَبَيَّنُّوا فَأُولَٰئِكَ أَتُوبُ عَلَيْهِمْ وَأَنَا التَّوَّابُ الرَّحِيمُ﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan dan petunjuk setelah Kami jelaskan kepada manusia dalam kitab (Taurat), mereka itulah yang dilaknat oleh Allah dan dilaknat pula oleh semua makhluk yang dapat melaknat.*

*Kecuali mereka yang bertaubat, memperbaiki diri, dan menjelaskan (kebenaran), maka mereka itulah yang Aku terima taubatnya. Dan Akulah Maha Penerima Taubat, Maha Penyayang."* (QS al-Baqarah, 159 & 160)

Dalam ayat ini, Allah SWT telah menjelaskan bahawa sesiapa yang menyembunyikan sesuatu daripada kebenaran, maka taubatnya tidak akan diterima melainkan setelah dia melakukan pembetulan dan penjelasan. Allah SWT telah menyempurnakan agama-Nya bagi hamba-hamba-Nya serta menyempurnakan nikmat-Nya ke atas mereka dengan mengutus Rasul-Nya, Muhammad ﷺ dan dengan wahyu yang telah Dia turunkan kepadanya sebagai syariat yang sempurna. Allah tidak mengambil nyawa baginda ﷺ melainkan setelah agama ini disempurnakan dan dijelaskan, sebagaimana firman-Nya:

﴿الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا﴾

*"Hari ini Aku telah menyempurnakan agama kalian, melengkapkan nikmat-Ku kepada kalian, dan Aku reda Islam sebagai agama kalian." (QS al-Mā'idah: 3)*

Si pereka wasiat ini telah muncul pada abad keempat belas, dengan tujuan menyesatkan orang ramai dengan agama yang baharu yang dikaitkan dengan janji masuk syurga bagi sesiapa yang mengikut ajarannya, serta diancam dengan kehilangan syurga dan masuk neraka bagi sesiapa yang tidak mengikutinya. Dia ingin menjadikan wasiat yang direkannya ini lebih agung dan lebih utama daripada al-Quran, kerana dia telah memalsukan dalam wasiat tersebut bahawa sesiapa yang menulisnya dan mengirimkannya dari satu negeri ke negeri lain, atau dari satu tempat ke tempat lain, akan dibangunkan untuknya sebuah istana di syurga.

Sebaliknya, sesiapa yang tidak menulisnya dan mengirimkannya, maka dia akan diharamkan daripada syafaat Nabi ﷺ pada hari kiamat. Ini adalah satu pembohongan yang paling keji dan bukti yang jelas tentang kepalsuan wasiat ini, serta menunjukkan betapa tidak malunya si pemalsu dan keberaniannya yang besar dalam berdusta. Sebabnya, sesiapa yang menulis al-Quran dan mengirimkannya dari satu negeri ke negeri lain, atau dari satu tempat ke tempat lain, tidak akan memperoleh keutamaan ini jika dia tidak beramal dengan al-Quran. Maka, bagaimana mungkin

seseorang yang menulis dan menyebarkan pembohongan ini boleh mendapat keutamaan tersebut? Sesiapa yang tidak menulis al-Quran serta tidak mengirimkannya dari satu negeri ke negeri lain, tetap tidak akan diharamkan daripada syafaat Nabi SAW, selama dia beriman kepadanya dan mengikuti syariatnya. Dusta yang satu ini sahaja dalam wasiat tersebut sudah cukup untuk membuktikan kebatilannya serta menunjukkan pembohongan penyebarannya, keberaniannya dalam berdusta, kebodohnya serta jauhnya dia daripada memahami petunjuk yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

Dan dalam wasiat ini — selain apa yang telah disebutkan — terdapat perkara-perkara lain yang semuanya menunjukkan kebatilannya dan pembohongannya. Sekalipun si pemalsu wasiat ini bersumpah seribu kali atau lebih tentang kebenarannya, atau mendoakan dirinya dengan azab yang paling dahsyat dan hukuman yang paling berat untuk membuktikan bahawa dia jujur, dia tetap tidak akan menjadi orang yang benar dan wasiat ini tetap tidak akan menjadi sahih. Bahkan, demi Allah, kemudian demi Allah, ia termasuk antara kebatilan yang paling besar dan paling keji. Kami bersaksi kepada Allah SWT dan kepada para malaikat yang hadir bersama kami. Sesiapa dalam kalangan umat Islam yang

membaca tulisan ini—sebagai satu kesaksian yang akan kami persembahkan di hadapan Tuhan kami Yang Maha Mulia dan Maha Tinggi—maka ketahuilah bahawa wasiat ini adalah dusta dan pembohongan terhadap Rasulullah ﷺ. Semoga Allah menghinakan orang yang mereka-rekannya dan membalasnya dengan apa yang layak baginya.

Antara yang menunjukkan kedustaan serta kebatilan wasiat ini, selain daripada yang telah disebutkan, ada banyak perkara dari teksnya yang disebutkan, antaranya:

Perkara pertama: Kata-katanya dalam wasiat tersebut: "Kerana dari Jumaat ke Jumaat, seratus enam puluh ribu telah mati dalam keadaan tidak beragama Islam" adalah kerana ini termasuk dalam ilmu ghaib, dan Rasulullah SAW telah terputus wahyu selepas kewafatannya, sedangkan semasa hidupnya baginda tidak mengetahui perkara ghaib, apatah lagi selepas kematiannya. Firman Allah SWT:

﴿قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبِ﴾

*"Katakanlah: Aku tidak mengatakan kepada kalian, "Di sisiku adalah perbendaharaan Allah" dan aku tidak mengetahui yang ghaib."* (Surah al-An'ām: 88) dan juga firman Allah SWT:

﴿قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ﴾

*Katakanlah: "Tidak ada yang mengetahui perkara ghaib di langit dan di bumi selain Allah."* (Surah al-Naml: 65). Dalam sebuah hadis yang sahih, Nabi SAW bersabda: "Sebahagian orang akan dihalau dari telagaku pada hari kiamat. Aku akan berkata, "Ya Rabb, sahabat-sahabatku, sahabat-sahabatku!" Maka dikatakan kepadaku, "Sesungguhnya engkau tidak tahu apa yang telah mereka lakukan setelahmu."

Aku akan berkata sebagaimana yang dikatakan oleh hamba yang soleh: "Dan aku menjadi saksi bagi mereka selama aku berada di antara mereka. Tetapi setelah Engkau mengambil aku, Engkaulah yang mengawasi mereka, dan Engkau Maha Menyaksikan segala sesuatu." (Surah Al-Ma'idah: 117)

Perkara kedua: Antara perkara yang menunjukkan kebatilan wasiat ini dan kedustaannya - adalah kata-katanya di dalamnya:

"Sesiapa yang menulisnya dan dia dalam keadaan miskin, maka Allah akan memberinya kekayaan, atau jika dia berhutang, Allah akan membayar hutangnya, atau jika dia mempunyai dosa, Allah akan mengampuni dosa-dosanya dan dosa kedua ibu bapanya dengan keberkatan wasiat ini" sehingga akhir. Ini adalah salah satu dusta yang terbesar dan bukti yang jelas atas

kedustaan penyebaranya serta kurangnya rasa malu kepada Allah dan hamba-hamba-Nya kerana ketiga-tiga perkara ini tidak boleh diperolehi hanya dengan menulis al-Quran, apatah lagi diperolehi oleh seseorang yang menulis wasiat palsu ini! Sesungguhnya orang jahat ini hanya ingin menyesatkan orang ramai dengan memperdayakan mereka melalui wasiat ini agar mereka menulisnya dan terikat dengan kebaikan yang didakwa ini, serta meninggalkan sebab-sebab yang telah Allah syariatkan kepada hamba-Nya, yang menjadi jalan untuk mencapai kekayaan, penyelesaian hutang dan pengampunan dosa. Kami berlindung kepada Allah daripada sebab-sebab kejatuhan dan daripada mengikuti hawa nafsu dan syaitan.

Perkara ketiga - antara bukti kebatilan wasiat ini - adalah kata-katanya di dalamnya: "Sesiapa yang tidak menulisnya dalam kalangan hamba-hamba Allah, wajahnya akan menjadi hitam di dunia dan akhirat. Ini juga merupakan pembohongan yang paling buruk dan salah satu bukti yang jelas akan kebatilan wasiat ini serta kedustaan orang yang membuatnya. Bagaimana boleh seorang yang berakal menulis wasiat yang dibawa oleh seorang lelaki yang tidak dikenali pada abad keempat belas yang mengada-adakan perkara ini atas nama Rasulullah ﷺ dan mendakwa bahawa sesiapa yang tidak menulisnya akan menjadikan wajahnya hitam di

dunia dan akhirat, sementara sesiapa yang menulisnya akan menjadi kaya selepas kemiskinan, bebas daripada hutang setelah digeluti hutang dan diampuni segala dosa yang telah dilakukannya!!

Maha Suci Engkau, ini merupakan dusta yang besar!! Sesungguhnya bukti-bukti dan kenyataan menyaksikan kedustaan si penipu ini serta keberaniannya yang luar biasa terhadap Allah dan kurangnya rasa malu terhadap Allah dan manusia.

Banyak umat yang tidak menulisnya, namun wajah mereka tidak menjadi hitam dan di sini terdapat kumpulan yang sangat banyak yang hanya dapat dihitng oleh Allah, yang telah menulisnya berkali-kali, namun hutang mereka tidak terbayar, dan kemiskinan mereka tidak hilang.

Kami berlindung kepada Allah dari kecelaruan hati dan kekotoran dosa. Ini adalah sifat-sifat dan ganjaran yang tidak pernah ditetapkan oleh syariat yang mulia bagi sesiapa yang menulis kitab terbaik dan teragung iaitu Al-Quran al-Karim.

Maka bagaimana mungkin hal ini berlaku bagi sesiapa yang menulis wasiat palsu yang berisi pelbagai macam kebatilan dan banyak ungkapan yang menuju kepada kekufuran? Maha Suci Allah! Betapa sabarnya Dia terhadap orang yang berani mendustakan-Nya.

Perkara Keempat: Antara perkara yang menunjukkan bahawa wasiat ini adalah kebatilan yang paling nyata dan dusta yang paling jelas - adalah kata-katanya yang berbunyi: "Sesiapa yang mempercayainya akan selamat daripada azab api neraka, dan sesiapa yang mendustakannya adalah kafir." Ini juga merupakan kedustaan yang sangat besar dan kebatilan yang paling keji. Orang yang berdusta ini mengajak semua orang untuk mempercayai kedustaannya dan menganggap bahawa dengan mempercayainya, mereka akan selamat daripada azab api neraka dan bahawa sesiapa yang mendustakannya akan menjadi kafir. Sungguh pendusta ini telah melakukan kedustaan yang sangat besar terhadap Allah, dan berkata, demi Allah, sesuatu yang tidak benar. Sesungguhnya, orang yang mempercayainya adalah orang yang seharusnya dianggap kafir, bukan orang yang mendustakannya kerana itu adalah kedustaan, kebatilan dan pembohongan yang tidak memiliki dasar kebenaran. Kami bersaksi di hadapan Allah bahawa itu adalah kedustaan dan orang yang memfitnahnya adalah pendusta.

Dia ingin membuat hukum untuk orang-orang yang tidak dibenarkan oleh Allah dan memasukkan perkara-perkara yang bukan sebahagian daripada agama mereka. Allah telah menyempurnakan agama ini dan

menyempurnakannya untuk umat ini sejak empat belas abad yang lalu, jauh sebelum kedustaan ini. Waspadalah wahai para pembaca dan saudara sekalian dan jauhilah untuk mempercayai fitnah-fitnah seperti ini, serta jangan biarkan ia tersebar antara kalian. Sesungguhnya kebenaran itu memiliki cahaya yang tidak akan membingungkan pencarinya.

Carilah kebenaran dengan bukti-buktinya dan bertanyalah kepada para ahli ilmu tentang apa yang membingungkan kalian. Jangan tergoda dengan sumpah-sumpah orang-orang pendusta kerana Iblis yang terlaknat juga telah bersumpah kepada kedua orang tua kalian, Adam dan Hawa, bahawa dia adalah salah satu daripada penasihat mereka, sedangkan dia adalah pengkhianat terbesar dan pendusta paling besar, sebagaimana Allah nyatakan perkara tersebut dalam Al-Quran.

﴿وَقَاسَمَهُمَا إِنِّي لَكُمَا لَمِنَ النَّاصِحِينَ﴾

*"Dan dia (iblis) bersumpah kepada keduanya: Sesungguhnya aku adalah salah seorang yang memberi nasihat kepada kalian." (Surah al-A'rāf: 21)* Maka berhati-hatilah kalian daripadanya dan berhati-hatilah daripada pengikutnya yang memfitnah kerana berapa banyak sumpah palsu, janji yang dikhianati dan kata-kata yang dihiasi untuk menyesatkan dan

memesongkan! Adapun apa yang disebutkan oleh pendusta ini tentang kemunculan kemungkaran, itu adalah perkara yang memang terjadi dan Al-Quran serta Sunnah yang murni telah memberikan peringatan yang sangat tegas mengenai perkara tersebut serta di dalamnya terdapat petunjuk dan kesempurnaan.

Adapun apa yang disebutkan mengenai tanda-tanda kiamat, maka hadis-hadis Nabi telah menjelaskan apa yang akan terjadi daripada tanda-tanda kiamat dan Al-Quran juga menyebutkan sebahagian daripadanya.

Maka sesiapa yang ingin mengetahui perkara tersebut, ia akan ditemui dalam tempatnya di dalam kitab-kitab Sunnah dan karya-karya para ulama dan orang-orang yang beriman. Tidak ada keperluan bagi umat untuk memperhatikan penjelasan seperti yang disampaikan oleh pendusta ini yang mencampurkan antara yang benar dengan yang batil. Semoga Allah melindungi saya, anda dan seluruh umat Islam daripada kejahatan syaitan, fitnah penyesat, kekeliruan orang yang sesat dan penipuan musuh-musuh Allah yang batil, yang ingin memadamkan cahaya Allah dengan mulut mereka dan menyesatkan umat manusia daripada agama mereka.

Allah akan menyempurnakan cahaya-Nya dan menolong agama-Nya, meskipun musuh-musuh Allah

dalam kalangan syaitan dan pengikut mereka dan kalangan kafir dan atheis tidak menyukainya. Kami memohon kepada Allah agar memperbaiki keadaan umat Islam, memberi mereka taufik untuk mengikuti kebenaran, istiqamah di atasnya dan bertaubat kepada Allah Yang Maha Tinggi daripada segala dosa, sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Cukuplah Allah sebagai Penolong kami, dan Dia sebaik-baik tempat berserah. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Semoga selawat dan salam tercurah kepada hamba dan utusan-Nya yang benar lagi amanah, serta kepada keluarga, sahabat-sahabat, dan pengikut-pengikutnya yang mengikuti dengan kebaikan sehingga ke hari kiamat.

## **Risalah Kesembilan: Hukum sihir, Ramalan dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengannya<sup>15</sup>**

Segala puji hanya bagi Allah semata-mata, selawat dan salam ke atas Nabi yang tiada nabi sesudahnya.

---

<sup>15</sup> (QS al-Kafirun, ayat 1)

Memandangkan ramai tukang sihir dan dukun telah muncul sejak kebelakangan ini yang mendakwa sebagai perawat dan menyembuhkan melalui sihir atau perdukunan, serta tularnya mereka di beberapa kawasan, dengan memanfaatkan golongan yang mudah tertipu dalam kalangan masyarakat yang kebanyakannya kurang ilmu – maka, atas dasar nasihat kerana Allah dan untuk hamba-hamba-Nya, saya melihat perlunya menjelaskan bahaya besar yang terkandung dalam perkara ini terhadap Islam dan umat Islam. Hal ini kerana ia melibatkan kebergantungan kepada selain Allah Ta’ala serta pelanggaran terhadap perintah-Nya dan perintah Rasul-Nya ﷺ.

Saya katakan - dengan memohon pertolongan Allah Ta’ala: Berubat itu dibenarkan secara sepakat dan seorang Muslim boleh pergi kepada doktor pakar dalam bidang penyakit dalaman, pembedahan, neurologi atau seumpamanya untuk mengenal pasti penyakitnya dan dirawat dengan ubat-ubatan yang dibenarkan secara syarak sesuai dengan ilmu perubatan.

Hal ini termasuk dalam usaha menggunakan sebab-sebab yang dibolehkan dan tidak bertentangan dengan tawakal kepada Allah. Sesungguhnya Allah SWT telah menurunkan penyakit dan menurunkan juga ubatnya. Ada yang mengetahuinya dan ada yang tidak mengetahuinya. Namun, Allah SWT tidak menjadikan

penyembuhan hamba-hamba-Nya dalam perkara yang diharamkan ke atas mereka.

Oleh itu, tidak dibenarkan bagi pesakit untuk pergi kepada dukun yang mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib untuk mengetahui penyakit mereka dan tidak boleh mempercayai apa yang mereka khabarkan, apatah lagi jika mereka meneka mengenai perkara ghaib, atau menghubungi jin untuk meminta bantuan dalam perkara yang mereka inginkan. Hukum mereka adalah kafir dan sesat jika mereka mendakwa mengetahui perkara ghaib.

Imam Muslim meriwayatkan dalam Sahihnya bahawa Nabi SAW bersabda:

"Sesiapa yang bertemu dengan seorang dukun dan bertanya kepadanya tentang sesuatu, tidak akan diterima solatnya selama empat puluh hari." (Riwayat Muslim)

Daripada Abu Hurayrah RA, beliau berkata bahawa Nabi SAW bersabda:

"Sesiapa yang bertemu dengan dukun dan mempercayai apa yang dikatakannya, maka dia telah kafir dengan agama yang diturunkan kepada Muhammad SAW." (Riwayat Ahmad dan Abu Dawud)

Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan lain-lain pengarang Sunan serta disahihkan oleh al-Hakim daripada Nabi SAW dengan lafaz:

"Sesiapa yang bertemu dengan dukun atau ahli nujum dan mempercayai apa yang dikatakannya, maka dia telah kafir dengan apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW."

Daripada Imran bin Husain RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Tidak termasuk dalam kalangan kami sesiapa yang mendatangi tukang tilik atau tukang ramal, atau yang diramal untuknya, atau yang melakukan sihir atau yang disihirkan untuknya.

Sesiapa yang bertemu dengan dukun dan mempercayai apa yang dikatakannya, maka dia telah kafir dengan apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW."

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan sanad yang baik.

Dalam hadis-hadis yang mulia ini, terdapat larangan untuk mendatangi ahli nujum, ahli sihir dan seumpamanya serta meminta pertolongan atau mempercayai mereka. Dalamnya juga terdapat ancaman bagi mereka yang melakukannya.

Janganlah terpedaya dengan kebenaran mereka dalam beberapa perkara, atau dengan banyaknya orang

yang datang kepada mereka. Mereka adalah orang yang jahil dan tidak boleh dipercayai. Rasulullah ﷺ telah melarang mendatangi mereka, bertanya kepada mereka, atau mempercayai mereka kerana ia mengandungi kemungkaran yang besar, bahaya yang serius, dan akibat yang buruk. Mereka adalah pendusta yang jahat.

Dalam hadis-hadis ini terdapat bukti bahawa ahli nujum dan ahli sihir adalah kafir kerana mereka mendakwa mengetahui perkara ghaib, yang mana itu adalah kekufuran. Selain itu, mereka tidak dapat mencapai tujuan mereka melainkan dengan memanggil jin dan menyembah mereka selain Allah, yang juga merupakan kekufuran dan syirik kepada Allah SWT. Sesiapa yang mempercayai dakwaan mereka tentang perkara ghaib adalah seperti mereka. Dan setiap orang yang mengambil perkara-perkara ini daripada mereka yang mengamalkannya, maka Rasulullah ﷺ berlepas diri daripadanya.

Tidak boleh juga bagi seorang Muslim untuk tunduk kepada apa yang mereka dakwa sebagai rawatan, seperti menggunakan jampi-jampi atau mencurahkan timah, serta perkara-perkara khurafat lain yang mereka amalkan. Ini adalah daripada amalan ramalan dan penipuan terhadap umat, dan sesiapa yang redha

dengan perkara tersebut, maka dia telah membantu mereka dalam kebatilan dan kekufuran mereka.

Begitu juga, tidak dibolehkan bagi mana-mana Muslim untuk pergi kepada mereka untuk bertanya tentang siapa yang akan dinikahi oleh anaknya atau kerabatnya, atau tentang apa yang akan terjadi antara suami isteri dan keluarga mereka, sama ada kasih sayang, kesetiaan, kebencian dan perpisahan serta perkara-perkara lain yang seumpamanya.

Perkara ini termasuk dalam urusan ghaib yang tidak diketahui melainkan oleh Allah SWT sahaja.

Oleh itu, menjadi kewajipan bagi para pemimpin, pihak berkuasa dan mereka yang memiliki kuasa serta pengaruh untuk melarang perbuatan bertemu dengan dukun, tukang tilik dan yang seumpama mereka. Mereka juga wajib menghalang sesiapa sahaja yang terlibat dalam amalan tersebut, sama ada di pasar-pasar atau tempat lain, serta mengecam mereka dengan kecaman yang tegas. Mereka juga perlu mengecam dengan keras sesiapa sahaja yang pergi kepada mereka.

Begitu juga sihir kerana ia adalah salah satu perkara yang diharamkan dan termasuk dalam kekufuran, seperti yang difirmankan oleh Allah SWT tentang dua malaikat:

{وما يعلمان من أحد حتى يقولاً إنما نحن فتنة فلا تكفر فيتعلمون منهما ما يفرقون به بين المرء وزوجه وما هم بضارين به من أحد إلا بإذن الله ويتعلمون ما يضرهم ولا ينفعهم ولقد علموا لمن اشتراه ما له في الآخرة من خلاق ولبئس ما شروا به أنفسهم لو كانوا يعلمون}.

*"Dan mereka berdua tidak mengajarkan (sesuatu) kepada seorang pun sebelum mengatakan, 'Sesungguhnya kami hanyalah ujian (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir.' Maka mereka mempelajari daripada kedua-dua (malaikat) itu apa yang dapat memisahkan antara seorang suami dan istrinya. Tetapi mereka tidak dapat mencelakakan seseorang dengan sihir itu melainkan dengan izin Allah. Mereka mempelajari sesuatu yang memudaratkan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Sungguh, mereka telah mengetahui bahawa sesiapa yang menukarnya (kitab Allah) dengan sihir itu, maka tiadalah baginya keuntungan di akhirat. Sungguh, sangatlah buruk perbuatan mereka menjual dirinya dengan sihir, sekiranya mereka mengetahui."*<sup>16</sup>

Ayat-ayat yang mulia ini menunjukkan bahawa sihir adalah kekufuran dan bahawa ahli sihir memisahkan antara suami dan isteri. Ia juga menunjukkan bahawa sihir tidak memberi kesan dengan sendirinya, sama ada

---

<sup>16</sup> (QS al-Ikhlâs, ayat 1)

untuk manfaat atau mudarat, tetapi ia hanya memberi kesan dengan izin Allah SWT kerana Allah jualah yang menciptakan kebaikan dan keburukan.

Ayat yang mulia ini juga menunjukkan bahawa mereka yang mempelajari sihir sebenarnya hanya mempelajari sesuatu yang memudaratkan mereka dan tidak memberi manfaat kepada mereka. Mereka tidak mempunyai “khalāq”, iaitu bahagian atau nasib baik, di sisi Allah. Ini adalah ancaman yang dahsyat yang menunjukkan betapa besarnya kerugian mereka di dunia dan akhirat kerana mereka telah menjual diri mereka dengan harga yang paling murah.

Oleh sebab itu, Allah SWT mencela mereka atas perbuatan tersebut melalui firman-Nya:

{وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ}

*{Sungguh, sangat buruklah perbuatan mereka menjual dirinya untuk mendapatkan sihir, seandainya mereka mengetahui}*<sup>17</sup>

Perkataan "syaraw" di sini membawa makna "menjual".

Sesungguhnya bahaya itu sangat besar dan keadaan menjadi lebih parah dengan adanya golongan pendusta

---

<sup>17</sup> (QS al-Falaq, ayat 1)

ini yang mewarisi ilmu-ilmu tersebut daripada golongan musyrikin, lalu mereka menyesatkan orang-orang yang lemah akalnya. Sesungguhnya kami milik Allah, dan kepada-Nya kami kembali. Cukuplah Allah sebagai Penolong kami, dan Dialah sebaik-baik Pelindung.

Kita memohon kepada Allah keselamatan dan perlindungan daripada keburukan ahli sihir, ahli nujum dan segala jenis dukun. Kami juga memohon kepada-Mu, ya Tuhan, agar Engkau melindungi umat Islam daripada keburukan mereka, serta memberi taufik kepada para pemerintah umat Islam untuk berhati-hati terhadap mereka dan melaksanakan hukum-Mu ke atas mereka, agar umat dapat terbebas dari kemudaratan dan perbuatan jahat mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Pemurah lagi Maha Mulia.

Sesungguhnya Allah SWT telah menetapkan untuk hamba-hamba-Nya apa yang dapat melindungi mereka daripada keburukan sihir sebelum ia berlaku, dan Dia juga telah menjelaskan kepada mereka apa yang dapat digunakan untuk mengatasi sihir setelah ia berlaku; sebagai rahmat-Nya kepada mereka, kebaikan-Nya terhadap mereka dan penyempurnaan nikmat-Nya atas mereka.

Berikut adalah penjelasan mengenai perkara-perkara yang dapat digunakan untuk menghindari bahaya sihir sebelum ia berlaku, serta perkara-perkara yang boleh digunakan untuk merawatnya setelah ia berlaku, yang diperbolehkan dalam syariat. Penjelasannya adalah seperti berikut:

Pertama: Apa yang dapat menghindarkan daripada bahaya sihir sebelum ia berlaku; yang paling utama dan paling bermanfaat adalah melindungi diri dengan zikir-zikir syar'i, doa-doa dan surah-surah perlindungan yang sahih.

Antara amalan yang sangat disarankan adalah membaca Ayat al-Kursi - yang merupakan ayat paling agung dalam al-Quran - selepas setiap solat fardhu setelah salam. Ayat tersebut adalah firman Allah SWT:

{الله لا إله إلا هو الحى القيوم لا تأخذه سنة ولا نوم له ما فى السموات وما فى الأرض من ذا الذى يشفع عنده إلا بإذنه يعلم ما بين أيديهم وما خلفهم ولا يحيطون بشئ من علمه إلا بما شاء وسع كرسيه السموات والأرض ولا يئوده حفظهما وهو العلى العظيم} <sup>18</sup>.

*"Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang*

---

<sup>18</sup> (QS al-Ikhlâs, 1)

*tidak mengantuk apatah lagi tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya)."*<sup>19</sup>

Membaca Ayat al-Kursi juga dianjurkan ketika hendak tidur. Rasulullah SAW telah bersabda dengan sabda yang sahih:

"Sesiapa yang membaca Ayat Kursi pada waktu malam, maka dia akan sentiasa dijaga oleh Allah, dan tidak akan didekati oleh syaitan sehingga waktu pagi."

Antara lainnya dengan membaca:

قل هو الله أحد

---

<sup>19</sup> (QS al-Nas, ayat 1)

### *Surah Qulhuwallah.*<sup>2021</sup>

dan juga

قل أعوذ برب الفلق ●

### *Surah Qul a'uzubirabbil Falaq*<sup>2223</sup>

dan juga

{قل أعوذ برب الناس} ●

### *Surah Qul a'uzubirabbin Nas*<sup>2425</sup>

Selepas setiap solat fardu, serta membaca tiga surah ini sebanyak tiga kali pada awal siang selepas solat Subuh dan pada awal malam selepas solat Maghrib.

Termasuk dalam amalan tersebut adalah membaca dua ayat terakhir dari Surah al-Baqarah pada awal malam, iaitu firman Allah Ta'ala:

{آمن الرسول بما أنزل إليه من ربه والمؤمنون كل آمن بالله وملائكته وكتبه  
ورسله لا نفرق بين أحد من رسله وقالوا سمعنا وأطعنا غفرانك ربنا وإليك  
المصير}

---

<sup>20</sup> (QS al-A'raf, ayat 117-119)

<sup>21</sup> (QS al-Falaq, 1)

<sup>22</sup> (QS Yunus, ayat 79-82)

<sup>23</sup> (QS al-Nas, 1)

<sup>24</sup> (QS Taha, ayat 65-69)

<sup>25</sup> (QS al-Baqarah, 285)

*"Rasul telah beriman dengan apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhan-Nya, dan begitu pula orang-orang yang beriman. Setiap seorang beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, dan rasul-rasul-Nya. Mereka tidak membeza-bezakan seorang pun antara rasul-rasul-Nya. Mereka berkata, 'Kami mendengar dan kami taat. Ampunilah kami, ya Tuhan kami, hanya kepada Engkaulah tempat kembali...'"*

Sehingga akhir surah.

Seperti yang telah sahih daripada Nabi SAW bahawa baginda bersabda:

*"Sesiapa yang membaca dua ayat terakhir daripada Surah al-Baqarah pada malam hari, maka itu akan mencukupkannya."*

Maksudnya, dan Allah Maha Mengetahui: Dua ayat ini mencukupinya daripada segala keburukan. Selain itu, memperbanyakkan doa perlindungan seperti: (Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna daripada kejahatan segala makhluk) pada waktu malam dan siang, serta ketika berada di mana-mana tempat, sama ada di bangunan, padang pasir, udara atau laut. Hal ini berdasarkan kepada sabda Nabi SAW:

*"Sesiapa yang tiba di suatu tempat dan mengucapkan: 'Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna daripada keburukan makhluk-Nya,' maka*

tidak ada sesuatu yang akan membahayakannya sehingga dia meninggalkan tempat tersebut."

Antara amalan tersebut adalah seorang Muslim membaca pada awal pagi dan pada awal malam sebanyak tiga kali:

"Dengan nama Allah, yang dengan nama-Nya tidak ada sesuatu pun yang boleh memberi mudarat di bumi mahupun di langit, dan Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Hal ini berdasarkan galakan yang sahih daripada Rasulullah SAW, bahawa amalan tersebut menjadi sebab untuk terpelihara daripada segala keburukan.

Kedua: Rawatan sihir setelah terjadi. Ini boleh dilakukan dengan beberapa cara:

Pertama: Memperbanyakkan doa kepada Allah dan memohon kepada-Nya agar menghilangkan bahaya dan menghapuskan kesulitan.

Kedua: Berusaha bersungguh-sungguh untuk mengetahui tempat sihir itu sama ada di tanah, gunung, atau tempat lain. Sekiranya ia ditemui dan dihancurkan, maka sihir itu akan hancur. Ini adalah salah satu rawatan yang paling berkesan untuk menyembuhkan sihir.

Ketiga: Rawatan dengan membaca zikir dan doa-doa yang sahih menurut syariat, yang banyak jumlahnya, antaranya:

Hadis sahih Rasulullah SAW:

"Ya Allah, Tuhan seluruh manusia, hilangkanlah kesusahan, sembuhkanlah, Engkaulah Maha Penyembuh, tidak ada kesembuhan melainkan kesembuhan daripada-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan penyakit."

Baginda membacanya selama 3 kali.

Antara ruqyah yang digunakan oleh Jibril untuk meruqyah Nabi SAW adalah doa berikut:

"Dengan nama Allah, aku meruqyahmu daripada setiap perkara yang menyakitimu, daripada kejahatan setiap jiwa dan pandangan mata yang hasad. Semoga Allah menyembuhkanmu, dengan nama Allah aku meruqyahmu."

Dan diulangi sebanyak tiga kali.

Antaranya - ini adalah rawatan yang bermanfaat bagi lelaki yang terhalang daripada bersama isterinya - dia hendaklah mengambil tujuh helai daun bidara hijau, menghancurkannya dengan batu atau benda yang serupa dan meletakkannya dalam bekas, kemudian mencurahkan air ke dalamnya yang cukup untuk mandi, sambil membaca di dalamnya:

Ayat Kursiy

dan juga

● {قل يا أيها الكافرون}

*Surah al-Kafirun,*

dan juga

● {قل هو الله أحد} ● {قل أعوذ برب الفلق}

*Surah Qulhuwallah.*

*Surah Qul a'uzubirabbil Falaq.*

dan juga

● {قل أعوذ برب الناس}

*Surah Qul a'uzubirabbin Nas.*

Begitu juga dibaca ayat-ayat mengenai sihir yang terdapat dalam Surah al-A'raf, iaitu firman Allah SWT:

{وأوحينا إلى موسى أن ألق عصاك فإذا هي تلقف ما يأفكون. فوقع الحق وبطل

ما كانوا يعملون. فغلبوا هنالك وانقلبوا صاغرين} ●

*"Dan Kami wahyukan kepada Musa: 'Lemparkanlah tongkatmu,' maka tiba-tiba tongkat itu menelan segala sesuatu yang mereka buat. Maka datanglah kebenaran dan musnahlah apa yang mereka lakukan. Lalu mereka pun kalah di sana dan kembali dalam keadaan hina."*

Ayat-ayat mengenai sihir yang terdapat dalam Surah Yunus, iaitu firman Allah SWT:

{وقال فرعون ائتوني بكل ساحر عليم. فلما جاء السحرة قال لهم موسى ألقوا ما أنتم ملقون. فلما ألقوا قال موسى ما جئتم به السحر إن الله سيبطله إن الله لا يصلح عمل المفسدين. ويحق الله الحق بكلماته ولو كره المجرمون}●

*"Dan Firaun berkata: 'Bawakanlah kepadaku setiap ahli sihir yang mahir.' Maka, ketika para ahli sihir itu datang, Musa berkata kepada mereka: 'Lemparkanlah apa yang hendak kamu lemparkan.' Ketika mereka melemparkan, Musa berkata: 'Apa yang kamu bawa itu adalah sihir. Sesungguhnya Allah akan membatalkannya. Sesungguhnya Allah tidak akan memperbaiki perbuatan orang-orang yang melakukan kerosakan. Dan Allah akan menetapkan kebenaran dengan kalimat-kalimat-Nya, meskipun orang-orang yang berdosa membencinya."*

Dan ayat-ayat yang terdapat dalam Surah Taha iaitu:

{قالوا يا موسى إما أن تلقى وإما أن نكون أول من ألقى. قال بل ألقوا فإذا حبالهم وعصيهم يخيل إليه من سحرهم أنها تسعى. فأوجس في نفسه خيفة موسى. قلنا لا تخف إنك أنت الأعلى. وألق ما في يمينك تلقف ما صنعوا إنما صنعوا كيد ساحر ولا يفلح الساحر حيث أتى}.

*"Mereka berkata: 'Wahai Musa! Adakah engkau yang akan melemparkan lebih dahulu, atau kami terlebih dahulu melemparkan?' Musa berkata: 'Silakan kamu*

*melemparkan!' Maka tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka terbayang kepada Musa seolah-olah ia merayap cepat disebabkan oleh sihir mereka. Lalu Musa merasa takut dalam hatinya. Kami berfirman: 'Janganlah kamu takut! Sesungguhnya kamulah yang paling unggul. Dan lemparkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia akan menelan apa yang mereka lakukan. Sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu adalah tipu daya ahli sihir, dan tidak akan pernah menang ahli sihir itu, dari mana sahaja ia muncul.'"*

Setelah membaca ayat-ayat yang disebutkan ke dalam air, seseorang dianjurkan untuk meminum tiga teguk daripadanya, kemudian menggunakan selebihnya untuk mandi. Dengan izin Allah, penyakit tersebut akan hilang. Jika diperlukan untuk mengulangi proses ini dua kali atau lebih, tidak mengapa dilakukan sehingga penyakit itu sembuh.

Zikir zikir, doa-doa perlindungan dan cara-cara yang diajarkan dalam syariat Islam adalah antara sebab yang sangat kuat untuk melindungi diri daripada bahaya sihir dan segala jenis kejahatan. Selain itu, amalan-amalan ini juga merupakan senjata yang paling berkesan untuk menghapuskan sihir setelah berlaku, bagi mereka yang mengamalkannya dengan ikhlas, penuh keyakinan kepada Allah, dan tawakal kepada-Nya. Dengan hati yang lapang dan kepercayaan penuh terhadap

kekuasaan Allah, insyaAllah, segala bahaya dapat dihindari dan diatasi.

Inilah yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang boleh digunakan untuk mencegah sihir dan merawatnya. Allah jua yang Maha Memberi Taufik.

Di sini timbul satu isu penting, iaitu rawatan sihir dengan perbuatan ahli sihir yang dilakukan melalui pendekatan kepada jin dengan menyembelih atau bentuk pengorbanan lain. Perkara ini adalah haram kerana ia adalah perbuatan syaitan; malah ia adalah syirik besar.

Begitu juga, tidak dibenarkan merawatnya dengan bertanya kepada para dukun, ahli nujum dan penyihir, serta menggunakan apa yang mereka katakan kerana mereka tidak beriman dan kerana mereka adalah pembohong yang jahat yang mendakwa mengetahui perkara ghaib, serta menyesatkan orang ramai. Nabi Muhammad SAW telah memberi amaran supaya tidak mendekati mereka, bertanya kepada mereka dan mempercayai mereka, seperti yang telah dijelaskan di awal risalah ini.

Maka wajib berhati-hati terhadap hal itu. Sahih daripada Rasulullah SAW ketika beliau ditanya tentang an-nashrah (penyembuhan sihir dengan cara yang dilarang), baginda bersabda:

**"Ia merupakan perbuatan syaitan."**

Diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan Abu Dawud dengan sanad yang baik.

Al-Nusyrah ialah tindakan merungkai sihir yang menimpa seseorang yang terkena sihir. Maksud Rasulullah ﷺ dengan sabda baginda ini ialah al-Nusyrah yang diamalkan oleh orang-orang jahiliah, iaitu meminta bantuan ahli sihir untuk memecahkan sihir tersebut, atau menghapuskannya dengan menggunakan sihir lain melalui ahli sihir yang lain.

Adapun menghilangkan sihir dengan ruqyah, doa perlindungan yang bersumberkan daripada syariat dan ubat-ubatan yang dibenarkan, maka tidak mengapa melakukannya, sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Perkara ini telah ditegaskan oleh al-'Allamah Ibn al-Qayyim dan Sheikh Abdul Rahman bin Hasan dalam kitab Fath al-Majid, semoga Allah merahmati mereka berdua. Ia juga telah ditegaskan oleh ulama-ulama lain selain mereka.

Kepada Allah kita memohon agar Dia memberikan taufik kepada kaum Muslimin untuk memperoleh keselamatan daripada segala keburukan, memelihara agama mereka, mengurniakan mereka kefahaman

dalam agama, serta melindungi mereka daripada segala perkara yang bertentangan dengan syariat-Nya.

Semoga Allah SWT memberkati dan selawat kepada Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan sahabatnya.

## **Risalah Kesepuluh: Tegahan Membina Masjid Di Atas Perkuburan**

Bismillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah.

Saya telah meneliti Majalah Rabitah al-'Ulum al-Islamiyyah isu ke-3, dalam ruangan Berita Umat Islam Pada Bulan Ini, bahawa Rabitah al-'Ulum al-Islamiyyah di Jordan berhasrat untuk mendirikan sebuah masjid di atas gua yang baru ditemui di perkampungan al-Raqim. Gua ini kononnya dikatakan tempat di mana Ashabul Kahfi yang disebut dalam Al-Quran telah tidur.

Sebagai tuntutan kewajipan memberi nasihat kerana Allah dan kepada hamba-hamba-Nya, saya melihat perlunya untuk menyampaikan sepatah kata dalam majalah yang sama kepada Rabitah al-'Ulum al-Islamiyyah di Jordan. Intipatinya adalah sebagai nasihat kepada rabitah tersebut agar tidak melaksanakan rancangan mereka untuk mendirikan masjid di atas gua yang disebutkan.

Ini tidak lain kerana pembinaan masjid di atas kubur para nabi, orang-orang soleh, serta kesan-kesan peninggalan mereka adalah perkara yang ditegah dan diperingatkan oleh syariat Islam yang sempurna. Bahkan, mereka yang melakukannya telah dilaknat kerana perbuatan tersebut termasuk dalam jalan menuju syirik dan sikap berlebih-lebihan terhadap para nabi dan orang-orang soleh. Realiti yang berlaku menjadi saksi akan kebenaran apa yang telah dibawa oleh syariat, bahawa ia berasal daripada Allah Yang Maha Agung. Realiti juga menjadi bukti jelas dan hujah yang kukuh atas kebenaran Rasulullah ﷺ dalam apa yang dibawanya daripada Allah serta yang telah disampaikan kepada umat. Sesiapa yang merenungi keadaan dunia Islam serta apa yang berlaku di dalamnya akibat perbuatan syirik dan sikap berlebih-lebihan yang timbul daripada pembinaan masjid di atas makam, pemujaan terhadapnya, menghiasinya serta melantik penjaga bagi tempat tersebut, pasti akan mengetahui dengan yakin bahawa semua ini antara jalan menuju syirik. Maka, antara keindahan syariat Islam adalah larangan terhadap perbuatan tersebut serta peringatan agar tidak mendirikannya.

Antara dalil yang berkenaan dengan perkara ini ialah hadis yang diriwayatkan oleh dua imam, iaitu al-Bukhari dan Muslim – rahimahumallah – daripada

Aisyah radhiyallahu ‘anha, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Laknat Allah ke atas orang Yahudi dan Nasrani, kerana mereka menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid."

Aisyah RAH berkata: Baginda memperingatkan agar tidak melakukan seperti apa yang mereka lakukan.

Beliau juga berkata: Sekiranya bukan disebabkan itu, pasti kuburnya akan diletakkan secara terbuka, tetapi dibimbangi ia akan dijadikan sebagai masjid. Dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim juga, disebutkan bahawa Ummu Salamah dan Ummu Habibah radhiyallahu ‘anhuma menceritakan kepada Rasulullah ﷺ tentang sebuah gereja yang mereka lihat di tanah Habsyah serta gambar-gambar yang terdapat di dalamnya. Maka Rasulullah ﷺ pun bersabda: "Mereka itu (kaum terdahulu), apabila seorang lelaki yang soleh dalam kalangan mereka meninggal dunia, mereka membina masjid di atas kuburnya dan melukis gambar-gambar tersebut di dalamnya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk di sisi Allah."

Dalam Sahih Muslim, daripada Jundub bin Abdullah RA, beliau berkata: Lima hari sebelum Rasulullah SAW wafat, saya mendengar baginda bersabda: "Sesungguhnya saya berlepas diri kepada Allah daripada menjadikan antara kalian seorang kekasih,

kerana sesungguhnya Allah telah menjadikan saya kekasih-Nya sebagaimana Dia menjadikan Ibrahim sebagai kekasih-Nya.

Seandainya saya hendak melantik seorang kekasih dalam kalangan umat saya, tentulah saya melantik Abu Bakar sebagai kekasih. Ingatlah, sesungguhnya orang-orang sebelum kamu telah menjadikan kubur para nabi dan orang-orang soleh mereka sebagai tempat ibadah. Oleh itu, janganlah kamu menjadikan kubur-kubur sebagai masjid. Saya melarang kalian daripada itu." Hadis-hadis mengenai hal ini sangat banyak.

Para imam dan ulama dalam kalangan mazhab empat dan selainnya telah menetapkan larangan untuk menjadikan masjid di atas kubur, serta memperingatkan umat agar tidak berbuat demikian. Ini adalah sebagai amalan mengikuti Sunnah Rasulullah ﷺ serta nasihat untuk umat agar tidak terjerumus ke dalam kesesatan seperti yang dilakukan oleh kaum Yahudi dan Nasrani, serta golongan yang serupa dengan mereka yang merupakan golongan sesat bagi umat ini.

Justeru, menjadi kewajipan bagi Rabitah al-Ulum al-Islamiyyah di Jordan dan juga bagi umat Islam yang lain, untuk berpegang kepada sunnah, mengikuti jejak para imam dan berhati-hati dengan apa yang telah diperingatkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Dengan itu,

akan tercapailah kebaikan umat, kebahagiaan dan keselamatan mereka di dunia dan akhirat. Ada segelintir orang yang mengaitkan perkara ini dengan firman Allah SWT dalam kisah Ashabul Kahfi:

﴿قَالَ الَّذِينَ غَلَبُوا عَلَىٰ أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا﴾

*Kata mereka yang menguasai urusan mereka: "Sesungguhnya kami akan membina sebuah masjid di atas tempat mereka." (QS al-Kahf, 18:21)*

Jawapan terhadap perkara ini adalah bahawa Allah SWT memberitahu tentang apa yang dikatakan oleh pembesar-pembesar dan pemimpin-pemimpin pada zaman tersebut, yang berkata demikian, namun ini bukanlah sebagai tanda keredaan atau persetujuan daripada-Nya. Sebaliknya, ia adalah sebagai cemuhan dan kecaman terhadap perbuatan mereka, serta untuk menyebabkan umat menjauhi tindakan tersebut. Dengan kata lain, Allah menegur perbuatan mereka yang membina masjid di atas tempat-tempat yang dianggap suci atau mempunyai kaitan dengan para nabi. Hal ini menunjukkan bahawa Rasulullah ﷺ, yang ayat ini diturunkan kepadanya dan yang lebih mengetahui tentang tafsiran ayat tersebut telah melarang umatnya daripada menjadikan masjid di atas kubur, memberi amaran kepada mereka tentang perkara tersebut, serta melaknat dan mencela mereka yang melakukannya.

Seandainya perkara itu dibenarkan, pasti Rasulullah ﷺ tidak akan memberi peringatan yang keras dan tegas mengenainya, bahkan beliau menekankan sehingga melaknat mereka yang melakukannya, serta memberitahu bahawa mereka adalah golongan yang paling buruk di sisi Allah SWT. Ini sudah cukup untuk memberikan pengajaran dan meyakinkan para pencari kebenaran. Sekiranya kita menganggap bahawa menjadikan masjid di atas kubur itu dibenarkan bagi umat terdahulu, namun itu tidak membolehkan kita untuk mengikuti mereka dalam hal tersebut, kerana syariat kita adalah nasikh (pembatal) bagi syariat-syariat sebelumnya.

Rasul kita, Muhammad ﷺ, adalah penutup para nabi dan syariatnya adalah sempurna dan menyeluruh. Baginda telah melarang kita daripada menjadikan masjid di atas kubur, maka kita tidak boleh menentang larangan tersebut. Kewajipan kita adalah mengikuti baginda dan berpegang kepada apa yang dibawa oleh baginda, serta meninggalkan apa yang bertentangan dengan itu, meskipun ia dianggap baik atau diterima dalam syariat lama atau amalan yang dilakukan oleh sebahagian orang kerana tidak ada yang lebih sempurna daripada syariat Allah dan tidak ada petunjuk yang lebih baik daripada petunjuk Rasulullah ﷺ.

Kepada Allah sahaja kami memohon agar Dia memberikan taufik kepada kami dan seluruh umat Islam untuk tetap teguh di atas agama-Nya, berpegang teguh dengan syariat Rasul-Nya Muhammad ﷺ, baik dalam ucapan, perbuatan, yang zahir mahupun yang batin, serta dalam segala urusan kehidupan kami, sehingga kami dapat bertemu dengan Allah Yang Maha Agung. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Dekat.

Semoga selawat dan salam sentiasa tercurah kepada hamba-Nya dan Rasul-Nya, Muhammad ﷺ, serta kepada keluarga dan sahabat-sahabat baginda, dan kepada sesiapa yang mengikuti petunjuknya hingga ke hari kiamat.

## **Risalah Kesebelas: Pengebumian Mayat di Dalam Masjid**

Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah, serta ke atas keluarganya dan sesiapa yang mengikuti petunjuknya. Amma Ba'du;

Saya telah membaca surat khabar 'al-Khartoum' yang diterbitkan pada 17/4/1415H, dan saya mendapati bahawa terdapat pengumuman mengenai pengebumian Syed Muhammad al-Hassan al-Idrisi di sebelah ayahnya di masjid mereka di bandar Um Durman.

Atas dasar kewajiban untuk memberi nasihat kepada umat Islam dan membantah kemungkaran, saya merasakan keperluan untuk memberi peringatan bahawa pengebumian di dalam masjid adalah sesuatu yang tidak dibenarkan, bahkan ia adalah salah satu jalan yang boleh membawa kepada syirik, dan ia adalah tradisi yang dilakukan oleh orang Yahudi dan Nasrani yang dicela oleh Allah dan dilaknat oleh Rasul-Nya SAW, seperti yang disebutkan dalam hadis sahih yang diriwayatkan oleh Aisyah RAH, daripada Nabi SAW yang berkata: "Allah melaknat Yahudi dan Nasrani, mereka menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid." Dalam Sahih Muslim, daripada Jundub bin Abdullah, daripada Nabi SAW, beliau bersabda: "Ketahuilah bahawa orang-orang sebelum kamu telah menjadikan kubur para nabi dan orang-orang soleh mereka sebagai masjid. Maka, janganlah kamu menjadikan kubur sebagai masjid, kerana aku melarang kamu dari perbuatan itu." Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang makna ini sangat banyak.

Maka wajib ke atas kaum Muslimin di setiap tempat—baik pemerintah mahupun rakyat untuk bertakwa kepada Allah, menjauhi apa yang dilarangnya serta mengebumikan jenazah mereka di luar masjid, sebagaimana Nabi ﷺ dan para sahabatnya RA mengebumikan jenazah di luar masjid. Demikian juga

yang dilakukan oleh para pengikut mereka yang berbuat kebaikan.

Adapun keberadaan kubur Nabi ﷺ dan dua sahabatnya, Abu Bakar dan 'Umar RA, di dalam masjidnya ﷺ, maka itu bukan hujah untuk membolehkan pengebumian jenazah di dalam masjid. Ini kerana Rasulullah ﷺ telah dikebumikan di dalam rumahnya—di rumah Aisyah RA —kemudian kedua-dua sahabatnya turut dikebumikan bersama baginda.

Kemudian, apabila al-Walid bin Abdul Malik memperluaskan masjid, beliau memasukkan bilik tersebut ke dalamnya pada awal abad pertama Hijrah. Para ulama telah mengingkari perbuatannya itu, namun beliau berpendapat bahawa tindakan tersebut tidak menghalang perluasan masjid dan perkara itu jelas serta tidak menimbulkan keraguan.

Oleh yang demikian, jelas kepada setiap Muslim bahawa Rasulullah ﷺ dan kedua-dua sahabatnya, Abu Bakar dan Umar RA, tidak dikebumikan di dalam masjid. Memasukkan mereka ke dalam masjid disebabkan perluasan masjid tidak boleh dijadikan hujah untuk membenarkan pengebumian di dalam masjid kerana mereka bukan dikebumikan di dalam masjid tetapi di dalam rumah baginda ﷺ.

Perbuatan al-Walid tidak boleh dijadikan hujah oleh sesiapa pun dalam perkara ini kerana hujah yang sah terletak pada al-Quran dan al-Sunnah, serta ijma' (kesepakatan) para salaf umat ini, dan semoga kita menjadi sebahagian daripada pengikut mereka yang berbuat kebaikan.

Untuk tujuan memberi nasihat dan melunaskan tanggungjawab, dokumen ini telah disusun pada: 14/5/1415H.

Semoga Allah memberikan taufik dan petunjuk. Semoga selawat dan salam tercurah kepada Nabi Muhammad, keluarga dan sahabatnya, serta pengikut-pengikut mereka dengan kebaikan.

## **Risalah Kedua Belas: Penjelasan tentang Kekufuran dan Kesesatan Sesiapa yang Menganggap Bahawa Dibenarkan untuk Keluar dari Syariat Muhammad ﷺ**

Segala puji bagi Allah, Tuhan sarwa sekalian alam. Selawat dan salam dipohon buat Nabi Rasul termulia, iaitu Nabi kita, Muhammad, dan juga buat keluarga dan sahabat handai baginda kesemuanya.

Saya telah membaca sebuah artikel yang diterbitkan dalam akhbar al-Sharq al-Awsat, dalam edisi nombor 5824, bertarikh 5/6/1415H, yang ditulis oleh seseorang yang menamakan dirinya Abdul Fattah al-Hayek dengan tajuk: "al-Fahm al-Khati'" (Pemahaman yang Salah).

Ringkasan artikel tersebut adalah penolakannya terhadap perkara yang sudah diketahui secara pasti dalam agama Islam, yang telah ditegaskan melalui nas (dalil yang jelas) dan ijmak (kesepakatan ulama). Antaranya ialah keumuman risalah Nabi Muhammad ﷺ kepada seluruh manusia.

Selain itu, penulis artikel tersebut mendakwa bahawa sesiapa yang tidak mengikuti Nabi Muhammad ﷺ dan tidak mentaatinya, bahkan tetap dalam agama Yahudi atau Nasrani, maka dia masih berada di atas agama yang benar.

Bukan itu sahaja, dia juga melampaui batas dengan mempertikaikan kebijaksanaan Allah, Tuhan semesta alam, dalam mengazab orang-orang kafir dan ahli maksiat, serta menganggap perkara tersebut sebagai sia-sia dan tidak adil.

Selain itu, penulis artikel tersebut telah melakukan tahrif (penyelewengan) terhadap nas-nas syar'i, meletakkannya bukan pada tempat yang sebenar, serta mentafsirkannya mengikut hawa nafsunya.

Dia juga berpaling daripada dalil-dalil syarak yang jelas, yang menunjukkan keumuman risalah Nabi Muhammad ﷺ serta menetapkan kekufuran sesiapa yang mendengar tentangnya tetapi tidak mengikutinya.

Lebih daripada itu, dia mengabaikan nas-nas yang tegas yang menyatakan bahawa Allah tidak menerima agama selain Islam, serta dalil-dalil lain yang menunjukkan perkara ini.

Dia melakukan semua ini agar orang-orang jahil tertipu dengan kata-katanya dan terpedaya dengan penyelewengannya terhadap hakikat ajaran Islam.

Apa yang dilakukannya ini adalah kekufuran yang jelas, murtad daripada Islam serta mendustakan Allah ﷻ dan Rasul-Nya ﷺ, sebagaimana yang diketahui oleh sesiapa yang membaca perkara ini dalam kalangan ahli ilmu dan iman.

Kewajiban pemerintah adalah membawa penulis tersebut ke mahkamah untuk diberikan peluang bertaubat dan menjatuhkan hukuman ke atasnya sesuai dengan ketetapan syariat Islam yang suci.

Dan Allah SWT telah menjelaskan tentang keluasaan risalah Muhammad SAW dan kewajiban mengikuti baginda kepada semua umat manusia dan jin. Hal ini tidaklah dijahili oleh mereka yang memiliki sedikit pengetahuan dalam kalangan umat Islam.

Allah SWT berfirman:

﴿قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَأَمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ﴾

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada kalian semua, yang memiliki langit dan bumi; tiada tuhan selain Dia, yang menghidupkan dan mematikan. Maka berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi, yang beriman kepada Allah dan kata-kata-Nya, dan ikutilah dia agar kalian beroleh petunjuk." (Surah al-A'rāf: 158). Allah SWT berfirman:*

﴿وَأَوْحَىٰ إِلَيْنَا هَٰذَا الْقُرْآنَ لِأُنْذِرْكُمْ بِهِ وَمَنْ بَلَغَ﴾

*Al-Quran ini diwahyukan kepadaku, supaya aku memberi peringatan kepadamu dengannya dan kepada sesiapa sahaja yang mencapainya.* [Surah al-An'ām: 19]  
Allah SWT berfirman:

﴿قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ﴾

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, maka ikutilah aku, nescaya Allah akan mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosa kamu."* (Surah Ali 'Imran: 31) Allah SWT berfirman:

﴿وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

*"Sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka sekali-kali tidak akan diterima daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi."* [QS Ali 'Imran: 85] Allah SWT berfirman:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا﴾

*"Dan Kami tidak mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan kepada seluruh umat manusia sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan."* [Surah Saba': 28]. Allah SWT berfirman:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ﴾

*"Kami tidak mengutusmu (Muhammad), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi seluruh alam."* [Surah al-Anbiya': 107]. Allah SWT berfirman:

﴿وَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ أَأَسْلَمْتُمْ فَإِنْ أَسْلَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ﴾

*"Dan katakanlah kepada orang-orang yang telah diberi kitab dan kepada orang-orang yang buta huruf (yang tidak mendapat kitab): "Sudahkah kamu masuk Islam?" Jika mereka masuk Islam, maka sesungguhnya mereka telah mendapat petunjuk, tetapi jika mereka berpaling, maka kewajibanmu hanyalah menyampaikan (risalah). Dan Allah Maha Melihat kepada hamba-hamba-Nya." [Surah Āli 'Imrān: 20]. Allah SWT juga berfirman:*

﴿تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا﴾

*"Maha Suci Allah yang telah menurunkan al-Furqan kepada hamba-Nya, agar dia menjadi pemberi peringatan bagi seluruh alam." [Surah al-Furqan: 1].*

Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, daripada Jabir RA, bahawa Nabi ﷺ bersabda: **"Aku telah diberikan lima perkara yang tidak diberikan kepada seorang pun sebelumnya:**

**Aku diberi kemenangan dengan rasa takut (yang ditanamkan ke dalam hati musuh) sejauh perjalanan sebulan.**

**Dijadikan untukku bumi sebagai masjid dan alat bersuci, maka sesiapa sahaja dalam kalangan umatku**

yang memasuki waktu solat, hendaklah dia menunaikan solat di mana sahaja.

Dihalalkan untukku harta rampasan perang, sedangkan ia tidak dihalalkan bagi sesiapa pun sebelumku.

Aku diberi syafaat.

Dahulu para nabi diutus khusus kepada kaumnya sahaja, tetapi aku diutus untuk seluruh manusia."

Ini adalah pernyataan yang jelas tentang keluasan dan kesempurnaan risalah Nabi kita Muhammad ﷺ kepada seluruh umat manusia, serta syariatnya telah menghapus semua syariat sebelumnya. Sesiapa yang tidak mengikuti dan tidak mentaati Muhammad ﷺ, maka dia merupakan seorang yang kafir dan derhaka, yang berhak menerima hukuman. Allah ﷻ berfirman:

﴿وَمَنْ يَكْفُرْ بِهِ مِنَ الْأَحْزَابِ فَالنَّارُ مَوْعِدُهُ﴾

*"Dan sesiapa yang kafir terhadapnya (Nabi Muhammad ﷺ) daripada golongan-golongan yang berpecah, maka nerakalah tempat kembalinya." [QS. Hud: 7]. Allah SWT berfirman:*

﴿فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

*"Dan hendaklah orang-orang yang menyalahi perintahnya (Nabi Muhammad ﷺ) berhati-hati daripada*

*diserang fitnah atau akan ditimpa azab yang pedih."*

[Surah al-Nur: 63]. Allah SWT berfirman:

﴿وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ نَارًا خَالِدًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُهِينٌ﴾

*"Sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya serta melampaui batas-batas-Nya, Dia akan memasukkannya ke dalam neraka yang kekal di dalamnya, dan baginya azab yang menghinakan."* [QS. al-Nisa: 14]. Allah SWT berfirman:

﴿وَمَنْ يَتَّبِدَلِ الْكُفْرَ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ﴾

*"Dan sesiapa yang mahu mengubah kekafiran dengan keimanan, maka sungguh dia telah tersesat dari jalan yang lurus."* [QS. Al-Baqarah: 108]. Banyak lagi ayat yang sama makna dengan ini.

Allah telah mengaitkan ketaatan kepada Rasul-Nya dengan ketaatan kepada-Nya, dan Dia menjelaskan bahawa sesiapa yang meyakini selain Islam maka dia adalah orang yang rugi, tidak diterima daripada mereka amalannya, sama ada berupa perbuatan mahupun pengorbanan, sebagaimana firman-Nya:

﴿وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

*"Sesiapa yang mencari agama selain Islam, maka sekali-kali tidak akan diterima daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi."* [QS Ali `Imran: 85] Allah SWT berfirman:

﴿مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ﴾

*"Sesiapa yang taat kepada Rasul, maka dia telah taat kepada Allah."* [QS al-Nisā': 80]. Allah SWT berfirman:

﴿قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُمْ مَا حُمِّلْتُمْ وَإِنْ تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا﴾

*"Katakanlah: "Taatilah Allah dan taatilah Rasul; tetapi sekiranya kalian berpaling, maka sesungguhnya kewajiban Rasul itu adalah apa yang dibebankan kepadanya, dan kewajiban kalian adalah apa yang dibebankan kepada kalian. Sekiranya kalian mentaatinya, nescaya kalian akan mendapatkan petunjuk."* [QS al-Nūr: 54]. Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ﴾

*"Sesungguhnya orang-orang yang kafir daripada kalangan Ahli Kitab dan orang musyrik berada dalam neraka Jahannam, kekal di dalamnya. Mereka itulah seburuk-buruk makhluk."* [Surah al-Bayyinah: 6]

Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab sahihnya bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Demi Dia yang jiwa Muhammad berada dalam genggamannya, tidak seorang pun dari umat ini, sama ada Yahudi atau Nasrani, yang mendengar tentang aku, kemudian mati

dalam keadaan tidak beriman dengan apa yang aku diutuskan, melainkan dia termasuk penghuni neraka."

Rasulullah ﷺ telah menjelaskan dengan perbuatan dan sabdanya tentang kebatalan agama orang yang tidak masuk Islam. Baginda telah memerangi kaum Yahudi dan Nasrani, sebagaimana baginda juga memerangi golongan kafir yang lain.

Baginda juga mengambil jizyah daripada mereka yang memberikannya agar tidak ada halangan dalam penyebaran dakwah kepada yang lain dalam kalangan mereka, serta agar sesiapa yang ingin masuk Islam dapat melakukannya tanpa rasa takut terhadap kaumnya yang mungkin menghalang, mengancam atau membunuhnya.

Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: Ketika kami berada di masjid, tiba-tiba Rasulullah ﷺ keluar lalu bersabda: "Keluarlah kalian menuju (tempat) orang-orang Yahudi." Maka kami pun keluar bersama beliau hingga kami sampai di Bayt al-Madras. Lalu Nabi ﷺ berdiri dan menyeru mereka: "Wahai kaum Yahudi, masuklah Islam, nescaya kalian akan selamat."

Mereka menjawab: "Wahai Abu al-Qasim, engkau telah menyampaikan (ajaranmu)."

Lalu Rasulullah ﷺ mengulangi lagi: "Itulah yang aku inginkan. Masuklah Islam, nescaya kalian akan selamat."

Mereka kembali menjawab: "Wahai Abu al-Qasim, engkau telah menyampaikan (ajaranmu)."

Lalu Rasulullah ﷺ mengulangi lagi: "Itulah yang aku inginkan." Kemudian beliau mengatakannya untuk ketiga kalinya..." daripada hadis panjang.

Maksudnya adalah bahawa Rasulullah ﷺ pergi kepada orang-orang Yahudi di tempat ibadah dan pembelajaran mereka (Bait al-Madras), lalu menyeru mereka kepada Islam dengan berkata: "Masuklah Islam, nescaya kalian akan selamat." Baginda mengulanginya kepada mereka beberapa kali.

Begitu juga baginda telah mengutus suratnya kepada Hercules, mengajaknya kepada Islam serta memberitahunya bahawa jika dia menolak, maka dia akan menanggung dosa mereka yang tidak memeluk Islam akibat keengganannya. Sesungguhnya, al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan dalam kitab sahih mereka

bahawa Hercules telah meminta surat Rasulullah ﷺ, lalu membacanya dan di dalamnya tertulis: "Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang. Dari Muhammad, Rasul Allah kepada Hercules, Penguasa Rom. Sejahtera ke atas sesiapa yang mengikuti petunjuk.

Amma ba'du: Sesungguhnya aku menyerumu dengan seruan Islam. Masuklah Islam, nescaya engkau akan selamat. Masuklah Islam, nescaya Allah akan memberimu ganjaran dua kali ganda. Tetapi jika engkau berpaling, maka engkau akan menanggung dosa rakyat jelata (al-Ariisiyyin)."

﴿يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ﴾

*"Wahai Ahli Kitab! Marilah kepada satu kalimat (perjanjian) yang sama antara kami dan kamu, bahawa kita tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu pun dan janganlah sebahagian daripada kita mengambil sebahagian yang lain sebagai tuhan selain daripada Allah. Jika mereka berpaling, maka katakanlah (kepada mereka): "Saksikanlah bahawa sesungguhnya kami adalah orang-*

*orang Islam (yang berserah diri kepada Allah)." [Surah Ali `Imran: 64]*

Kemudian, apabila mereka berpaling dan menolak untuk memeluk Islam, Rasulullah ﷺ bersama para sahabatnya RA memerangi mereka dan mewajibkan ke atas mereka jizyah.

Untuk menegaskan kesesatan mereka serta hakikat bahawa mereka berada di atas agama yang batil setelah ia dimansuhkan oleh agama Muhammad ﷺ, Allah telah memerintahkan setiap Muslim agar memohon kepada-Nya setiap hari, dalam setiap solat, dan dalam setiap rakaat, supaya Dia membimbingnya ke jalan yang lurus yang benar dan diterima iaitu Islam. Dan supaya Dia menjauhkannya daripada jalan orang-orang yang dimurkai iaitu Yahudi dan golongan yang serupa dengan mereka, yang mengetahui bahawa mereka berada di atas kebatilan akan tetapi tetap berkeras berada di atas kebatilan. Dan supaya Dia menjauhkannya daripada jalan orang-orang yang sesat iaitu mereka yang beribadah tanpa ilmu dan menyangka bahawa mereka berada di atas petunjuk sedangkan mereka berada di atas kesesatan. Mereka itulah golongan Nasrani dan sesiapa yang menyerupai mereka daripada umat-umat lain yang beribadah dalam keadaan sesat dan jahil. Semua itu bertujuan agar seorang Muslim mengetahui dengan yakin bahawa

setiap agama selain Islam adalah batil dan sesiapa yang beribadah kepada Allah dengan cara selain Islam adalah sesat. Sesiapa yang tidak meyakini perkara ini, maka dia bukan dalam kalangan Muslimin. Dalil-dalil mengenai perkara ini sangat banyak, sama ada daripada al-Quran mahupun al-Sunnah.

Maka wajib ke atas penulis artikel tersebut, Abdul Fattah untuk segera bertaubat dengan taubat nasuha dan menulis sebuah artikel yang mengisytiharkan taubatnya. Sesiapa yang bertaubat kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya, maka Allah akan menerima taubatnya, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

*"Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu mendapat kejayaan."* [QS al-Nur: 31]. Dan firman Allah SWT:

﴿وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا ۖ يُضَاعَفْ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَيَخْلُدْ فِيهِ مُهَانًا ۖ إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا فَأُولَٰئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا﴾

*"Dan orang-orang yang tidak menyeru tuhan yang lain bersama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang*

*diharamkan Allah (untuk dibunuh) kecuali dengan hak, serta tidak berzina. Dan sesiapa yang melakukan demikian, nescaya dia akan mendapat balasan dosa."*

*"Azabnya akan digandakan pada hari kiamat dan dia akan kekal di dalamnya dalam keadaan terhina."*

*"Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal soleh, maka mereka itulah yang Allah gantikan kejahatan mereka dengan kebaikan. Dan Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang."* [QS al-Furqan: 68-70]. Juga sabda Nabi SAW: "Islam menghapuskan apa yang sebelumnya, dan taubat menghapuskan apa yang sebelumnya." Nabi SAW juga bersabda: "Orang yang bertaubat daripada dosa seperti orang yang tidak mempunyai dosa."

Ayat-ayat dan hadis-hadis yang berbicara tentang hal ini sangat banyak.

Aku memohon kepada Allah SWT agar Dia memperlihatkan kepada kita kebenaran sebagai kebenaran dan merezekikan kita untuk mengikutinya, serta memperlihatkan kepada kita kebatilan sebagai kebatilan dan merezekikan kita untuk menjauhinya.

Semoga Allah menganugerahkan kepada kita, kepada penulis Abdul Fattah dan kepada seluruh umat Islam

taubat nasuha, serta melindungi kita semua daripada fitnah yang menyesatkan, daripada mengikuti hawa nafsu dan syaitan. Sesungguhnya Dia-lah Pemilik segala urusan dan Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Selawat serta salam ke atas Nabi kita Muhammad, juga ke atas keluarga dan sahabatnya, serta sesiapa yang mengikuti mereka sehingga hari kiamat.

|                                                                                                                                                                                                                                                  |    |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Risalah Pertama .....                                                                                                                                                                                                                            | 3  |
| Akidah Yang Sahih dan Pembatalnya .....                                                                                                                                                                                                          | 3  |
| Penjelasan tentang enam asas utama adalah seperti berikut: .....                                                                                                                                                                                 | 8  |
| Asas Pertama: Beriman kepada Allah SWT .....                                                                                                                                                                                                     | 8  |
| Ia merangkumi beberapa perkara, antaranya: .....                                                                                                                                                                                                 | 8  |
| Beriman bahawa Dia adalah satu-satunya Tuhan yang benar, yang berhak disembah tanpa sebarang sekutu. 8                                                                                                                                           |    |
| Ini kerana Dialah yang menciptakan hamba-hambanya, melimpahkan kebaikan kepada mereka, mengurus rezeki mereka, mengetahui segala yang tersembunyi dan yang nyata, serta berkuasa memberi balasan kepada yang taat dan menghukum yang ingkar..... | 8  |
| Asas Ketiga: Beriman kepada Kitab-Kitab Allah .....                                                                                                                                                                                              | 29 |
| Beriman kepada kitab-kitab Allah juga merangkumi dua perkara: .....                                                                                                                                                                              | 29 |
| Asas Keempat: Beriman kepada Para Rasul .....                                                                                                                                                                                                    | 32 |
| Asas Kelima: Beriman kepada Hari Akhirat.....                                                                                                                                                                                                    | 34 |
| Asas Keenam: Beriman kepada Qadar (Takdir) .....                                                                                                                                                                                                 | 35 |

|                                                                               |     |
|-------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Akidah yang Bertentangan dengan Akidah yang Benar .....                       | 42  |
| Risalah Kedua: Tentang hukum memohon pertolongan kepada Nabi SAW. ....        | 53  |
| Risalah Ketiga .....                                                          | 73  |
| Hukum Beristighasah Dengan Jin Syaitan dan Hukum Bernazar Kepada Mereka ..... | 73  |
| Risalah Keempat .....                                                         | 98  |
| Hukum Beribadah Dengan Wirid-Wirid Yang Bidaah dan Syirik.....                | 98  |
| Risalah Kelima: .....                                                         | 128 |
| Hukum Menyambut Mawlid Nabi dan Hari Jadi Lain.....                           | 128 |
| Risalah Keenam.....                                                           | 140 |
| Hukum Menyambut Malam Israk Mikraj .....                                      | 140 |
| Risalah Ketujuh .....                                                         | 148 |
| Hukum Menyambut Malam Nisfu Syaaban .....                                     | 148 |
| Risalah Kelapan.....                                                          | 164 |
| Peringatan Penting tentang Pembohongan Wasiat yang Dinisbahkan.....           | 164 |
| kepada Shaykh Ahmad, kononnya Khadam al-Haram al-Nabawi al-Sharif .....       | 164 |

|                                                                                                                                                      |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Risalah Kesembilan: Hukum sihir, Ramalan dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengannya .....                                                          | 183 |
| Risalah Kesepuluh: Tegahan Membina Masjid Di Atas Perkuburan .....                                                                                   | 203 |
| Risalah Kesebelas: Pengebumian Mayat di Dalam Masjid .....                                                                                           | 209 |
| Risalah Kedua Belas: Penjelasan tentang Kekufuran dan Kesesatan Sesiapa yang Menganggap Bahawa Dibenarkan untuk Keluar dari Syariat Muhammad ﷺ ..... | 212 |

هدية  
HÄDIYAH



## The Encyclopedia of Ar-Rahman's Guests

Selected material for Pilgrims and Um-rah teaching it  
in languages of the world.



978-603-8524-9-1